

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEENAM
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 11	Rabu	21 Mac 2018
----------------	-------------	--------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 31)
Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong - <i>Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim (Kuala Selangor)</i>	(Halaman 32)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEENAM
MESYUARAT PERTAMA**

Rabu, 21 Mac 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sehingga kini berapakah jumlah sekolah di seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar telah dilengkapi dengan elemen Pembelajaran Abad Ke-21 yang mampu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah serta apakah perancangan kementerian dalam melengkapkan elemen PAK-21 dengan memfokuskan terlebih dahulu sekolah di kawasan luar bandar yang kurang mendapat perhatian sektor swasta dan sebagainya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai atas soalan pembelajaran di abad ke-21. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, statistik Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan bahawa 10,182 buah sekolah di seluruh negara telah dibekalkan dengan perkhidmatan internet kelajuan lebar jalur 15 Mbps, 10 Mbps, 6 Mbps dan 2 Mbps.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 7,050 buah sekolah iaitu 69.24 peratus adalah sekolah-sekolah di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2018, Kementerian Pendidikan Malaysia merancang menyediakan 2,000 bilik darjah pintar di 1,000 buah sekolah dengan persekitaran yang menggalakkan pembinaan kemahiran abad ke-21 dengan nisbah 40 peratus sekolah bandar dan 60 peratus sekolah luar bandar.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan kit penerangan pembelajaran abad ke-21 untuk rujukan semua pihak yang terlibat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini salah seorang pelajar terbaik Malaysia STPM yang baru-baru ini dalam kategori istimewa bernama Abdul Hakim bin Abdul Majid adalah dari lulusan Sekolah Menengah Alang Iskandar Bagan Serai yang merupakan pusat *Form 6* Kerian.

Tuan Yang di-Pertua, Daerah Kerian mencapai ranking terbaik antara semua daerah di negeri Perak dalam keputusan SPM baru-baru ini dengan GPS 4.72. Dengan ini menjadikan Daerah Kerian mencapai tahap hatrik iaitu di ranking pertama sejak tahun 2015 lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada PPD Daerah Kerian, warga pendidik Daerah Kerian, pelajar-pelajar dan juga ahli-ahli keluarga kerana komitmen yang tinggi dan pengorbanan yang istiqamah untuk kejayaan yang hebat ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mulakan sedikit soalan tambahan ini. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dalam Bajet 2018, sebanyak 2,000 buah kelas akan dibuat PA21 kelas pintar dengan RM190 juta. Jadi di Kerian ini sebenarnya, kita ada dua buah sekolah yang menjadi sekolah rintis iaitu Sekolah Kebangsaan Dato' Alaudin, saya ringkaskan SKDA dan Sekolah Menengah Selinsing.

Baru-baru ini saya pergi rasmi PIBG dan saya dapat info mengatakan sekolah ini telah menjadi sebagai rujukan daripada luar dan dalam negeri. Ramai yang datang melawat untuk mendapatkan bimbingan bagaimana untuk mencapai kelas PA21. Malah sekolah SKDA ini terpilih dua kali untuk pameran KBAT Jelajah KPM dan juga terpilih menjadi calon pemangkin KBAT, dapat tahap kelima dalam kebangsaan. Saya hendak ucapkan tahniah kepada SKDA.

Tuan Yang di-Pertua, gambaran saya tentang PA21 ini, sekolah yang ada *smart board*, sekolah yang ada internet yang baik, fleksibiliti, meja kerusi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang *ni* Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Panjang Tuan Yang di-Pertua? Okey saya akan ringkaskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi saya peluang. Akan tetapi saya tengok di SKDA ini tidak ada kelengkapan yang baik sebenarnya. Jadi maknanya, tiada *smart board* satu, pencapaian internetnya tidak berapa bagus dan meja kerusinya sangat tradisional dan *outdated* dan ruang belajarnya agak panas, berpeluh, tidak ada *aircond*. Sekarang ini ada *aircond* sudah jadi keperluan. Walaupun demikian Tuan Yang di-Pertua, PDP abad ke-21 sudah dilaksanakan dan sekolah ini telah dapat kunjungan, sudah dapat capaian sebagai rujukan sekolah abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, soalan sekarang. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, rilekslah. Gangguan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kalau ada gangguan, susah saya hendak cakap. Bolehkah atau bilakah kerajaan dapat mewujudkan ataupun menaikkan infra dan kelengkapan PA21 pada sekolah-sekolah seperti sekolah SKDA ataupun sekolah-sekolah lain di negara ini yang menjadi aset iaitu sekolah rintis. Bolehkah diwujudkan *training* dan latihan untuk pemantapan yang lebih kondusif untuk cikgu-cikgu? Bagi peluang cikgu-cikgu bagi motivasi sedikit.

Juga saya ingin bertanya, apalah kiranya kerajaan dapat mengadakan makmal PA21 di SKDA ataupun sekolah-sekolah yang seangkatan dengannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat Rompin, ini baru sesi soal jawab lisan, Yang Berhormat. Yang Berhormat, kita ada peluang lagi untuk kita berbahas dan membuat pencelahan dalam sesi semasa Kementerian Pendidikan akan menjawab selepas ini.

■1010

Jadi, jangan gunakan untuk menjawab soalan bagi kita berbahas dan menggabungkan dua atau tiga soalan ini, Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya ambil maklum kerana pencapaian Sekolah Kebangsaan Dato' Alaudin kerana saya sendiri pernah melawat dan ada perjumpaan dengan Jabatan Pendidikan Negeri Perak. Saya pernah diberi perancangan dan juga maklumat tentang kecemerlangan Sekolah Kebangsaan Dato' Alaudin. Saya juga dimaklumkan bahawa tenaga pengajar di kalangan SISC+ PPD Kerian ini diketuai oleh guru besar sendiri. Maksudnya, tenaga pengajar, pendidik di sana memang di antara terbaik, malah semua guru-guru di negara kita mempunyai kecemerlangan masing-masing. Akan tetapi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada guru-guru SK Dato' Alaudin Bagan Serai.

Yang Berhormat, memandangkan isu ini spesifik, buat masa ini saya belum ada maklumat terperinci tentang taraf infra dan kelengkapan. Sebentar lagi pegawai saya sedang mendengar hujah ini, kalau ada maklumat akan saya jawab sebentar lagi. Akan tetapi Yang Berhormat, tentang permohonan Makmal Pembelajaran Abad Ke-21 SK Dato' Alaudin Selinsing, Bagan Serai ini Yang Berhormat. Sebanyak 8000 buah sekolah

telah dilengkapi dengan jalur lebar berkelajuan tinggi sehingga kini. Semua sekolah telah dilengkapi dan dengan makmal komputer dan bilik komputer pelbagai teknologi.

Namun, terdapat beberapa makmal yang perlu penyelenggaraan ataupun penggantian. Dalam aspek ini Yang Berhormat, kita telah meletakkan beberapa kriteria permohonan untuk sekolah-sekolah yang dikenal pasti. Saya akan menerima cadangan Yang Berhormat untuk mempertimbangkan Sekolah Kebangsaan Dato' Alaudin ini sebagai salah sebuah sekolah sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat yang telah pun ditetapkan dan yang wajibnya akan ada pertimbangan yang sewajarnya.

Kita bukan sahaja sekolah ini. Banyak lagi sekolah yang kita akan laksanakan kelas bilik darjah pintar seperti mana yang dikatakan Yang Berhormat tadi. Dari aspek latihan peningkatan dan pemantapan pembelajaran abad ke-21 Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun melatih jurulatih utama pembelajaran abad ke-21 yang terdiri daripada pegawai-pegawai daripada Jabatan Pendidikan Negeri dan juga PPD. Mereka telah melatih pegawai akademik JPN dan PPD, *school improvement specialist coaches* ataupun SISC+, *school improvement partners* ataupun SIS+. Pada ketika ini, semua pihak tersebut sedang melaksanakan latihan pembelajaran abad ke-21 kepada guru-guru secara berperingkat dan berterusan. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya hendak minta Yang Berhormat Kepong. Dia tunjuk ajar kita bagaimana hendak tanya soalan. Sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah masalah yang dihadapi dan bilangan sekolah-sekolah yang paling hebat dalam pelaksanaan ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Tidak sampai satu minit, Yang Berhormat.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kepong yang sentiasa bertanya soalan padat dan spesifik. Kita boleh berikan maklumat secara bertulis kerana jawapan yang diminta oleh Yang Berhormat ialah angka sekolah-sekolah yang telah melaksanakan dengan hebatnya, ada. Kebanyakan sekolah mempunyai kehebatan dalam aspek penggunaan pembelajaran abad ke-21 ini. Yang Berhormat tetapi antara kecemerlangan, keupayaan sekolah ialah tanggungjawab guru yang hebat.

Kebanyakan sekolah yang berjaya melaksanakan pembelajaran abad ke-21 ialah kerana guru-gurunya, dengan izin, *very passionate with their responsibility given*, dengan izin. Mereka mempunyai daya keinginan yang tinggi untuk melihat anak murid mereka berjaya. Itulah kejayaan guru-guru di negara kita ini. Hampir 500,000 guru-guru.

Mereka semua mengambil maklum dan mereka semua memberi tumpuan 100 peratus untuk memastikan pembelajaran abad ke-21 ini berjaya. Dua aspek komponen pembelajaran abad ke-21. Satu - secara fizikal, satu - secara *virtual*. Secara fizikal ini Yang Berhormat, telah pun dilaksanakan sebelum ini.

Apabila kita katakan secara fizikal Yang Berhormat, contohnya dalam aspek 4K dan 1N yang mana pelajar-pelajar itu akan melalui aspek *creative, communicative, critical* dan juga dari segi nilai mereka. Semua ini dalam aspek fizikal pembelajaran abad ke-21. *Virtual* pula teknologi, alat. Inilah yang kita lengkapkan kepada sekolah-sekolah. Saya pasti kita akan berjaya melaksanakannya.

Yang Berhormat Bagan Serai, saya baru mendapat maklumat daripada pegawai saya dari Kementerian Pendidikan Malaysia yang memang cekap menyiapkan maklumat tambahan ini. Yang Berhormat Bagan Serai, kita dapat maklum sekolah telah memohon untuk membaik pulih bumbung sekolah yang bocor dan untuk dua blok bangunan baru. Untuk maklumat Yang Berhormat, lantikan kontraktor telah dibuat pada 8 Mac 2018 dan untuk baik pulih bumbung pula akan dijalankan bulan April 2018. Ini maklumat terkini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat Menteri, ada cikgu dengar ini di belakang. Terima kasih.

2. Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan berapakah kes jenayah seksual kanak-kanak telah didakwa dalam Akta Jenayah Seksual Kanak-kanak yang baru.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat prihatin dan memandang serius akan kes penderaan seksual yang berlaku ke atas kanak-kanak.

Usaha-usaha dilaksanakan secara berterusan bagi menangani kes penderaan seksual kanak-kanak agar mangsa kanak-kanak mendapat pembelaan yang sewajarnya. Daripada aspek penguatkuasaan Akta Kesalahan-kesalahan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, statistik daripada Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak menunjukkan bahawa sebanyak 314 kes telah disabit dengan kesalahan di bawah akta ini sejak ia diwartakan pada 10 Julai 2017. Terima kasih.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. 314 kes adalah kes yang agak banyak dibandingkan baru lebih kurang setahun tidak sampai kita telah meluluskan akta

ini. Soalan saya Yang Berhormat Menteri ialah, kita difahamkan antara permasalahan yang dihadapi dalam kes ini ialah melibatkan soal pensabitan, soal saksi, soal kanak-kanak itu sendiri sebagai mangsa.

Soalan saya, bagaimanakah pihak kementerian sebagai agensi pelaksana dapat melaksanakan apa yang dinamakan sebagai garis panduan yang melibatkan empat tajuk besar iaitu laporan dan siasatan, perbicaraan, pengendalian mangsa atau saksi kanak-kanak dan khidmat perlindungan serta yang akhirnya sokongan kepada mangsa atau saksi kanak-kanak. Mohon penjelasan daripada pihak kementerian supaya 314 kes ini dapat dikendalikan dengan efisien. Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Parit Buntar. Pertamanya, kes yang 314 yang saya maklumkan sebentar tadi iaitu kes yang telah pun disabitkan kesalahan. Ertinya, tidak ada *delay*, dengan izin, kes-kes ini telah berjalan dan memang ada satu garis panduan yang telah disebutkan bahawa ia mesti diselesaikan dalam tempoh 12 bulan. Itu sebab kita ada sekarang ini 314 kes walaupun laporan pendaftaran yang telah kita dapati sekarang ini adalah 382 kes. Ertinya, ada sedikit lagi yang masih di dalam tindakan. Ini adalah disebabkan menunggu laporan kimia, laporan perubatan yang belum lagi siap untuk sampai kepada pihak pendakwa raya.

Akan tetapi pada keseluruhannya, kes-kes dapat dikendalikan dengan secepat mungkin dan sabitan telah dapat dilaksanakan oleh mahkamah. Untuk tujuan penglibatan daripada pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat, tugas jabatan dan peranan utama Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk makluman Yang Berhormat dan juga semua Ahli Dewan yang mulia ini ialah pertamanya untuk menyelamatkan, melindungi, menjaga dan membantu dalam pemulihan kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual dan keluarga kanak-kanak. Tatacara untuk perlindungan mangsa jenayah seksual ini adalah seperti menerima laporan dan aduan mengenai kes ini, JKM akan mengambil laporan dan aduan.

■1020

Kemudian JKM akan melawat tempat berlakunya penderaan ini secepat mungkin dan kanak-kanak akan dibawa ke hospital. Pegawai pelindung akan mengadakan lawatan ke hospital dan juga akan membuat laporan polis. Sekiranya laporan polis belum lagi dibuat, maka Jabatan Kebajikan Masyarakat akan membuat laporan polis. Pegawai pelindung kemudiannya akan menjalankan penyiasatan terhadap mangsa dan keluarga. Jika dia melibatkan jenayah seksual *pornography*, kanak-kanak dan jenayah seksual penyantunan kanak-kanak (*child grooming*), jenayah ini hendaklah disiasat oleh polis.

Ertinya daripada segi siasatan jenayahnya itu, polislah yang akan melakukan siasatan tetapi pihak JKM akan jadi pelindung, penyelamat dan juga memberikan kaunseling kepada kanak-kanak tersebut.

Di dalam masa berlakunya pembicaraan di mahkamah, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat akan ada di sana sentiasa mendampingi kanak-kanak. Jika diperlukan menjadi saksi, mereka akan juga hadir di mahkamah sebagai saksi. Setelah kes selesai, Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak akan lepas tangan, mereka terus juga akan melakukan kaunseling kepada kanak-kanak dan keluarga mereka untuk sekian masa bagi memastikan mereka dapat balik *rehabilitate* dan hidup dalam keadaan yang selesa. Itu merupakan tanggungjawab yang dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan Yang Mulia ini, bahawa segala garis panduan ini sekarang sudah pun kita bukukan ya. Kita bukukan garis panduan ini sekarang dan diadakan sesi jerayawara ke daerah-daerah untuk memaklumkan kepada terutamanya *stakeholders* kita, agensi-agensi yang berkaitan supaya mereka mengetahui apakah tugas dan tanggungjawab mereka di dalam garis panduan ini berikutan dengan diluluskan undang-undang ini. [*Sambil menunjukkan sebuah buku garis panduan*]

Di samping itu juga, selain agensi yang terlibat, kita juga melibatkan NGO-NGO yang berkenaan seperti *Save The Children*, PIBG, para ibu bapa dan *insya-Allah* nanti kita akan lebar luaskan lagi melibatkan orang ramai supaya semua orang mengetahui tentang garis panduan ini dapat membantu kita menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan jenayah seksual terhadap kanak-kanak ini Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi saya peluang untuk soalan tambahan. Terima kasih dan tahniah kepada kementerian di atas usaha-usaha yang dilakukan. Soalan tambahan saya ialah setelah perkara ini diselesaikan di peringkat mahkamah, apakah tindakan selanjutnya yang diambil atau dirangka oleh pihak kementerian dalam usaha pemulihan aspek emosi dan psikologi kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan seksual? Ini kerana kita dapati ada di negara-negara lain diadakan satu pusat-pusat khas untuk kaunseling kanak-kanak ini kerana ternyata emosi mereka akan lama terganggu dengan perkara sedemikian. Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Sesungguhnya memang menjadi tugas dan tanggungjawab kementerian oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat memastikan kanak-kanak yang menjadi mangsa ini akan dapat kembali dalam masyarakat, dalam hidup seharian mereka seperti biasa. Intervensi pemulihan yang dilakukan ialah kita

mempunyai kaunselor ataupun pegawai psikologi yang menyediakan intervensi kaunseling dan bimbingan melalui pemulihan psikologi kanak-kanak, pendekatan intervensi krisis trauma, kaunseling individu, kaunseling berkumpulan iaitu kanak-kanak dan juga kaum keluarga mereka, kaunseling keluarga, *psychotherapy*, terapi kumpulan, terapi permainan, terapi seni dan juga pemulihan emosi kanak-kanak dalam keluarga kanak-kanak seperti pengurusan marah. Tentulah mereka merasa marah kerana mereka diperlakukan yang sedemikian. Antara lainnya, pemangsa itu adalah kaum keluarga mereka sendiri juga, mungkin *boyfriend* dan juga sebagainya. *Coping skills*, bengkel interaktif dan juga kemahiran keibubapaan juga kita laksanakan.

Selain itu juga, kita meneruskan sokongan pembangunan perkembangan, memantau perkembangan pendidikan kanak-kanak dari segi persekolahan. Jikalau kanak-kanak yang terlibat itu, mangsa itu masih bersekolah, maka kita pantau perkembangan mereka. Mungkin diadakan pertukaran sekolah dan juga kita akan pantau kemajuan pelajaran mereka. Juga kita memberikan bantuan kewangan Tuan Yang di-Pertua. Kita memberikan latihan membantu mencari peluang pekerjaan jika mereka memerlukan pekerjaan.

Daripada segi pengintegrasian kanak-kanak dalam masyarakat pula, kita mengadakan persidangan kes panel; kajian semula pembebasan sekiranya kanak-kanak sesuai untuk diintegrasikan dengan keluarga sekiranya sesuai; menyediakan laporan penilaian kesesuaian keluarga untuk penerimaan kanak-kanak atau mendapatkan perintah yang lanjut; memastikan syarat tambahan perintah dipatuhi iaitu ibu bapa atau penjaga kanak-kanak perlu melawat kanak-kanak di tempat selamat atau institusi jika sekiranya kanak-kanak itu ditempatkan, dilindungi di tempat institusi kami; membuat seliaan kepada kanak-kanak yang keluar daripada institusi kanak-kanak; menganjurkan program rumah perantaraan kepada bekas penghuni institusi. Jadi, kita pun di Malaysia juga ada rumah transit kita untuk kanak-kanak yang keluar dari institusi dan sekarang ini kita tambah baik lagi bagi memastikan kanak-kanak ini sekiranya mereka perlu kita lindungi dan simpan ataupun kita dudukkan di institusi kita, mereka ini kita latih supaya keluar nanti dapat bersama-sama dengan masyarakat. Inilah di antara perkara-perkara yang kita laksanakan bagi membantu kanak-kanak yang menjadi mangsa ini.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

3. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta Menteri Pengangkutan menyatakan program-program yang telah direncanakan oleh agensi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bersama pengguna jalan raya serta peminat sukan permotoran bagi merapatkan lagi hubungan agensi tersebut bersama pengguna.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan hubungan mesra agensi ini dengan pengguna jalan raya dan juga kelab-kelab permotoran yang mempunyai keahlian yang ramai di dalam negara agar dapat memupuk dan mendidik mereka agar lebih berdisiplin di jalan raya serta membendung peningkatan kadar kesalahan jalan raya.

Program-program yang dijalankan oleh JPJ tidak hanya mengkhususkan kepada kelab-kelab permotoran, malah melibatkan orang ramai yang merupakan pengguna jalan raya. Antara program yang telah dijalankan adalah *1JPJ Advance Driving*, di mana semua peminat sukan permotoran terutamanya didedahkan kepada teknik-teknik pemanduan yang selamat dan berteknikal serta memperkasakan dengan ilmu tentang kenderaan dan penjagaannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan menyahut saranan NBOS ataupun *National Blue Ocean Strategy*, Kementerian Pengangkutan melalui JPJ juga telah mengembangkan teknik pemanduan dan penjagaan kenderaan kepada anggota agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan juga Jabatan Kesihatan Negeri.

Program-program seumpama ini juga disalurkan kepada kelab-kelab permotoran seperti Kelab Peminat Kereta Mini Malaysia, Gabungan Bikers Islam Malaysia, Kelab Pemilik H1 Malaysia dan kelab-kelab permotoran lain yang berdaftar di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Pada tahun 2016, sebanyak 14 program seumpama ini telah diadakan termasuk di Sabah dan Sarawak yang telah melibatkan 580 orang. Pada tahun 2017, program-program ini telah dikembangkan dan dilaksanakan bersama dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan industri automotif serta dianjurkan oleh kelab-kelab dan persatuan permotoran yang telah melibatkan lebih 800 orang.

Selain itu, JPJ juga sering dijemput untuk menjadi juri dalam pelbagai pertandingan permotoran klasik. Bagi meluaskan peranan JPJ dalam mendidik masyarakat tentang sukan permotoran dan pengetahuan berkaitan permotoran, JPJ melalui Bahagian Kejuruteraan Automotif sedang merangka program bersama Institusi

Pengajian Tinggi Awam seperti Universiti Malaysia Perlis dan dibantu oleh pelopor industri automotif seperti Modenas, Proton, Perodua, Kawasaki, Yamaha, KTM dan lain-lain lagi.

Bagi merapatkan lagi hubungan serta mendidik pengguna jalan raya, Pengarah Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ sentiasa ke udara melalui radio IKIMfm, radio Malaysia Perlis, PERAKfm dan Asyik FM dalam program DIMD Auto - Kenali Kenderaan Kita pada setiap minggu.

■1030

Selain itu, kelab dan persatuan permotoran juga turut dilibatkan dalam program-program JPJ seperti JOM JPJ bagi mengeratkan jalinan mesra dan menjadikan kelab serta persatuan ini sebagai agen advokasi dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung keselamatan jalan raya. Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjelaskan secara detil jawapan yang diberikan. Kita tahu hari ini masyarakat luar bandar, bandar, berminat dengan permotoran. Hujung minggu sahaja penuh mereka di jalan raya ataupun di *highway-highway*. Soalan saya, bagaimanakah usaha pihak kementerian dalam menarik minat golongan muda serta peminat sukan permotoran untuk mendaftar diri dengan Skwad Muda JPJ?

Dalam pada masa yang sama, apakah usaha kementerian dalam hendak memberikan lesen yang mudah kepada golongan muda menaiki motor supaya dapat lesen? Ini kerana kita tahu di jalan raya kadang-kadang ramai di kalangan golongan muda yang tidak memiliki lesen. Seperti mana program kita buat untuk warga tua yang kita kumpulkan, kemudian mereka dapat mudah lesen. Jadi minta jawapan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai untuk menarik minat golongan persatuan-persatuan ini, memang pihak JPJ sentiasa membuka ruang, pintu untuk persatuan ini masuk dalam Program Skwad Muda JPJ. Skwad Muda JPJ ini merupakan satu pendekatan untuk melibatkan kelab-kelab permotoran bagi membuat *engagement* dengan semua pengguna-pengguna jalan raya.

Jadi sememangnya kelab-kelab permotoran ini dialu-alukan untuk mendaftar dengan Skwad Muda JPJ supaya ia dapat merapatkan hubungan yang lebih erat dengan pihak agensi JPJ bagi memudahkan pengurusan, pemahaman kepada pengguna-pengguna jalan raya. Seterusnya mengenai memberi kemudahan kepada anak-anak muda. Pada dasarnya kerajaan telah ada satu program khusus untuk anak muda iaitu Program MyLesen. Program MyLesen ini kita memberi kemudahan kepada anak-anak muda untuk mendapatkan bayaran yang lebih murah iaitu RM299. Di mana JPJ telah

mengadakan kerjasama dengan pihak institut memandu untuk mendaftarkan anak-anak muda mendapatkan lesen dengan mudah. Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi. Terima kasih Timbalan Menteri. Berbalik kepada soal berkenaan dengan apa yang disebut oleh wakil daripada Gerik tadi iaitu berkenaan dengan banyak hal-hal yang membabitkan soal kemalangan ini ialah membabitkan juga belia-belua. Kajian yang pernah dibuat oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia, apabila berlakunya kemalangan maut yang melibatkan belia, sekurang-kurangnya negara kerugian sebanyak RM1.2 juta kerana nilai seorang belia tadi. Persoalan saya ialah banyak juga berlaku kemalangan jalan raya ini kalau pengalaman kita apabila kita naik kenderaan di jalan raya, banyak kita lihat berpuncunya adalah daripada kenderaan berat. Terutama bas dan juga lori-lori besar yang kita rasakan tidak ada sivik waktu mereka itu memandu.

Jadi persoalan saya apakah tindakan-tindakan yang agak drastik untuk mengatasi perkara ini? Kadang-kadang kita tengok apabila ada berlaku *roadblock*, dia berhenti tepi jalan menyebabkan tidak ada undang-undang yang boleh ambil tindakan terhadap mereka, sedangkan mereka adalah merupakan punca kepada segala-galanya. Terima kasih. Minta penjelasan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemalangan, sebenarnya kemalangan daripada statistik, majoriti kemalangan berpunca daripada kecuaiannya pemandu itu sendiri. Walau bagaimanapun seperti pandangan Yang Berhormat Bukit Gantang mengenai kenderaan-kenderaan berat yang telah menyumbang kepada kemalangan ini memang kita tidak dapat nafikan. Pihak JPJ sentiasa memantau kenderaan-kenderaan berat khususnya yang melebihi berat muatan mereka. Ini kerana apabila kenderaan berat ini tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak JPJ ia akan mudah membabitkan kemalangan.

Seperti penjagaan kenderaan itu sendiri kerana kenderaan berat, lori itu perlu diurus penjagaan *maintenance* supaya *breaking system* dia tidak luar kawalan dan pelbagai seperti juga tayar yang digunakan itu menepati piawaian. Ini kerana sekarang ini kadang-kadang dia beli tayar yang tidak menepati piawaian SIRIM. Jadi perkara-perkara ini pihak JPJ sentiasa memantau kenderaan-kenderaan berat dan juga membuat sekatan bagi memastikan berat mengikut yang diluluskan. Terima kasih.

[Soalan No.4 – Y.B. Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat) tidak hadir]

5. **Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan jumlah sebenar pekebun kecil individu sawit di Malaysia mengikut negeri dan jumlah hasil/pengeluaran tahunan mereka ini dibandingkan dengan syarikat-syarikat besar. Berapakah peruntukan tahunan yang diagihkan untuk membantu pekebun kecil ini.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, jumlah pekebun kecil individu sawit di Malaysia mengikut negeri dan jumlah hasil pengeluaran tahunan mereka dibandingkan dengan syarikat-syarikat besar adalah seperti berikut.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, data yang dipohon ini ada tetapi terlalu panjang untuk dibaca satu persatu. Jadi saya ingin bagi rumusan sahaja selepas itu nanti kita akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat Kanowit. Di Malaysia, di Semenanjung Malaysia ada 175,630 pekebun kecil manakala estet 2,692. Di Sabah 35,342 pekebun kecil dan manakala di estet 1,694. Di Sarawak ada 38,057 orang pekebun kecil manakala estet 730 estet.

Keseluruhannya di Malaysia ada 249,029 orang pekebun kecil dan 5,116 estet. Penghasilan setahun bagi pekebun kecil ialah 17.19 ribu hektar setahun manakala estet 17.89 tan sehektar setahun. Jadi ini lebih kurang dekat, tidak jauh di antara penghasilan daripada pekebun kecil dan juga estet.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Lembaga Sawit Malaysia (MPOB) di bawah inisiatif *Entry Point Project 1 (EPP1) NKEA*, sawit telah menyediakan bantuan untuk tanaman baru dan tanaman semula sawit kepada pekebun kecil berdasarkan jumlah permohonan yang diterima. Bantuan yang diberi meliputi penyediaan kawasan dan input pertanian seperti anak benih sawit, baja dan racun rumpai. Inisiatif ini dapat membantu meningkatkan hasil pengeluaran sawit pekebun kecil melalui penggunaan bahan tanaman bermutu tinggi.

■1040

Di samping itu, khidmat nasihat dan tunjuk ajar juga diberikan oleh pegawai pengembang MPOB bagi memupuk amalan pertanian baik dan mampan di kalangan pekebun kecil agar hasil sawit dapat ditingkatkan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan melalui MPOB juga melaksanakan Skim Integrasi Tanaman Dengan Sawit dan Skim Integrasi Ternakan Dengan Sawit. Skim ini adalah terbuka kepada pekebun kecil sawit persendirian yang berminat dan bertujuan untuk meningkatkan produktiviti serta memberi pendapatan tambahan melalui penggunaan tanah dan sumber semula jadi yang optimum di samping mampu melahirkan usahawan tani. Kerajaan juga memberi langkah menubuhkan koperasi penanam sawit mampan bertujuan untuk menyatukan pekebun kecil sawit

persendirian bagi menjalankan aktiviti jualan buah tandan segar secara berkelompok bagi memberi peningkatan pendapatan kepada pekebun kecil.

Di bawah RMKe-11, kerajaan melalui MPOB menyediakan peruntukan untuk pembinaan pusat timbang BTS yang dikendalikan oleh KPSM. Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak 43 buah KPSM telah ditubuhkan di seluruh Malaysia iaitu 17 di Semenanjung, 11 di Sabah dan 15 di Sarawak. Sebanyak 65 buah KPSM disasarkan akan di tubuh sehingga tahun 2020. Seperti yang telah dipohon oleh Yang Berhormat dari Kanowit, jumlah ataupun jenis bantuan yang diberi oleh kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Skim Tanam Baru dan Tanam Semula – RM540 juta;
- (ii) Skim Integrasi Tanaman – RM19 juta;
- (iii) Skim Integrasi Ternakan – RM28.5 juta;
- (iv) Skim Bantuan Penyelenggaraan Kebun – RM30.9 juta;
- (v) MSPO atau *Malaysian Sustainable Palm Oil* – RM137 juta. Peruntukan ini adalah untuk membantu pekebun-pekebun kecil mendapat persijilan MSPO;
- (vi) KPSM ataupun Koperasi Penanam Sawit Mampan – RM13 juta. Peruntukan ini adalah untuk membantu koperasi-koperasi membina pusat-pusat timbangan; dan
- (vii) kawalan ulat bungkus pekebun kecil – RM12.3 juta. Ulat bungkus ini sebenarnya sejenis penyakit yang menyerang ladang sawit di Perak, Pahang dan Johor setakat ini.

Jumlah peruntukan yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas adalah RM753.7 juta. Sekian, terima kasih.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan Timbalan Menteri yang begitu *detail* sekali. Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya ini adalah bertujuan untuk memberi maklumat kepada kita semua bahawa *the significance of* pekebun kecil di dalam industri sawit ini dibandingkan dengan syarikat-syarikat yang besar. Tadi Menteri belum memberi angka ke atas keluasan *areas* yang sedang diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil di Malaysia dan juga khususnya Sabah dan Sarawak. Jadi kalau dapat, mungkin tidak boleh jawab sekarang, jawab bertulis tetapi soalan yang sebenarnya yang saya ingin sentuh di sini adalah sebab sekarang ini kalau kita melihat, saya ambil contoh di Sarawak.

Kebanyakan pekebun kecil, perusahaan tanah-tanah NCR di Sarawak adalah melalui *joint venture* dengan syarikat-syarikat besar seperti Boustead dan Ta Ann yang

melibatkan tanah adat bumiputera. Akan tetapi kebanyakan projek-projek ini gagal oleh kerana pulangnya kepada mereka yang melibatkan diri dalam *joint venture* projek ini iaitu bumiputera-bumiputera Sarawak yang menceburkan diri dalam projek ini menggunakan tanah NCR mereka sangat tidak puas hati. Itulah yang menjadi masalah besar di Sarawak di mana mereka telah *pull back* atau menarik diri daripada projek ini walaupun perjanjian telah dibuat selama 60 tahun. Sekarang ini pun lebih ketara lagi sebab banyak jalan-jalan telah pun dibuat di kawasan luar bandar dan banyak juga tanah NCR ini dapat diusahakan.

Jadi, saya mencadangkan ataupun memberi cadangan kepada kementerian untuk memberi lebih lagi banyak peruntukan kepada MPOB untuk bantuan subsidi kepada mereka yang mempunyai banyak tanah NCR ini supaya mereka dapat menceburkan diri dalam industri sawit. Oleh sebab ini adalah satu daripada yang saya melihat *even* dalam kawasan saya, tiap-tiap kali saya pergi kawasan memang beberapa puluh permohonan daripada mereka ini yang memang menggunakan bantuan kita sebagai wakil rakyat untuk memohon bantuan subsidi daripada MPOB dalam mengusahakan tanah adat mereka. Terima kasih.

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Kanowit. Soalan yang pertama, kita iktiraf dan kita hargai peranan pekebun kecil di dalam industri sawit adalah besar. Sebenarnya, kalau kita lihat daripada angka-angka yang kita dapati ialah 40 peratus daripada hasil keseluruhan kelapa sawit, minyak sawit adalah datang daripada pekebun kecil, 60 peratus daripada syarikat-syarikat besar.

Jadi, ini adalah amat signifikan kalau kita bandingkan. Kita harus ingat juga bahawa hasil pengeluaran tidak jauh berbeza di antara hasil dikeluarkan oleh pekebun kecil dan juga estet-estet. Kita dapati bahawa pekebun kecil pada setiap tahun menghasilkan 17.19 tan setahun sehektar. Manakala estet-estet 17.89 tan sahaja, tidak jauh bezanya pengeluaran. Jadi ini menunjukkan betapa pentingnya sumbangan daripada pekebun-pekebun kecil.

Soalan yang kedua adalah berhubung dengan NCR. Sebenarnya tanah NCR ini hanya unik kepada Sarawak sahaja, Sabah kita tidak ada NCR. Jadi memang MPOB, kerajaan memang tahu bahawa banyak masalah-masalah dihadapi di Sarawak seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kanowit berhubung dengan *joint venture* di antara syarikat-syarikat dengan tuan punya tanah, pemilik-pemilik tanah NCR. Jadi kerajaan memang faham masalah ini melalui MPOB dan kita akan berusaha membantu tuan-tuan punya NCR ini supaya mereka mendapat bantuan yang sewajarnya daripada kerajaan dan kalau peruntukannya tidak mencukupi sekarang ini, *insya-Allah* kita akan usahakan supaya peruntukan ditambah, diberi kepada MPOB untuk memastikan pekebun-

pekebun kecil yang menggunakan tanah NCR di Sarawak mendapat bantuan daripada kerajaan. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dah panjang Yang Berhormat. Ada lagi? Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tiga kali saya bangun. Okey, berikutan dengan cabaran pasaran pengimportan minyak kelapa sawit terutama di pasaran Amerika dan Jepun dengan pelbagai syarat yang dikenakan kepada negara kita. Jadi, apakah usaha yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan tidak menjejaskan terutama pekebun-pekebun kecil kelapa sawit kita, terutama menerokai pasaran-pasaran baru supaya kadar eksport negara kita untuk jangka panjang tidak terjejas. Apakah perancangan yang telah dibuat? Minta penjelasan.

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat daripada Rantau Panjang. Sebenarnya soalan itu jauh lari daripada soalan asal ya. Yang Berhormat Kanowit bertanya berhubung dengan pekebun-pekebun kecil yang ada di Sarawak. Sebenarnya masalah-masalah yang dihadapi oleh industri sawit Malaysia sekarang ini memang amat mencabar di mana di *European Union* kita berhadapan dengan masalah mereka tidak mahu membeli lagi menggunakan minyak sawit daripada Malaysia untuk industri mereka.

■1050

Akan tetapi kita masih lagi berusaha memastikan supaya mereka akan menarik, tidak akan meneruskan dengan usaha untuk tidak lagi menggunakan minyak sawit. Oleh sebabnya kita juga mempunyai hubungan perniagaan yang begitu baik, mampan dengan negara-negara di Eropah.

Akan tetapi selain daripada itu, kita juga menerokai pasaran-pasaran lain. Kita ketahui bahawa China ada satu pasaran yang besar dan tidak di *fully exploited* dalam minyak sawit. Begitu juga India, India juga ada satu pasaran yang besar dan juga banyak lagi pasaran-pasaran lain yang kita usahakan. Ini kita akan usahakan supaya ia akan membesarkan pasaran kita. Pasaran yang juga amat berpotensi adalah Iran. Iran juga adalah satu pasaran yang cukup besar dan mereka sekarang ini tidak membeli minyak sawit begitu agresif, jadi kita akan terokai. Malaysia telah mendirikan pejabat MPOB nya di Tehran. Begitu juga Filipina. Filipina adalah pasaran yang juga dekat kepada kita tetapi sekarang ini belum lagi membeli minyak sawit secara besar-besaran. Jadi, ini juga pasaran yang kita akan terokai dan kita merasakan bahawa walaupun ada impak sekiranya Eropah betul-betul memboikot minyak kita, impaknya tidak begitu berkesan sebabnya ada pasaran-pasaran lain yang kita akan terokai. Sekian, terima kasih.

6. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) langkah yang diambil Kementerian bagi menangani isu kegagalan pentauliahan 6,000 orang pelajar yang menjalani Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di sekolah-sekolah harian pada tahun 2017; dan
- (b) bilangan pekerja teknikal berkemahiran tinggi tempatan dalam kalangan belia Malaysia dari tahun 2013 sehingga 2017.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai atas soalan mengenai pelajar-pelajar Program Sijil Kemahiran Malaysia. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil tindakan proaktif bagi memastikan murid pendidikan asas vokasional dan Program Vokasional Menengah Atas yang mengikut program kemahiran dengan Persijilan Kemahiran Malaysia, tamat pengajian mendapat sijil melalui kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia.

Di antara langkah proaktif yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan 5,504 orang murid program kemahiran di 245 buah sekolah dapat dipersijilkan adalah seperti berikut, selepas Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Padang Terap telah memohon persetujuan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia pada 3 Januari 2018 memaklumkan bahawa semua murid yang mengikut program kemahiran tersebut boleh dilaksanakan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah pengiktirafan pencapaian terdahulu ataupun PPT Khas oleh Kementerian Sumber Manusia bagi mana-mana sekolah dalam proses memperoleh pusat bertauliah.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah memperuntukkan sejumlah RM32.677 juta untuk melengkapkan prasarana dan peralatan serta jaminan keselamatan di 245 buah sekolah yang melaksanakan program kemahiran sehingga memperoleh asas pusat bertauliah ini.

Data pekerja teknikal berkemahiran tinggi tempatan dalam kalangan belia berada di luar bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun, maklumat daripada Kementerian Pendidikan Tinggi menunjukkan jumlah graduan yang bekerja sebagai profesional dan pekerja mahir adalah seramai 69,475 atau 51 peratus daripada 136,062 orang graduan TVET warganegara pada tahun 2017. Selain daripada itu, Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan daripada Kementerian Belia dan Sukan telah melatih 29,423 orang belia yang berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang dari tahun 2013 hingga tahun 2017. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab. Saya hargai segala usaha memandangkan aduan juga datang tahun lepas kepada saya dan tindakan susulan yang diambil itu amat membantu 5,500 lebih pelajar. Persoalan saya sekarang, kita semua melihat kepada kadar pengangguran anak muda, belia di Malaysia yang melebihi kadar *employment* bagi kesemua warganya, lebih 10 peratus, sudah tentu kita mahu mencari penyelesaian. Persoalan saya, apabila saya meneliti statistik kementerian, sememangnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan lebih kurang RM4.9 bilion untuk memperkasa TVET bagi tahun 2018. Akan tetapi pada 2017 hanya 9 peratus daripada keseluruhan pelajar menengah atas yang jumlahnya 800,000 orang kesemuanya, hanya 9 peratus daripada 800,000 menyertai aliran teknik vokasional dan kemahiran di sekolah-sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Mungkin ada pelbagai segmen tetapi berbalik kepada statistik ini, diganding juga dengan pendidikan asas vokasional Yang Berhormat sebutkan tadi, di mana pendidikan diberi buat tingkatan satu dan tiga hanya melibatkan 0.3 peratus daripada pelajar sekolah menengah seluruh Malaysia.

Persoalan saya, bagaimanakah kementerian dapat mungkin dapat menggandingkan usaha seperti yang dibuat tadi, buat hampir 6,000 orang pelajar yang tidak mendapat pentauliahian pada awalnya, ke depan supaya lebih ramai lagi melibatkan diri dan kita dapat menghasilkan anak-anak muda daripada peringkat awal bersedia untuk memasuki aliran TVET. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai atas soalan tambahan. Kementerian Pendidikan Malaysia, aspek TVET ini bukan sahaja di bawah kawalan Kementerian Pendidikan Malaysia, malah hampir enam kementerian bersama, bergabung tenaga untuk memastikan pendidikan TVET ini dapat dilonjakkan lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita ambil maklum bahawa pendidikan asas vokasional dan pendidikan vokasional menengah atas masih dalam usia yang muda. Kita dalam proses untuk mempromosikan lagi, untuk memaklumkan kepada anak-anak kita. Kita telah mewujudkan pelbagai bidang untuk mengenal pasti keupayaan anak. Contoh, sebelum ini dalam peperiksaan PT3, kita laksanakan satu peperiksaan psikometrik. Dalam peperiksaan psikometrik ini, kita dapat mengenal pasti keupayaan anak itu sama ada anak itu lebih cenderung dalam bidang akademik ataupun bidang bukan akademik.

Maka dengan keputusan itu, kita boleh meletakkan anak itu pada usia yang lebih awal lagi dalam PVMA sekiranya bukan cenderung dalam akademik, kita boleh meletakkannya dalam bidang vokasional. Sama juga sekarang dalam peperiksaan UPSR kita ada pelaburan empat jenis, termasuk psikometrik. Dalam psikometrik itu juga

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat mengenal pasti kecenderungan anak itu dalam usia dari tahun enam itu sama ada anak itu layak untuk memasuki lebih cenderung dalam bidang akademik ataupun bukan akademik. Sekiranya bukan akademik, mungkin dalam bidang kemahiran. Maka, kita boleh melonjakkan lebih ramai lagi anak-anak kita dalam usia yang muda mengambil pendidikan asas vokasional, itu harapan kita. Ini tanggungjawab kita bersama-sama. Saya rasa ibu bapa juga harus menyedari bahawa esok masih ada. Apabila mereka mengambil bidang PAV atau PVMA kerana pada pendapat ramai orang, mereka rasa ramai orang hendak pergi dalam kecemerlangan akademik sahaja, IPTA dan sebagainya. Akan tetapi saya rasa negara kita dengan adanya pimpinan Yang Amat Berhormat Pekan yang memberi penekanan kepada pendidikan TVET, Kementerian Pendidikan Malaysia dan semua kementerian yang juga membantu menguasai, membantu mempromosikan TVET ini akan bersama-sama dengan ibu bapa untuk memastikan anak mereka dapat didaftarkan kerana peluang pekerjaan pelajar-pelajar yang berkemahiran ini lebih tinggi.

Contoh, permohonan politeknik sendiri, Kementerian Pendidikan Tinggi. Peluang politeknik ada tempatnya lebih kurang 20,000 satu sesi tetapi permohonannya hampir 100,000. Maksudnya, permintaannya ada tetapi apa yang kita buat sekarang ialah mengukuhkan asas, *we are strengthening the foundation at a younger age*, dengan izin, Yang Berhormat. Kita akan teruskan ini dan kita harap dengan kerja-kerja yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia lebih ramai lagi anak-anak kita dapat memelopori bidang PAV dan PVMA. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

■1100

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab begitu mendalam tadi. Saya tertarik dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi, memandangkan kita dalam persiapan untuk menghadapi pilihan raya, kita yakin dan percaya pihak-pihak tertentu khususnya, kita tahulah siapa mereka, akan menggunakan isu ini untuk memelopori ataupun untuk memesonkan pemikiran anak-anak generasi muda yang menyatakan bahawa kerajaan gagal, kerajaan tidak dapat menyediakan pekerjaan dan sebagainya sehingga mereka terkeliru. Malah fitnah ini, budaya hasutan ini memang kita kenal budaya siapa.

Jadi soalan saya pada hari ini, saya mengamati jawapan Menteri tadi, ada enam kementerian yang sudah melakukan NBOS ataupun *National Blue Ocean Strategy* ini telah dapat dilaksanakan. Akan tetapi saya hendak tanya, bagaimanakah kementerian bercadang untuk menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam merangka pelan strategik bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan kemahiran ini?

Ini di antara yang patut— saya tahu kementerian sudah melakukan pelbagai cara, kaedah untuk memastikan anak muda yang keluar mendapat pekerjaan tetapi saya rasa *you have to do more*. Ini kerana kita tidak mahu ada pihak-pihak khususnya pembangkang mengambil kesempatan dalam isu ini. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Baling. Saya ambil maklum dan saya juga terima kadang-kadang maklumat yang kita beri ini diputarbelitkan untuk kepentingan seseorang itu. Walaupun kejayaan kita boleh dibanggakan, kita boleh meletakkan ramai pelajar kita yang cemerlang dalam bidang TVET dan telah memenangi pelbagai anugerah di seluruh dunia, tetapi ada di antara kita yang cuba melonjakkan atau memberi keutamaan kepada kegagalan— tetapi saya rasa kejayaannya ada. Kementerian Pendidikan Malaysia dalam aspek penambahbaikan TVET ini, jawatankuasa ini memang diketuai oleh Kementerian Sumber Manusia. Mereka mengetuai jawatankuasa untuk memperkasakan dan kita menyediakan satu tindakan bagaimana kita semua kementerian dapat bekerjasama.

Selain daripada itu, Yang Berhormat, kementerian kita juga— masing-masing, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, semua kementerian— mempunyai kerjasama dengan industri-industri. Kita sekarang lebih mewujudkan pelajar-pelajar berdasarkan kepada keperluan industri. *Gone with the days*, dengan izin, akademik tahu segala-galanya. Dahulu, akademik mewujudkan pelajar-pelajar berdasarkan kepada keperluan akademik. Hari ini, akademik mewujudkan pelajar-pelajar keperluan industri. Maka penglibatan industri ini telah bermula daripada awal daripada Kementerian Pendidikan Malaysia kepada Kementerian Pendidikan Tinggi, semua kita bekerjasama dengan industri-industri supaya peluang pekerjaan ada.

Contoh, Yang Berhormat, pelajar-pelajar lepasan vokasional. Hampir 70 hingga 75 peratus pelajar-pelajar lepasan vokasional dalam masa tiga bulan mereka dapat kerja dan hampir 50 peratus pelajar-pelajar vokasional ini, Yang Berhormat, sebelum mereka mendapat ijazah, sudah dapat kerja. Ini menunjukkan peluang pekerjaan seorang pelajar yang melalui sistem pendidikan vokasional dan teknikal ini, peluang pekerjaannya lebih baik daripada mungkin pelajar-pelajar yang mengambil laluan yang lain.

Akan tetapi, perkara inilah seperti mana Yang Berhormat katakan tadi, perkara ini harus kita ketengahkan kepada masyarakat dan memaklumkan mungkin ada satu atau dua kelonggaran dan kelonggaran inilah akan kita ketatkan supaya Jawatankuasa TVET ini dapat memenuhi keperluan negara untuk mewujudkan pelajar-pelajar terlatih dan mahir untuk keperluan negara pada masa akan datang. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta Perdana Menteri menyatakan apakah bentuk cabaran baharu yang telah dikenal pasti oleh kerajaan bagi memperkukuhkan budaya berintegriti tinggi dalam merangka konsep TN50 dan sejauh manakah ledakan teknologi baharu dan konsep perubahan budaya memberi impak kepada pemerkasaan integriti pada masa akan datang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat daripada Kangar. Sebagaimana para Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelbagai aktiviti libat urus (*engagement*) dengan izin, berkaitan TN50 telah dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan, kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain serta pihak swasta sepanjang tempoh Januari 2017 hingga kini. Semasa aktiviti libat urus tersebut dilaksanakan, aspek nilai (*values*), dengan izin, dan integriti menjadi antara tema ataupun perkara induk yang menjadi topik perbincangan serta aspirasi yang disuarakan oleh rakyat. Justeru itu, pemupukan nilai serta integriti pasti menjadi fokus semasa menyediakan dokumen dasar TN50 iaitu pelan pembangunan 30 tahun negara ke arah tahun 2050.

Pada masa yang sama, rakyat terutamanya golongan belia telah didedahkan mengenai trend-trend mega dunia yang menempiasi Malaysia termasuklah revolusi teknologi dan perubahan masyarakat. Rakyat telah diberi penjelasan berkaitan kesan ataupun implikasi daripada trend-trend mega ini kepada negara dan rakyat Malaysia sekiranya tiada persiapan atau persediaan yang rapi dilakukan dalam menangani impak yang bakal wujud. Ini kerana revolusi teknologi bakal menyediakan ledakan teknologi yang membolehkan proses komunikasi dan maklumat diperoleh oleh semua pihak tanpa perlu melepasi sempadan had tertentu iaitu *information* atau informasi secara lebih terbuka. Sekiranya maklumat yang diperoleh melalui teknologi tersebut tidak ditangani sebaiknya, ia boleh mencetuskan revolusi dan perubahan masyarakat yang mendadak.

Malahan, revolusi teknologi juga dilihat mampu mengambil alih peluang pekerjaan sedia ada apabila kebanyakan jenis pekerjaan boleh diautomasikan dan juga penggunaan kecerdasan bantuan *artificial intelligence* (AI) secara meluas. Persekitaran ini akan menjadi lebih mencabar dengan cabaran ekonomi dan pengurusan kewangan anggota dalam masyarakat kelak. Keadaan ekonomi yang tidak stabil boleh menyekat dan menyukarkan Malaysia mencapai hasrat menjadi negara terbaik pada kedudukan 20 teratas dunia. Jika tidak ditangani dengan menyeluruh, keadaan ini boleh menyebabkan dan membawa kepada masalah-masalah yang baru daripada segi budaya berintegriti tinggi yang diharapkan oleh rakyat.

Namun demikian, sekiranya dilihat daripada sudut yang berbeza, keadaan automasi dan kecerdasan buatan yang dinyatakan boleh meningkatkan integriti

memandangkan tiada ruang untuk sistem-sistem tersebut melakukan penyelewengan. Teknologi digital yang tinggi dan berkesan juga bakal melonjakkan ekonomi negara setaraf dengan negara maju malah mampu meletakkan Malaysia di peringkat yang tertinggi sesuai dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui TN50.

Agenda TN50 juga akan memberi penekanan dan menitikberatkan kesinambungan dan keseimbangan antara aspek kehidupan ekonomi dan bukan ekonomi. Oleh itu, rakyat perlu bijak dan bersedia daripada sekarang untuk memastikan tiada impak yang negatif wujud apabila trend-trend utama dunia melanda pada masa kini juga pada tahun-tahun yang bakal datang. Setiap individu juga wajar diberikan kesedaran terhadap disiplin regulasi sendiri (*self regulation*), dengan izin, bagi mengelakkan daripada melakukan atau berlaku perkara-perkara yang boleh memudaratkan ketenteraman awam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan yang cukup bagus, lengkap. Dalam menuju tahun 2050, kita ada masa lebih kurang 30 tahun lebih lagi. Jadi tentulah pelbagai perubahan akan dilalui. Jadi soalan saya, apakah persediaan kementerian dalam mendepani kemajuan teknologi yang sering berubah dan berkemungkinan mewujudkan pelbagai situasi, pengaruh, cara hidup yang tidak kita duga? Sekian.

Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, kita kena memahami apakah ekosistem yang akan wujud pada masa depan.

■1110

Untuk itu, kita telah turun padang untuk melibatkan semua golongan yang terlibat khususnya Kementerian Belia dan Sukan telah mengadakan pelbagai *engagement* dengan izin, libat urus. Daripada sana ya, ada beberapa tema utama yang dikenal pasti untuk makluman Yang Berhormat.

Pertama, global. Bagaimana Malaysia boleh menjalin diri dalam proses pembangunan dunia walaupun mempertahankan nilai-nilai dalaman dan kemalaysiaaan.

Kedua, mencari *partnership* dengan izin, *partnership* dengan rakyat, orang biasa dahulu. Daripada kita ada idaman pembangunan ekonomi yang cukup besar yang mungkin keterasingan dengan rakyat jelata, kita gabungkan rakyat jelata, aspirasi mereka dengan pembangunan yang kita bakal akan buat. Macam kita buat Wawasan 2020, selepas itu kita buat dasar Visi TN50— apakah keperluan rakyat jelata biasa. Daripada kekitaan kepada keakuan dan keakuan kepada kekitaan.

Kemudian, inovasi. Inovasi merupakan satu yang induk, tema yang ketiga yang merupakan satu yang begitu penting untuk mensuadayakan rakyat ke arah cabaran dunia bakal datang. Contohnya, *artificial intelligence*, bagaimana ia akan mengubah landskap pekerjaan dan juga pemikiran budaya ekonomi yang berbeza.

Keempat adalah *sustainability*. Ke arah menjadikan negara kita yang sihat sejahtera dari segi alam sekitar.

Seterusnya yang begitu induk sekali saya rasa, Yang Berhormat, adalah konsep ketatanegaraan. Ketatanegaraan dan kita kena kembali kepada Rukun Negara. Negara Malaysia adalah sebuah negara yang penuh dengan ketimuran. Orang India, Melayu, Cina dan Asia akan merupakan gergasi ekonomi untuk *21st century*, dengan izin. Bagaimana ini kita boleh ketengahkan ke depan dan memperkasakannya ke arah satu konsep kenegaraan dan nasionalisme di mana keakuan diketepikan sedikit demi kekitaan. Itulah fokusnya. Lunas-lunas Rukun Negara perlu dikembalikan dalam arus pembangunan gergasi dunia. Itulah saya rasa lebih kurang apa yang kita buat.

Kemudian, akhir sekali adalah *quality of life*, dengan izin. Ini kerana orang hendak tengok bagaimana dia hidup. Inilah semua akan diambil kira dalam dunia yang penuh *popularism* dan *sensationalism*. Kita harap semuanya akan baiklah ke arah itu. Mintalah kerjasama semua Ahli Yang Berhormat memberi pandangan baik sebelah sana mahupun sebelah sini supaya kita melahirkan sebuah negara yang baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, dari Pas ke Bebas, dari Bebas ke Amanah. Sila, hendak tengok soalan daripada orang baru dalam Amanah. Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, rakan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Banyak kali juga dia lompat-lompat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya percaya bahawa tidak siapa yang menolak hasrat untuk kita membentuk satu budaya berintegriti dan juga membentuk budaya bernilai tinggi di kalangan masyarakat kita seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Akan tetapi akhir-akhir ini, dalam sehari dua ini, saya lihat bahawa dia semacam berlaku satu pertentangan dengan hasrat TN50 ini. Contoh, apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan baru-baru ini yang disertai oleh Menteri Belia dan Sukan dalam menghasut anak-anak muda UMNO-Barisan Nasional supaya terbalikkan meja di warung kopi, di kedai kopi...

Beberapa Ahli: Soalan, soalan. [*Dewan riuh*]

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Soalan, soalanlah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Apabila melihat perkembangan politik negara kita ini.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Soalanlah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya melihat bahawa...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Lompat parti sudah lambat sudah.**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Ini satu yang bertentangan dengan hasrat TN50.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Lompat parti lambat sudah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini menunjukkan bahawa...

Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy: Soalan, soalan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: TN50 ini tidak lebih daripada pembohongan kepada masyarakat dan rakyat. Ini perbuatan menghasut rakyat...

Beberapa Ahli: Soalan, soalanlah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sepatutnya... [*Dewan riuh*]

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Otak dia bercelaru, Tuan Yang di-Pertua, sebab dia tiga kali lompat-lompat, tidak ada soalan pun.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Apa tiada soalan pula? Ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan dengan Ketua Pemuda UMNO.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy: Mohon izin saya menjawab.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ketua Pemuda UMNO yang selalu duduk laung di samping Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, "TN50, TN50". Bohong!

Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy: Boleh saya jawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini pembohongan.

Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat Pokok Sena, saya menjawab. Saya jawab.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Menghasut rakyat jadi samseng, hasut anak muda jadi samseng. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Mencarut.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini bukan budaya tinggi.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tidak ada apa soalan pun.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Hasut rakyat jadi samseng, anak muda jadi samseng bukan budaya tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat.

Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya jawab, saya jawab.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini budaya menghancurkan masa depan anak-anak muda dan negara Malaysia. *[Dewan riuh]*

Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy: Izinkan saya, izinkan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, dia mencarut.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Waktu dalam PAS tidak begini pun. Sudah keluar jadi Amanah ini sudah samseng. Hairanlah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy: Boleh saya jawab, Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Dia, Tuan Yang di-Pertua, dia cemburu kejayaan Barisan Nasional. Itulah dia bising.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat Kalabakan, saya jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih. Saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy: Bagaimana acuan begitulah kuihnya. Nilai yang baru kita cerita. Inikah nilai yang kita mahu? Baru kita cerita. Tidak perlu riuh rendah. Salah satu cabaran utama adalah percaturan politik *fake news*. So, janganlah menguar-uarkan ini demi untuk kepentingan diri. Tidak perlu saya jawab, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Adakah Yang Berhormat setuju bahawa Menteri Besar Negeri Sembilan ini tidak berbudaya nilai tinggi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: Bersih itu apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Budaya samseng.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Makan ubat, Yang Berhormat.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Bersih lagi samseng.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat sekalian, saya sengaja jemput Yang Berhormat Pokok Sena sebab saya ingat Yang Berhormat Pokok Sena dari PAS ke Bebas, dari Bebas ke Amanah ini dia lebih beramanah. Jadi...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Beramanahlah saya bangkit tadi kerana mempertahankan negara yang demokrasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak perlu. Duduklah Yang Berhormat, duduk.

8. Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah syarat-syarat kelayakan untuk hospital bagi menjadi pusat latihan untuk graduan-graduan perubatan baru menghadiri perantisan. Adakah Hospital Sarikei berkelayakan tujuan ini, sekiranya tidak, nyatakan kenapa.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sarikei. Soalan ini berkenaan dengan syarat-syarat kelayakan supaya mana-mana hospital boleh menjadi pusat latihan kepada *housemen*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, setiap hospital sama ada hospital kerajaan atau swasta yang ingin dijadikan hospital latihan siswazah perlulah dinilai oleh Jawatankuasa Kelayakan Perubatan dari segi beberapa syarat seperti berikut, Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, mempunyai sekurang-kurangnya enam disiplin ataupun kepakaran asas atau jabatan iaitu jabatan perubatan, pediatrik, pembedahan am, ortopedik, obstetrik dan ginekologi dan satu disiplin alternatif sama ada kecemasan, psikiatri ataupun anestesia.

Kedua, setiap jabatan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 30 katil.

Ketiga, mempunyai sekurang-kurangnya dua orang pegawai perubatan pakar dan enam pegawai perubatan residen ataupun MO. Maknanya setiap pakar mesti ada

tiga MO di bawah dia dan mereka boleh ambil 10 *housemen* untuk dilatih di bawah mereka.

Keempat, mempunyai kes dan kes *mix* yang mencukupi.

Kelima, mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk membantu perjalanan latihan siswazah seperti perpustakaan, media auditorium dan kemudahan tempat tinggal.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, Hospital Sarikei ia tidak mencukupi syarat-syarat. Contohnya dalam hal kakitangan, kepakaran, perubatan am, perubatan dalaman ada dua pakar sahaja, bedah am ada seorang, anesthesiologi ada seorang, O&G ada seorang, pediatrik satu, ortopedik satu, kecemasan satu dan neurologi satu. Ini memang tidak mencukupi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Kesihatan, negara kita sudah berlebihan melahirkan pekerja perubatan setiap tahun iaitu lebih daripada 5,000 orang graduan perubatan setiap tahun. Soalan saya ialah, mengapakah Sarawak masih kekurangan lebih daripada 3,000 doktor seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak? Sila penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi gambaran secara umum iaitu dalam hal *housemanship*, Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun 5,000 ataupun 5,000 lebih graduan baru yang lulus di dalam negara ataupun luar negara. *Housemen* dua tahun.

■1120

Maknanya *at anyone time* ada 11,000 *housemen* yang berlatih di hospital kita. Ada 43 hospital semuanya yang Hospital Kerajaan dan hospital universiti ada tiga buah yang terlibat dan hospital angkatan tentera ada tiga. Di Sarawak sahaja ada 870 slot untuk latihan *housemanship* ini, Tuan Yang di-Pertua. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi *waiting time* yang lambat sehingga paling minimum enam tahun untuk hendak masuk sebagai *housemen* ini, oleh sebab dalam ramai-ramai *housemen* itu sekurang-kurangnya 30 peratus tidak dapat— oleh sebab tidak kompeten dan sebagainya. Maka, mereka— dia tidak dapat membuat latihan dalam masa dua tahun. Dia terlebih. Biasanya dalam dua tahun setengah ataupun tiga tahun kerana berbagai-bagai masalah. Jadi, ini mereka yang 30 peratus yang memenuhi slot *housemanship* itu yang menjadi lambat, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, pihak kementerian kita melihat juga kita hendak tambah slot latihan. Kita melihat juga Hospital Banting dan Hospital Langkawi, Tuan Yang di-Pertua.

Baru-baru ini, Hospital Shah Alam sudah pun masuk sebagai— dimasukkan sebagai tempat latihan. Sudah kita masukkan 120 *housemen* di situ, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, selain daripada itu juga, kita juga ada *housemen* yang kita hantar ke klinik-klinik kesihatan. Sekurang-kurangnya dua orang *housemen* pada satu klinik kesihatan. Sekarang sudah ada 37 klinik kesihatan yang terlibat dan ini mereka yang memilih untuk buat bahagian kesihatan. *Immediately*, kita hantar mereka ke sana. Jadi, *is ongoing process* dan kita cuba sedaya upaya untuk meningkatkan lagi jumlah dan juga memastikan mereka yang berlatih ini tidak tersangkut di mana-mana tempat dan maknanya, dapat mengurangkan ataupun menambahkan lagi tempat yang boleh melatih *housemen* kita itu, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar tadi jawapan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri bagi soalan yang diutarakan sebelum ini. Dinyatakan juga ada beberapa kekangan dan juga masalah yang dihadapi oleh pihak kementerian. Dalam sekarang ini, dia ada 43 hospital yang dinyatakan tiga hospital universiti, tiga lagi hospital tentera. Jadi, saya hendak bertanya soalan tambahan saya kepada pihak kementerian adalah apabila ada kekangan ini bagaimana pihak kementerian hendak menyelesaikan kekangan-kekangan ini dan mengapakah pihak kementerian tidak— adakah ada cadangan untuk membanyakkan lagi hospital latihan di seluruh negara ini memandangkan tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan mengenai kekangan, masalah dan dalam waktu yang sama jumlah graduan perubatan ini semakin meningkat setiap tahun. Jadi, saya berharap dapat penjelasan daripada pihak kementerian mengenai perkara ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Soalan ini memang sukar dijawab. Akan tetapi, saya cubalah kerana memang masalah besar yang kita hadapi. Satunya, makin ramai pelajar-pelajar kita yang berminat dalam bidang *medical* ini, Tuan Yang di-Pertua. Ia jadi satu, pada peringkat awal dahulu, memang jadi satu glamorlah untuk pelajar-pelajar masuk, pelajar-pelajar yang cemerlang yang *four flat* dan sebagainya yang masuk berlatih menjadi doktor. Akan tetapi, ada juga yang pergi ke luar negara yang kelulusannya kurang cemerlang tetapi diterima masuk ke hospital di universiti luar negara. Ada sampai ke peringkat, ini penipuan berlaku Tuan Yang di-Pertua. Di mana ejen mana-mana universiti dia beritahu hospital luar negara— saya tidak mahu sebut di mana. Dia kata kalau SPM itu dapat tujuh, lapan, sembilan itu bagus. Yang dapat satu dua itu tidak bagus. Jadi, mereka dapat tempatlah. Dapat tempat.

Jadi, ada yang balik, saya tidak tahu bagaimana '*depa*' boleh lulus, balik sini kena hadapi peperiksaan yang dijalankan oleh MMC. MMC, dua kali setahun. Peperiksaan ini adalah standard dan ia dijalankan oleh MMC. Saya sebut tadi ya. Jadi,

kita beri dia peluang empat kali. Empat kali tidak lulus, makna dia tidak boleh didaftarkan sebagai *housemen*. Ada yang datang jumpa saya, Tuan Yang di-Pertua. Jumpa saya minta tolong luluskan dia. Saya tengok *result* dia belakang itu, SPM tujuh, lapan dan sembilan. Hendak jadi kerani pun tidak boleh tetapi dia dapat kelulusan universiti di luar dapat menjadi — dapat *graduate* jadi doktor. Ini masalah. Sebab itu dia mungkin tidak — jadi jenis macam inilah yang tersangkut di merata-rata tempat. Memang kita sentiasa memerhati. Kita sentiasa cuba untuk menambahkan lagi jumlah ataupun tempat hospital-hospital yang boleh dijalankan latihan. Kriteria sudah disebut tadi dan *insya-Allah* usaha ini akan diteruskan, Tuan Yang di-Pertua.

9. Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah usaha kementerian untuk memastikan bahawa rakyat sedar akan keperluan mandatori dan sekatan di bawah undang-undang tertentu, contohnya pelaporan mandatori di bawah seksyen 19 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 [Akta 792] dan sekatan perkongsian bahan yang lucah di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], supaya privasi dan kesejahteraan mangsa dilindungi.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: *[Ketawa]* Boleh tahan Yang Berhormat Tebrau berpantun. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan izin, prinsip “*ignorantia juris non excusat*” menjadikan seseorang itu wajib mematuhi semua undang-undang biarpun kewujudan undang-undang itu di luar pengetahuannya. Maka, alasan tidak mengetahui tanggungjawab tertentu dalam undang-undang bertulis, tidak boleh diterima dari segi perundangan dan rakyat mempunyai tanggungjawab untuk mengambil tahu undang-undang yang digubal oleh kerajaan.

Di Malaysia, tanggungjawab dan peranan ahli masyarakat dalam menyampaikan maklumat mengenai penganiayaan kanak-kanak kepada pihak berkuasa di peruntukkan seperti berikut:

- (i) seksyen 20 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang tidak memberi maklumat mengenai perlakuan atau niat mana-mana kesalahan di bawah akta ini kepada pegawai polis, melakukan kesalahan dan jika disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM5,000.
- (ii) seksyen 29A Akta Kanak-kanak 2001 yang dipinda pada tahun 2016 bertujuan menggalakkan penyampaian maklumat oleh

orang awam sekiranya terdapat kanak-kanak yang dipercayai atau telah dcederakan sama ada daripada segi fizikal, emosi atau seksual; dan

- (iii) kewajipan melapor di bawah Akta Kanak-kanak 2001 oleh pegawai perubatan di bawah seksyen 27, anggota keluarga seksyen 28 dan pengasuh kanak-kanak seksyen 29, sekiranya dipercayai atau terdapat kanak-kanak yang telah daniaya daripada segi fizikal, emosi atau seksual yang mana jika tidak diketahui boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya bagi ketiga-tiga jenis pelapor tadi.

Tuan Yang di-Pertua. Antara usaha kementerian untuk memastikan rakyat sedar akan kewajipan dan tanggungjawab mereka yang termaktub di dalam suatu perundangan atau secara kemanusiaan dan isu berkaitan penderaan atau jenayah seksual terhadap kanak-kanak ialah:

- (i) pasukan khas sebagai pengantara rakyat dan kerajaan yang ditubuhkan di bawah Akta Kanak-kanak 2001 sebagai mekanisme perlindungan kanak-kanak di kalangan anggota masyarakat;
- (ii) melalui sahabat bijak B-I-J-A-K sebagai preventif untuk menangani isu ini adalah program advokasi untuk membina kesedaran kanak-kanak dan juga komuniti mengenai keselamatan kanak-kanak;
- (iii) seminar modul pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) khusus untuk taska dan tadika dibangunkan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa, penjaga dan masyarakat mengenai isu keselamatan anak dan meningkatkan pengetahuan mengenai kepentingan menjaga keselamatan keluarga di alam siber;
- (iv) kerjasama NGO sebagai rakan strategik kementerian dalam melaksanakan pelbagai program kesedaran dan advokasi untuk perlindungan dan keselamatan kanak-kanak termasuklah dalam dunia siber;
- (v) pelantikan pembantu pelindung yang dilantik dalam kalangan individual yang prihatin, terlatih dan bersetuju untuk menyelamatkan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan

dan perlindungan segera. Contohnya yang di dalam fizikal dan seksual serta abai;

- (vi) program dan kempen berskala besar yang menyasarkan ahli masyarakat secara keseluruhan seperti “Seminar Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan!” yang telah diadakan pada 13 hingga 14 Mac 2017 di Pusat Dagangan Dunia Putra dan telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

■1130

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) juga telah melaksanakan, beberapa inisiatif untuk menyedarkan rakyat mengenai keselamatan dalam dunia siber dan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Sepanjang tahun 2018, MCMC telah mengadakan sebanyak lebih kurang 561 program kesedaran kepada masyarakat umum di seluruh negara dengan anggaran capaian lebih kurang seramai 1.5 juta orang *audience* ataupun individu. Antara kandungan mesej-mesej utama advokasi yang disampaikan melalui program jangkauan ini ialah isu perkongsian maklumat dan penyebaran maklumat palsu, peranan ibu bapa bagi dalam melindungi kanak-kanak semasa dalam talian, pengaruh ekstremisme dan *radicalization* dalam kalangan masyarakat, ketagihan internet dalam kalangan masyarakat dan membudayakan penggunaan internet secara beretika dan positif melalui Program Klik Dengan Bijak. Terima kasih.

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan pelaporan mandatori di bawah seksyen 19, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, saya bimbang ialah apakah perlindungan yang kita boleh berikan kepada individu-individu yang membuat laporan, khususnya para guru. Oleh sebab saya dapati, selain daripada ahli keluarga, biasanya gurulah yang mengetahui tentang insiden seperti ini. Jadi, apakah perlindungan yang kita boleh berikan kepada orang yang membuat laporan?

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau di atas soalan tambahan tadi. Untuk ini saya kena *check* dahulu akta yang berkenaan, apakah perlindungan yang disediakan. Akan tetapi memanglah menjadi kebiasaan bahawa sesiapa juga yang merupakan *whistleblower* atau pun yang menyampaikan maklumat ini akan dilindungi oleh undang-undang yang berkaitan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Baiklah Yang Berhormat. Selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan. Saya jemput Yang Berhormat Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1), sila.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.32 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Belia dan Sukan di nombor 19, Kementerian Komunikasi dan Multimedia di nombor 20, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di nombor 21, Kementerian Pendidikan di nombor 22, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di nombor 23 dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di nombor 24 seperti di dalam susunan giliran Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab ke atas Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis 22 Mac 2018.”

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keenam, Parlimen Yang Ketiga Belas”. **[20 Mac 2018]**

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya jemput Yang Berhormat Menteri Kementerian Belia dan Sukan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

11.36 pg.

Menteri Belia dan Sukan [Brig. Jen. Khairy Jamaluddin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam negaraku 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas segala pandangan, pertanyaan dan cadangan yang dikemukakan mengenai Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh usul menjunjung kasih dan perbahasan Titah Diraja dalam sesi sidang Parlimen Dewan Rakyat pada tahun ini. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan ulasan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan sebagaimana berikut.

Saya ucapkan terima kasih kepada seramai lima orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Putatan dan Yang Berhormat Lembah Pantai yang prihatin dan membangkitkan isu berkenaan Transformasi Nasional 2050 ataupun TN50. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, inisiatif TN50 ini adalah kesinambungan kepada dasar-dasar jangka masa panjang kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru 1971 hingga tahun 1990 dan seterusnya Wawasan 2020 tahun 1991 hingga tahun 2020. Ia membolehkan

kerajaan memeta hala tuju negara bagi tempoh 30 tahun akan datang ke arah mencapai kedudukan 20 negara terbaik di dunia pada tahun 2050. Laporan Kanvas Belia TN50 telah diserahkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 Februari yang lalu. Ia dihasilkan daripada cerakin dan analisa kira-kira 60 ribu aspirasi terkumpul daripada 1.7 juta rakyat Malaysia, daripada lapisan masyarakat, terutamanya belia di seluruh negara.

Justeru, ia di terjemah kepada Laporan Kanvas Belia TN50 yang merangkumi enam tema utama yang diingini belia Malaysia iaitu sebuah negara yang global, saksama, mampan, bersatu padu, bertanggungjawab dan prihatin. Versi penuh Kanvas Belia TN50 ini boleh dimuat turun dalam laman sesawang www.mytn50.com/kanvasbelia. Kanvas belia ini bukanlah laporan akhir, ia akan menjadi asas kepada pembentukan dasar TN50 yang akan dibuat oleh Unit TN50 di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Sehubungan dengan itu, KBS akan terus bekerjasama dengan Unit TN50 bagi memastikan suara belia dapat diterjemah kepada dokumen akhir TN50 yang bakal dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lewat tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat Serdang atas keprihatinan mengenai soal pencapaian atlet-atlet negara di peringkat antarabangsa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti mana kenyataan akhbar oleh Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara berkaitan perkara ini pada 2 Mac 2018 yang lalu. Kementerian Belia dan Sukan sentiasa mengiktiraf segala usaha dan pencapaian atlet-atlet negara dalam pelbagai bentuk seperti skim hadiah kemenangan sukan, anugerah sukan negara dan sebagainya. Walau bagaimanapun, mengiktiraf sesuatu catatan rekod kebangsaan yang dilakukan oleh atlet adalah di bawah bidang kuasa Persatuan Sukan Kebangsaan. Oleh kerana ia melibatkan perkara teknikal dan memerlukan penelitian sebelum disahkan sebagai rekod kebangsaan yang baru.

Antara beberapa prosedur pengesahan yang diambil kira oleh Persatuan Sukan Kebangsaan adalah *sanction* kejohanan, pengesahan pegawai teknikal kejohanan, catatan kelajuan angin dan lain-lain lagi. Dalam isu catatan masa yang dilakukan oleh atlet Tan Huong Leong semasa Tokyo Marathon 2018, kementerian amat berbangga dengan pencapaian tersebut. Catatan masa 2 jam 25 minit 32 saat yang telah mengatasi catatan rekod kebangsaan miliknya sendiri iaitu 2 jam 28 minit 19 saat merupakan satu kebanggaan negara. Atas prestasi tersebut, kementerian melalui Majlis Sukan Negara dengan persetujuan Kesatuan Olahraga Malaysia (KOAM) telah bersetuju membawa beliau ke dalam Program Kita Juara bagi persediaan ke arah Sukan SEA 2019. Ini akan membantu dari segi latihan dan juga pendedahan pertandingan untuk beliau.

Mengikut maklumat yang diberikan oleh Kesatuan Olahraga Malaysia (KOAM) berkenaan dengan catatan masa di Tokyo, hal ini tidak dapat ataupun Tan Huong Leong tidak dapat mengadakan ujian *doping* selepas perlumbaan berkenaan, setelah permohonannya ditolak oleh pihak penganjur. Penganjur hanya menjalankan ujian *doping* automatik kepada pelari-pelari yang ada di dalam kedudukan sebagai atlet jemputan atau pelari yang mempunyai rekod pencapaian yang lebih tinggi.

■1140

Ujian *doping* tersebut merupakan syarat yang dikenakan oleh KOM dalam usaha kita memastikan bahawa atlet-atlet negara bebas dari penyalahgunaan dadah dalam sukan, apatah lagi ia juga diamalkan oleh badan sukan olahraga antarabangsa. Dalam kes ini Yang Berhormat, KOM diberitahu lewat berkenaan dengan penglibatan atlet tersebut dalam Tokyo Marathon.

Namun demikian, dua hari sebelum Tokyo Marathon tersebut, KOM telah meminta Japan Association of Athletics Federations untuk bantu supaya mereka ini walaupun tidak terdiri daripada atlet jemputan, diberikan peluang untuk diadakan ujian *doping*. Namun, penganjur tidak ikut permintaan daripada Japan Association of Athletics Federations (JAAF). JAAF telah memaklumkan kepada Presiden KOM bahawa mereka akan perincikan apa yang sebenarnya telah berlaku. Satu permintaan telah pun dibuat oleh KOM walaupun lewat, *last-minute* kepada Japan Association of Athletics Federations yang telah meminta pihak penganjur menjalankan ujian *doping* tersebut, namun tidak dijalankan. Namun begitu, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa saya baru sahaja merujuk kepada KOM dan KOM telah memaklumkan kepada saya bahawa mereka akan pertimbangkan catatan masa tersebut sebagai rekod kebangsaan dalam mesyuarat KOM yang akan datang.

Saya juga telah menasihatkan KOM untuk melihat semula proses pengiktirafan rekod-rekod mereka supaya ia lebih mudah dan berkesan terutamanya kepada atlet-atlet kita yang terlibat dalam pertandingan-pertandingan yang luar daripada pertandingan biasa yang diadakan oleh persatuan-persatuan olahraga kebangsaan. Pihak KOM juga seperti mana yang saya sebutkan tadi, bersetuju untuk mempercepatkan mesyuarat pengesahan rekod-rekod kejohanan tersebut yang akan diadakan dalam masa yang terdekat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tebrau...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Serdang. Serdang hendak minta penjelasan. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada beberapa soalan kepada Menteri. Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak MSN atas pengiktirafan Tan Huong Leong sebagai salah seorang atlet baru yang telah dimasukkan ke dalam senarai Kita Juara untuk membuat persediaan untuk Sukan

SEA pada tahun 2019. Akan tetapi saya mahu dapatkan pengesahan atas beberapa perkara Yang Berhormat Menteri. Perkara yang pertama ialah bukan sahaja Tan Huong Leong yang menyertai Tokyo Marathon yang baru habis ini, tetapi juga ada seorang atlet yang bernama Muhaizar Mohamed yang merupakan pemenang gangsa dalam Sukan SEA 2017 yang dicapai di negara kita ini, di Kuala Lumpur. Sebagai mana yang saya tahu, Muhaizar Mohamed adalah seorang di bawah senarai atlet Kita Juara. Jadi, saya memang hairan kenapa pihak KOM ini tidak mendapatkan – tidak menulis surat kepada pihak Japan Association of Athletics Federations lebih awal lagi, memandangkan bahawa Muhaizar Mohamed ada kemungkinan yang tinggi boleh memecahkan rekod kebangsaan dalam acara maraton ini sebab ini merupakan pertama kali beliau berlari di luar negara dan juga di tempat yang suhunya lebih sejuk. Ini memang membolehkan seseorang pelari maraton itu mendapatkan pencapaian dari segi masa yang lebih baik.

Jadi saya mahu tanya, walaupun saya mengiktiraf dan saya mengaku bahawa dari segi teknikal ini adalah tanggungjawab MAF, tetapi apakah pesanan yang boleh dibuat oleh pihak kementerian dan juga pihak MSN untuk memastikan bahawa isu-isu seperti ini tidak diulangi oleh KOM? Memandangkan bahawa Tan Huong Leong ini yang mencapai satu rekod kebangsaan pada tahun 2017 di Tokyo Marathon juga, saya rasa rekod itu juga tidak diiktirafkan oleh KOM. Mungkin Menteri boleh memberikan pengesahan? Hal ini kerana pada tahun 2017, beliau juga tidak mendapatkan ujian *doping* di Tokyo. Jadi saya rasa jika tidak dapat ujian *doping* pada tahun 2017, rekod beliau ada kemungkinan yang besar juga tidak diiktiraf. Jadi saya mahu tanya Menteri untuk memberikan pengesahan sama ada ini benar ataupun tidak.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Terima kasih pada Yang Berhormat Serdang. Program ini nama dia 'Kita Juara' bukan 'Juara Kita'. *Just FYI*. Dalam kes tersebut, saya telah memaklumkan kepada Kesatuan Olahraga Malaysia bahawa sekiranya ada atlet terutamanya atlet yang terlibat dalam program Kita Juara ataupun atlet yang ada kemungkinan besar dapat memecahkan rekod kebangsaan seperti Muhaizar Mohamed dan juga Tan Huong Leong, mereka patut lebih peka dengan penyertaan atlet-atlet tersebut dalam penyertaan maraton di peringkat antarabangsa. Namun demikian, di sini berlakunya sedikit masalah komunikasi disebabkan penyertaan acara maraton di Jepun adalah atas inisiatif atlet tersebut sendiri. Kedua-dua atlet memasuki acara tersebut melalui kelab masing-masing. Untuk kes Muhaizar, larian ini tidak ada di dalam takwim beliau sebagai seorang atlet di bawah MSN dan juga untuk Tan Huong Leong, sudah pasti waktu itu belum lagi diserapkan ke dalam program Kita Juara.

Jadi apabila mereka pergi atas inisiatif sendiri mewakili kelab individu masing-masing, jadi tanggungjawab mereka juga adalah untuk memaklumkan kepada KOM lebih awal lagi. Maklumat yang saya terima adalah bahawa KOM telah diberitahu pada

saat-saat yang terakhir. Namun demikian, ada usaha untuk cuba meminta Japan Association of Athletics Federations. Namun begitu, itu adalah apa yang telah berlaku ya. Untuk yang akan datang, saya akan minta supaya penyelarasan terutamanya dari segi memaklumkan dan juga komunikasi antara atlet-atlet yang pernah mewakili negara kita di peringkat antarabangsa yang ada kemungkinan besar untuk memecahkan rekod kebangsaan walaupun terlibat secara atas inisiatif mereka sendiri, dapat diselaraskan dengan lebih baik lagi oleh Persatuan Sukan Kebangsaan agar perkara-perkara yang timbul pada kali ini dapat dielakkan. Itu yang pertama.

Kedua, berkenaan dengan pengesahan rekod kebangsaan. Ini dipertimbangkan oleh KOM disebabkan bahawa peraturan ataupun syarat untuk diadakan ujian *doping* itu adalah syarat yang diletakkan oleh KOM itu sendiri. Hanya rekod dunia sahaja adalah diwajibkan untuk melalui ujian *doping* melalui *code*, World Anti-Doping Code (WADA). Namun demikian, rekod-rekod kebangsaan adalah tertakluk di bawah Persatuan Sukan Kebangsaan. Jadi, KOM telah meletakkan syarat tersebut tetapi mereka mempunyai budi bicara untuk pertimbangkan sama ada catatan masa yang dilakukan oleh Tan Huong Leong di Tokyo itu dapat diiktiraf sebagai rekod kebangsaan ataupun tidak.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya sedia maklum bahawa dalam ucapan Yang Berhormat, Yang Berhormat meminta atlet yang pergi bersendirian ataupun yang mewakili kelab itu saya maklum. Itu saya tiada masalah. Saya rasa itu adalah satu isu yang munasabah. Akan tetapi pada waktu yang sama, hendak iktiraf rekod itu atau tidak bergantung kepada acara yang telah mereka libatkan diri di ruangan antarabangsa seperti pertandingan di Jepun ini. Kalau pertandingan itu adalah diiktiraf, saya rasa kementerian perlu ada polisi yang berbeza untuk memandangi acara tersebut. Bukan *just because* dia pergi mewakili kelab ataupun persendirian kita tutup ruang ataupun kita bagi alasan, sepatutnya ia juga perlu merangkumi pertandingan yang mereka ambil bahagian. Sekiranya pertandingan yang mereka ambil bahagian mempunyai pengiktirafan, diwakili oleh atlet-atlet antarabangsa yang mempunyai bakat dan sebagainya dan ada pengiktirafan yang tertentu, saya rasa kementerian pun kena tengok pada bahagian tersebut. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Saya tidak ada masalah. Cuma apa yang saya minta adalah supaya mereka memaklumkan kepada kita. Itu sahaja.

■1150

Dari segi pengiktirafan kepada kejohanan yang disertai dan sebagainya itu saya terima sebab ini bukanlah satu larian yang tidak berprestij, ini adalah antara maraton yang paling berprestij dalam sirkuit tahunan. Cuma di sini adalah bagaimana kita dapat membuka ruang komunikasi supaya kita tahu kalau mereka terlibat dalam mana-mana pertandingan ataupun kejohanan antarabangsa atas inisiatif sendiri kita dapat bantu sebaik mungkin dengan apa keperluan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tebrau, penyaluran bantuan pentadbiran diberi kepada Pertubuhan Belia Peringkat Kebangsaan, Majlis Belia Negeri, Majlis Belia Daerah dan badan beruniform, Gabungan Majlis Belia Malaysia bagi melaksanakan aktiviti pentadbiran dan pengoperasian NGO berkenaan.

Pada tahun 2017, Kementerian Belia dan Sukan telah meluluskan bantuan RM8,384,000 kepada pertubuhan peringkat kebangsaan, Majlis Belia Negeri, Majlis Belia Daerah dan badan beruniform seluruh negara.

Bagi negeri Johor pula, sebanyak RM490,000 telah diluluskan dalam bentuk bantuan pentadbiran dan aktiviti kepada NGO belia seperti Majlis Belia Negeri Johor, RM80,000, Majlis Belia Daerah-daerah Johor, RM400,000, dan juga bantuan-bantuan aktiviti.

Bantuan pentadbiran ini Yang Berhormat adalah berbeza daripada bantuan program-program yang datang melalui permohonan dari semasa ke semasa dan itu kita berdasarkan keperluan dan kemampuan kementerian. Akan tetapi, dari segi pentadbiran, *administrative cost* dengan izin persatuan-persatuan belia sudah pasti. Di peringkat kebangsaan, Kementerian Belia dan Sukan menyalurkan RM2,776,000 pada tahun ini sahaja, Majlis Belia Negeri, RM1,120,000, Majlis Belia Daerah-daerah, RM4,120,000 dan badan beruniform RM368,000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga kerajaan sememangnya peka akan keperluan belia untuk menjalankan aktiviti sihat di kawasan setempat. Dalam hal ini, KBS dengan kerjasama pihak kerajaan negeri telah pun membina sebanyak 14 buah kompleks belia dan sukan, 16 buah kompleks rakan muda dan 16 buah kompleks sukan komuniti bagi menjalankan aktiviti belia mahupun sukan.

Pelbagai kemudahan di bawah kompleks ini telah disediakan seperti gelanggang futsal, gelanggang pelbagai guna, dewan, bilik mesyuarat, penginapan dan gimnasium rakyat. Kemudahan-kemudahan yang disediakan ini mengenakan bayaran yang minima selaras dengan penilaian yang telah dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sabak Bernam juga membangkitkan peruntukan untuk membaiki dan menyelenggarakan Gelanggang Serbaguna 1Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Belia dan Sukan sememangnya mempunyai perancangan untuk membaiki pulih gelanggang-gelanggang futsal di seluruh negara secara berperingkat di bawah *Rolling Plan* Ketiga, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) mulai tahun 2018. Untuk tujuan rekod KBS akan membaiki pulih dua buah gelanggang futsal di kawasan Sabak Bernam pada tahun ini.

Oh, saya tengok Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia ada atau tidak sebab saya sudah habis. Setakat ini sahaja maklum balas dan jawapan ke atas cadangan, pandangan dan pertanyaan telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Belia dan Sukan. Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas keprihatinan dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh kementerian saya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

11.53 pg.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Seri Jailani bin Johari]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Komunikasi dan Multimedia sepanjang sesi perbahasan ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Istiadat Pembukaan Penggal Keenam Majlis Parlimen yang Ketiga Belas.

Seramai 12 orang Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini. Saya akan menjawab persoalan tersebut secara umum. Penggulungan jawapan saya akan menyentuh lima perkara iaitu yang pertama penyebaran maklumat palsu ataupun fitnah, kedua, perkhidmatan internet jalur lebar, perkhidmatan telekomunikasi, ekonomi digital dan juga kandungan penyiaran.

Tuan Yang di-Pertua, izin saya memberikan maklum balas terhadap perkara yang dibangkitkan mengenai penyebaran maklumat palsu ataupun fitnah. Isu pertama adalah mengenai penggubalan rang undang-undang anti-berita tidak benar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Kinabatangan dan juga Yang Berhormat Kuala Pilah.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum cadangan penggubalan rang undang-undang ini adalah daripada sebuah Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pengerang, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dengan melibatkan dengan beberapa kementerian dan juga agensi lain termasuklah kementerian ini.

Adalah dimaklumkan bahawa proses memperhalus draf undang-undang masih berjalan dengan mengambil pandangan sebanyak mungkin pihak-pihak berkepentingan antaranya Majlis Peguam, SUHAKAM dengan izin *National Union of Journalists* ataupun NUJ sebelum ia dibentangkan di Kabinet. Maklumat lebih lanjut mengenai perkara ini akan dikongsi semasa sesi penggulangan oleh Yang Berhormat Menteri dari Jabatan Perdana Menteri nanti.

Isu kedua adalah mengenai penubuhan unit khas berita palsu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Tanah Merah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pada waktu ini sebuah Jawatankuasa Khas Jenayah Siber telah ditubuhkan pada November 2017 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia dan dianggotai oleh agensi-agensi penguat kuasa bagi menyelaraskan dan menerajui penguatkuasaan supaya lebih teratur terutama yang membabitkan siasatan dan pendakwaan isu berkaitan jenayah siber termasuklah isu-isu berkaitan dengan berita palsu.

Semenjak penubuhannya agensi-agensi penguat kuasa yang menjadi anggota kepada Jawatankuasa Khas ini telah menjalankan tindakan penguatkuasaan dan siasatan bagi membanteras jenayah siber dan penyalahgunaan media sosial. Terdapat 154 jumlah kes yang telah disiasat dan 16 kes juga telah didakwa di mahkamah.

Antara kes yang telah diambil tindakan adalah kes yang melibatkan tiga individu yang didenda kerana menyebarkan maklumat palsu di laman sosial *Facebook* berkenaan 74 kontena yang didakwa terlepas pemeriksaan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia ataupun dengan izin MAQIS. Manakala kes yang melibatkan Yang Berhormat R. Sivarasa masih dalam tindakan mahkamah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga selain daripada tindakan siasatan dan pendakwaan pihak SKMM juga telah mengambil tindakan terhadap 4,358 akaun palsu dan 80 peratus daripadanya telah pun dipadam oleh penyedia platform media sosial. Dalam tempoh yang sama pihak SKMM juga telah mengambil tindakan sekatan terhadap 40 laman sesawang portal dan *blog* yang menyebarkan kandungan maklumat serta berita berunsur palsu.

Portal SEBENARNYA.MY telah merekodkan lebih 25 juta layaran sejak dilancarkan pada 14 Mac 2017 dengan purata hampir dua juta layaran setiap bulan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat aplikasi *Android* juga telah dilancarkan pada 20 Mac 2018 iaitu semalam dan akan diperluaskan ke aplikasi IOS dan saluran media

sosial seperti *Facebook*, dan *YouTube* bermula pada tahun ini. Selain daripada itu, pihak SKMM juga melaksanakan kempen bersemuka melalui penganjuran 24 siri jelajah kempen SEBENARNYA.MY di seluruh negara bagi memberi penjelasan mengenai fungsi portal SEBENARNYA.MY.

Mengenai maklumat palsu berkaitan dengan 1MDB yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani dan Yang Berhormat Wangsa Maju. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat secara amnya definisi berita palsu adalah berita yang disahkan tidak benar khususnya oleh pihak yang berkuasa serta pihak yang mempunyai skop peranan bidang tugas ataupun bidang kepakaran khusus dalam isu tersebut.

Berkenaan isu 1MDB kes ini telah pun disiasat oleh pihak berkuasa seperti PDRM dan Jabatan Peguam Negara. Laporan siasatan juga telah dibentangkan kepada *Public Accounts Committee* dengan izin yang dianggotai...

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Biar saya habis dulu.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Okey.

Dato' Seri Jailani bin Johari: ...Oleh wakil kerajaan serta pembangkang. Prosidingnya telah dilakukan secara telus, *Hansard*-nya boleh dibaca di laman web Parlimen, laporan PAC juga telah dikeluarkan dan boleh dibaca di laman web yang sama. Cadangan-cadangan PAC telah diterima secara penuh dan telah dilaksanakan oleh kerajaan sepenuhnya.

Proses rasionalisasi juga telah dilaksanakan dengan baik. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan berpandangan selain daripada maklumat yang telah disahkan oleh pihak yang mempunyai kuasa seperti yang disebutkan tadi apa-apa jua maklumat selain darinya akan diiktiraf sebagai maklumat palsu.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya hendak tanya baru-barunya kita dengar banyak komen tentang berita palsu atau di bahasa Inggeris kata *fake news*. Kita pun dengar kemungkinan besar pihak kerajaan hendak tubuhkan atau hendak *table*-kan satu akta baru kepada Dewan Rakyat mengenai perkara ini. Apa status tentang perkara itu? Terima kasih.

■1200

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Menteri boleh sekali? Yang Berhormat Sungai Petani. Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih Yang Berhormat Menteri, senafas jawapan Yang Berhormat Menteri itu seolah-olah isu 1MDB sudah selesai, sudah masuk PAC, polis sudah siasat dan *statement* hendak buat. Yang Berhormat Menteri isu dia begini, kenapa rakyat membangkitkan isu ini sebenarnya rakyat tidak mendapat jawapan yang tepat sebab itu saya katakan peranan Kementerian

Multimedia di sini menjelaskan soal Kementerian Kewangan satu hal, soal dapatan kita di Dewan satu hal. Akan tetapi rakyat akan percaya kepada Yang Berhormat Menteri apabila Yang Berhormat Menteri bercakap di radio dan televisyen.

Oleh sebab itu dalam kes 1MDB Yang Berhormat Menteri tidak boleh kata selesai sebab ada di hadapan saya ini Parlimen kata sendiri tidak boleh bertanya tentang 1MDB kerana ia rahsia. Jadi dua *conflicting* isu di situ. Sebab itu saya rasa peranan kementerian di sini menjelaskan kepada rakyat sejelas-jelasnya. Kalau ianya rahsia, wahai rakyat Malaysia dengarlah di sini bahawa isu 1MDB telah pun diklasifikasikan sebagai rahsia, habis. Saya rasa kalau itu Yang Berhormat Menteri buat, rakyat tidak akan cakap dah. Akan tetapi berbagai-bagai kementerian, AG jawab lain, Parlimen jawab lain, Yang Berhormat Menteri jawab lain, Perdana Menteri jawab lain, Yang Berhormat Menteri Kewangan jawab lain, *that is issue then* saya ingat sepatutnya di-*synchronize*-kan oleh kementerian.

Soal rakyat percaya atau tidak percaya itu cerita lain, soalnya paling tidak Yang Berhormat Menteri mengambil tanggungjawab menyatakan dengarlah wahai rakyat Malaysia inilah keputusan dan jawapan Kerajaan Malaysia, 1MDB adalah rahsia. Saya rasa isu ini akan selesai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Terima kasih kepada kedua-dua sahabat saya, Yang Berhormat Wangsa Maju dan juga Yang Berhormat Sungai Petani. Saya menjawab Yang Berhormat Wangsa Maju, pertamanya tadi saya telah menjelaskan Yang Berhormat bahawa proses cadangan penggubalan undang-undang ini diketuai dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pengerang. *Insyah-Allah* saya difahamkan esok beliau akan menerangkan secara terperinci dari segi status kerana kementerian kita terlibat sebagai ahli jawatankuasa dalam perbincangan yang berkaitan dengan cadangan penggubalan rang undang-undang.

Berkaitan dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani, isu 1MDB ini kalau kita lihat sebenarnya sudah pun kita putus dan saya percaya pihak sebelah sana sering menimbulkan isu-isu lama. Sebenarnya kalau kita tahu Yang Berhormat, kalau kita tidak percaya sangat kepada keputusan yang dibuat oleh AG, SPRM, Ketua Audit dan sebagainya tetapi kita jelas Yang Berhormat Kepong sahabat kita pun telah memaklumkan bahawa Yang Berhormat Pekan tidak terlibat secara langsung, yang terlibat adalah lembaga pengurusan.

Jadi, hakikatnya kita perlu lebih ramai seperti Yang Berhormat Kepong dalam parti yang berani untuk mengekang perkara-perkara begini. Jadi sebenarnya kalau kita dapat lihat biasalah kalau hendak dekat-dekat pilihan raya ini seharusnya kalau kita lihat isu yang paling penting ialah yang berkaitan dengan Yang Berhormat Bagan yang terpalit dengan rasuah dan sekarang ini pun beliau pun tidak berhenti. Jadi saya ingat

perkara berkaitan dengan 1MDB ini kita tidak perlu perhalusi kerana telah jelas seperti yang saya maklumkan tadi bahawa dari segi definisi apa-apa yang timbul sekarang yang berkaitan dengan 1MDB adalah merupakan satu berita palsu. Saya sudah menjawab Yang Berhormat, saya harap kita berlapang dada, percayalah benda ini.

Ini kerana sahabat kita Yang Berhormat Kepong pun sudah cakap hari itu, sahabat saya Yang Berhormat Sungai Petani harap fahamlah. Saya ingat isu ini kita tidak perlu polemiklah kerana kita tahu dalam PAC pun kita ada lima orang daripada Yang Berhormat pembangkang, jadi sahabat-sahabat kita dan sedangkan daripada anggota Jawatankuasa PAC ini merupakan jawatankuasa hak yang telah ditentukan oleh anggota Parlimen Barisan Nasional dan juga pembangkang. Jadi kalau keputusan PAC ini pun dipertikaikan, saya rasa waima bagaimana masyarakat di luar sana. Saya ingat Yang Berhormat, saya sudah menjawab, saya ada banyak lagi isu-isu lain yang lebih penting yang perlu diperjelaskan kepada rakan-rakan kita. Saya harap Yang Berhormat terimalah jawapan saya terima kasih.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Sekejap, boleh saya tanya sedikit?

Dato' Seri Jailani bin Johari: Beginilah Yang Berhormat Indera Mahkota sahabat saya kerana Yang Berhormat dua sahaja yang bertanya pada saya. Yang Berhormat Wangsa Maju dan...

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Saya pun tidak mahu, jangan tuduh siapa-siapa lah dalam 1MDB ini saya tidak setuju. Tuduh hal orang, tuduh... tetapi minta keluar *auditor report* lagi senang.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Sudah dibincangkan oleh Yang Berhormat Kepong sewaktu pembentangan oleh PAC, saya ingat sudah menjawab. Okey.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum balas terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seremban dan Yang Berhormat Hulu Rajang yang berkaitan dengan perkhidmatan internet atau pun jalur lebar. Isu pertama adalah kebebasan menggunakan internet yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Seremban. Untuk makluman Yang Berhormat, konsep kebebasan bersuara termasuk melalui internet diiktiraf di bawah Perlembagaan Persekutuan namun ianya tidak lah mutlak malah tertakluk kepada undang-undang yang berkaitan yang membatasnya seperti mana yang saya sering nyatakan di Dewan yang mulia ini. Kita tidak mahu satu masa nanti fitnah dan tabiat sebar berita sesuka hati ia akan jadi satu budaya yang tidak terkawal.

Kita juga tidak mahu tujuan memiliki internet dan akaun media sosial itu bukan satu lagi usaha mencari ilmu, menjalin hubungan tetapi sebagai tapak menjatuhkan orang lain. Suka sekali lagi saya tekankan di sini bahawa secara prinsipnya kesalahan

yang berlaku di dunia nyata juga adalah menjadi kesalahan di alam maya. Undang-undang yang digubal oleh kerajaan adalah bertujuan bukan untuk menyekat tetapi adalah untuk mendidik rakyat supaya lebih bertanggungjawab dan mengamalkan kawalan sendiri.

Isu kedua adalah berkaitan dengan kaedah memastikan penggunaan internet di kalangan kanak-kanak adalah digunakan ke arah positif seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Rajang. Kerajaan bukan sahaja mengambil tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan semata-mata tetapi juga melalui program-program jangkauan dan kesedaran. Sepanjang tempoh 2017, pihak SKMM telah mengadakan sebanyak lebih kurang 561 program-program kesedaran kepada masyarakat umum di seluruh negara dengan anggaran capaian lebih kurang seramai 1.5 juta *audience*.

Pagi tadi pun sahabat saya daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga telah menyatakan bahawa kandungan mesej-mesej utama advokasi yang disampaikan oleh program jangkauan ini ialah berkaitan dengan isu:

- (i) perkongsian maklumat dan penyebaran maklumat palsu;
- (ii) peranan ibu bapa bagi melindungi keselamatan kanak-kanak semasa dalam talian;
- (iii) pengaruh *extremisms* dan *radicalization* di kalangan masyarakat;
- (iv) ketagihan internet di kalangan masyarakat; dan
- (v) membudayakan penggunaan internet secara beretika dan positif melalui Program Klik Dengan Bijak.

Pihak SKMM juga telah menjalankan beberapa inisiatif bagi mempertingkatkan kesedaran ibu bapa tentang kesan-kesan penggunaan *gadget* seperti *handphone*, *iPad* dan sebagainya kepada kanak-kanak khususnya dalam akses kandungan internet. Salah satunya adalah melalui perisian atau aplikasi kawalan ibu bapa dengan izin, *parental control tool*. *Parental control tools* adalah salah satu alat yang dapat digunakan oleh ibu bapa di dalam mengawal selia aktiviti anak-anak mereka di alam maya berteraskan prinsip kawal selia sendiri. Ia juga berperanan sebagai alat untuk mengawasi dan memantau aktiviti atau tindak tanduk kanak-kanak ketika berada dalam talian bagi melindungi kanak-kanak. Antara fungsi-fungsi *parental control tools* dengan izin, yang berguna kepada ibu bapa adalah menetapkan laman-laman web yang boleh atau tidak boleh dilayari oleh kanak-kanak, mematikan lokasi keberadaan semasa kanak-kanak, mengurus menyekat atau mengehadkan tempoh masa penggunaan aplikasi media sosial tertentu dan merekodkan aktiviti mudah alih kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya untuk menyentuh tentang isu-isu yang dibangkitkan mengenai telekomunikasi oleh Yang Berhormat Tanjong Piai, Yang

Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Julau dan Yang Berhormat Gerik. Walaupun sebahagiannya tiada Tuan Yang di-Pertua, untuk perkongsian saya minta izin Tuan Yang di-Pertua untuk berkongsi. Bagi kawasan Parlimen Tanjong Piai hampir keseluruhan infrastruktur tersebut telah pun di naik taraf di mana para pelanggan boleh menikmati kelajuan sehingga lapan *megabit per second* dengan izin, di lapan buah ibu sawat yang meliputi kawasan Bandar Permas, Sungai Durian, Kampung Permas Kelapa, perkampungan Nelayan Kukup, Kampung Sungai Kual, Tanjong Piai, Penerok dan Kampung Sungai Boh.

Untuk tuntutan ganti rugi bagi masalah gangguan perkhidmatan internet, pihak pelanggan TM yang terbabit boleh mengemukakan permohonan untuk mendapatkan rebat di TMpoint yang berhampiran. Rebat akan diberikan kepada perkhidmatan yang terjejas sahaja kerana ada kalanya hanya perkhidmatan internet yang menghadapi gangguan tetapi perkhidmatan lain seperti telefon dan faks tidak terjejas. Pihak TM akan membayar rebat berdasarkan bilangan hari ketiadaan dan juga caj langganan.

Untuk isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Kota Samarahan dan Yang Berhormat Julau, seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa ucapan Pembentangan Bajet 2018 yang lalu, pihak kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM500 juta melalui SKMM untuk membina infrastruktur komunikasi dan menaik taraf perkhidmatan jalur lebar di Sarawak. Peruntukkan ini adalah tambahan daripada RM2.5 bilion yang telah dibelanjakan untuk tujuan yang sama.

■1210

Maknanya RM3 bilion lah secara keseluruhan termasuk peruntukan sebelum ini. Inisiatif ini termasuklah pembinaan 105 menara komunikasi baru, penaiktarafan 425 menara komunikasi sedia ada dengan liputan jalur lebar mudah alih 3G ataupun 4G, penaiktarafan 20,000 sawat talian tetap dengan 10,000 sambungan bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi serta pembinaan tambahan 10 Pusat Internet 1Malaysia.

Bagi isu-isu pembangunan infrastruktur telekomunikasi di kawasan-kawasan Parlimen yang telah dilaporkan, pihak pegawai kementerian dan juga KKMM akan berhubung dengan pejabat Ahli Yang Berhormat bagi mencari jalan penyelesaian yang terbaik. Sehubungan dengan itu, bagi soalan yang dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Gerik, kalau boleh Yang Berhormat Gerik boleh berikan maklumat yang lebih terperinci mengenai lokasi yang telah disebutkan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum balas terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Samarahan berkaitan dengan ekonomi digital. Dalam meningkatkan penyertaan usahawan mikro dalam program eUsahawan

dan eRezeki di negeri Sarawak, pihak KKMM melalui agensinya MDEC sedang bekerjasama dengan Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak Sarawak serta Jabatan Tenaga Kerja Sarawak bagi melaksanakan Program Digital Kenyalang bertujuan memenuhi KPI NKRA dengan izin, *low income household* yang melibatkan aktiviti kesedaran di enam daerah iaitu Kuching, Sri Aman, Limbang, Miri, Sibu dan juga Kota Samarahan.

Di bawah Program Digital Kenyalang ini, MDEC menyediakan program yang memberi pendedahan dan pengetahuan kepada golongan usahawan belia dan mikro di Sarawak mengenai peluang serta kaedah pemasaran secara digital menggunakan media sosial, menganalisis data, membuat bayaran di atas talian dan juga keselamatan siber. Program ini disampaikan dalam bentuk kursus yang dijalankan di pusat-pusat Institusi Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional ataupun dengan izin TVET serta pusat-pusat komuniti setempat seperti Pusat Internet 1Malaysia yang terpilih di seluruh negeri Sarawak.

MDEC juga menganjurkan *Bootcamp eUsahawan* di mana peserta dapat mempelajari ilmu keusahawanan digital melalui kursus jangka pendek selama satu hari dengan menghimpunkan usahawan digital ikonik untuk memberi motivasi dan berkongsi pengalaman mereka dalam mengoptimumkan platform perniagaan atas talian.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak Januari 2016 sehingga Disember 2017 sejumlah 5,030 usahawan muda dan desa telah mengikuti latihan dan kursus eUsahawan di Sarawak dengan seramai 1,171 telah pun berjaya menjana jualan. Bagi program eRezeki pula, pihak MDEC telah melatih golongan B40 menerusi platform *online* dan kaedah *crowdsourcing* bagi menjana pendapatan tambahan sejak Januari 2016 sehingga Disember 2017 seramai 5,623 peserta telah mengikuti program di pusat dan wakil eRezeki di Sarawak dengan seramai 389 peserta telah berjaya menjana pendapatan tambahan.

Antara kisah kejayaan program-program ini adalah penama Mohd Bakri yang berumur 28 tahun, beliau mengusahakan perniagaan *mini mart*, Cupiyot Mini Mart sejak tahun 2017 ini nama dia bagilah. Selepas mengikuti kursus dan program eUsahawan, beliau telah mempraktikkan teknik-teknik pemasaran digital yang dipelajari sehingga berjaya mencapai jualan bulanan sebanyak RM66,667. Seorang lagi, Angeline Lai berumur 30 tahun, beliau menjalankan perniagaan kosmetik dan kecantikan selepas mengikuti kelas eUsahawan, jualan bulanannya telah meningkat sebanyak RM2,320 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali izinkan saya memberi maklum balas terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh berkaitan kandungan penyiaran. Walaupun Yang Berhormat Seputeh tidak ada Tuan Yang di-Pertua, saya

akan berkongsi juga kerana ia untuk makluman kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Pihak kementerian melalui RTM sentiasa berusaha memenuhi cita rasa penonton melalui penyiaran dan penerbitan rancangan tempatan termasuk Berita Mandarin kerana persoalan ditimbulkan oleh Yang Berhormat Seputeh ialah berkaitan dengan program Mandarin yang bersiaran melalui TV2 pada pukul 12.00 tengah hari dan waktu perdana pukul 8.00 malam setiap hari.

Selain daripada berita, rancangan bual bicara *What Say You* disiarkan setiap minggu untuk tujuan membincangkan isu-isu semasa negara dan juga masyarakat Tiong Hua. Rancangan mingguan tempatan berbentuk majalah, drama, *telemovie* juga disiarkan pada pukul 9.30 malam. Bagi stesen penyiaran swasta pula, pihak ASTRO telah menyediakan saluran khas saluran ASTRO AEC untuk rancangan-rancangan berbahasa Mandarin termasuk terbitan tempatan dengan program *Prime Talk* pukul 8.00 malam dan *Evening Edition* jam 11.00 malam. *Prime Talk*, segmen berita waktu perdana Mandarin yang disiarkan pada jam 8.00 malam memperoleh momentum sepanjang 2017 dengan 278,000 tontonan.

Program ini menawarkan kandungan berita terkini dan isu semasa di dalam dan juga di luar negara. *Evening Edition* adalah program yang memaparkan tajuk berita tempatan dan antarabangsa terkini seperti yang diterbitkan dalam akhbar dan majalah utama dengan kandungan dari pelbagai perspektif yang berbeza. Program ini meraih tontonan sebanyak 318,000 pada tahun 2017. Satu lagi *broadcaster*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [*Bangun*] Penjelasan, penjelasan.

Dato' Seri Jailani bin Johari: ... iaitu Media Prima melalui dua salurannya iaitu 8TV dan NTV7.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Menteri, sikit. Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Sebentar, isu berkaitan ini?.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Ya.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Saya bagi dialah [*Sambil menunjuk ke arah Yang Berhormat Bukit Katil*].

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya seperti mana Yang Berhormat Menteri maklum saya telah membuat pencelahan dalam perbahasan berkaitan dengan perkara ini iaitu saya ingin bertanya pendirian kementerian, apakah sekarang ini tidak digalakkan program-program seperti beberapa tahun yang lalu di mana kita ada program yang menyingkap pandangan kedua-dua belah pihak.

Misalnya saya masih ingat program yang begitu popular oleh RTM iaitu Debat Perdana yang memanggil kedua-dua belah pihak untuk memberikan pendapat dan pandangan sama ada provokatif ataupun tidak tetapi saya fikir itu perkara yang sewajarnya dilakukan oleh kementerian dan dipastikan agar dijalankan sementara kita berhampiran dengan pilihan raya dan sebagainya.

Satu lagi Yang Berhormat Menteri saya tengok RTM satu perkara yang positif ialah apabila siaran langsung Parlimen ini disiarkan sehingga *almost* 11.20 pagi, 11.25 pagi tapi saya nak tegur sedikit kementerian, adakah Yang Berhormat Menteri sedar ataupun tidak bahawa kadang-kadang bila satu soalan dibangkitkan oleh pihak di sebelah pembangkang kamera itu dia lambat Tuan Yang di-Pertua. Ia tidak nampak, nampak suara saja gambar tidak ada. Jadi macam kalau saya bangkit, saya ini sudahlah tidak berapa nak tinggi sangat jadi kalau langsung tidak disorot jadi orang kawasan kadang-kadang tidak berapa nak nampak muka dia bertanya. Dengar suara tapi tidak nampak muka. Jadi saya ingat itu Yang Berhormat kena *fair* sikitlah biar *balance*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil, sahabat saya. Sebenarnya Yang Berhormat, saya pun nak menjawablah persoalan Yang Berhormat itu tadi bagi saya selesaikan ada beberapa isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Seputeh berkaitan dengan 8TV dan juga NTV7. Jadi biar saya selesaikan dulu Yang Berhormat, saya *take note* dua perkara.

Sebenarnya Media Prima melalui dua salurannya Yang Berhormat, iaitu 8TV dan juga NTV7 juga menayangkan berita Mandarin pada jam 5.30 petang, 10.30 malam dan juga 12.00 tengah malam sebagai perbandingan pada tahun 2017, Berita Mandarin di 8TV mencatatkan jumlah penonton paling tinggi iaitu 727,000 ataupun 45 peratus *Chinese audience share* dengan izin berbanding Berita Mandarin di NTV7 yang mencatatkan jumlah penonton tertinggi pada 299,000 ataupun *18 percent Chinese audience share*. Jadi untuk makluman Ahli Yang Berhormat bermula 5 Mac 2018, stesen TV Media Prima iaitu 8TV kini berfokus menayangkan kandungan program-program berbahasa Cina sepenuhnya kerana stesen tersebut memiliki *audience* Cina yang besar bagi kategori Cina berumur empat tahun dan ke atas iaitu sebanyak 26.7 peratus.

Bagi penduduk di Sabah dan Sarawak persoalan Yang Berhormat itu tanya, yang ingin menonton rancangan 8TV mereka boleh menontonnya melalui khidmat IPTV seperti Unifi dan juga televisyen satelit ataupun TV ASTRO. Jangan risau Yang Berhormat, sebenarnya mereka masih juga boleh menonton program-program NTV7 seperti slot drama yang disiarkan TVB drama tiga jam seminggu, slot berita Mandarin tujuh hingga tujuh jam setiap minggu, slot berita *News and Brief* 20 minit setiap minggu.

Jadi perkara-perkara yang dikhuatirkan oleh Yang Berhormat memang kita maklumkan kepada NTV7 supaya mengambil tindakan.

■1220

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya saya berpeluang menonton TV selepas pukul 11.00 malam selalu. Itu sebab saya ikutlah NTV7 atau TV8. Sekarang memang bila itu berita antarabangsa, Berita Dunia pada NTV7 pada pukul 12.00 malam itu telah pun tidak disiarkan, saya rasa waktu malam saya memang tidak menonton TV kerana sama ada TV1, TV2, TV3, semua bahasa Malaysia. Bila saya pergi ke TV8, itu drama memang tidak menariklah—okey lah, drama Cina— dan sebagainya.

But, I just want to say, for audience or penonton seperti saya yang sudah lama ikut Berita Dunia pada NTV7 itu pada lewat malam, 12.00 malam, saya hanya hendak minta kementerian boleh mencadangkan kepada pihak stesen TV berkenaan pulihkan semula. Dan juga, kenapa TV8? Kalau NTV7, dia ada *audience* yang lebih ramai termasuk juga Sabah dan Sarawak.

So, sekarang ini berapa lama hendak tunggu? Kalau tidak menonton itu *shopping* yang macam mana itu buat keklah, itu periuk begitu macam mana baiklah, ini semua tidak menarik penonton seperti saya. Jadi lama-kelamaan penonton seperti saya ini akan *switch* kepada *internet*, Unifi dan Astro dan lain-lain. Jadi, NTV7 akan kehilangan penonton yang setia seperti saya.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tahu Yang Berhormat memang peminat rancangan *Global Watch* tetapi sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan tadi, kalau melihat kepada statistik kita, *audience* memang tinggi di dalam 8TV berbanding NTV7.

Akan tetapi sebenarnya walaupun Yang Berhormat tidak sempat tengok melalui siaran biasa, Yang Berhormat boleh tonton seperti mana Yang Berhormat maklumkan tadi, melalui pelbagai platform *online* dan juga media baru seperti RTM Mobile, My Klik, aplikasi OTT, *Over The Top*, dengan izin, dan satu lagi Media Prima iaitu program di bawah Tonton yang menyerupai aplikasi *Netflix* tetapi lebih mengutamakan kandungan tempatan selain daripada AV video dan juga *YouTube*.

Walau bagaimanapun, pandangan Yang Berhormat kita ambil maklum kerana kita dari setiap masa akan menambah baiklah apa juga cadangan di penambahbaikan setiap stesen penyiaran.

Selain daripada perkhidmatan penyiaran televisyen, Yang Berhormat juga boleh dengar radio berbahasa Mandarin yang telah lama disediakan oleh agensi-agensi ini. Radio-radio seperti Ai FM, RTM, One FM oleh Media Prima, Melodi FM, My FM dan Go Xuan FM di bawah Astro yang telah beroperasi secara 24 jam tanpa henti. Sebagai

contoh, RTM melalui siaran radio berbahasa Mandarin iaitu Ai FM ataupun Ai yang bermaksud cinta— Yang Berhormat pernah dengar tidak rancangan ini? Cinta menghidangkan pelbagai genre rancangan di sepanjang hari 24 jam tanpa henti. So, bermakna Yang Berhormat yang sibuk boleh dengar ini 24 jam tanpa henti. Dalam siaran Ai FM, berita semasa juga disiarkan pada setiap satu jam untuk memberi maklumat terkini kepada pendengar radio berkenaan. Begitu juga dengan saluran radio yang lain.

Ahli Yang Berhormat, ini hendak menjawab persoalan yang ketiga yang ditanya oleh Yang Berhormat. Adalah menjadi amalan stesen penyiaran kerajaan mahupun swasta— kita sudah bagi arahan— mengadakan kajian berkala berkaitan dengan cita rasa penonton merangkumi semua sampel populasi masyarakat Malaysia termasuk kumpulan etnik dan juga meliputi kawasan bandar dan juga luar bandar. Berdasarkan kepada penemuan kajian, stesen-stesen berkenaan sentiasa membuat penambahbaikan kepada kandungan dan juga susunan waktu siaran rancangan termasuk program berbahasa Mandarin untuk memastikan siarannya ini diikuti oleh lebih ramai penonton. Okey, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih ya. Tuan Yang di-Pertua, saya beri *feedback* atau maklum balas sebagai penonton televisyen Malaysia kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri kata yang TV8 itu ada penonton Cina atau yang faham Cina yang agak ramai, ia juga kerana program yang disiarkan oleh saluran ini pada waktu malam macam program yang mereka siarkan daripada China, CCTV dan sebagainya, ada beberapa program yang sangat menarik perhatian tontonan orang ramai dan saya rasa ini langkah yang bijak. Jadi maksudnya, pihak stesen TV haruslah tahu apa yang penonton mahu.

Tadi saya hendak balik kepada maklum balas Yang Berhormat Bukit Katil tadi. Sebenarnya macam TV bahasa Tionghoa walaupun ia pro Barisan Nasional, *put it that way* lah, tetapi ia masih ada sedikit ruang untuk tunjuk macam mungkin saya berucap sekarang mungkin boleh masuk NTV7 *Mandarin News*. Jadi ada sedikit ruang ini, *I think*, ruang seperti ini sangat penting.

Jadi kalau sekarang hampir pilihan raya akan datang, kalau TV3, RTM ini hanya menyiarkan semua ucapan daripada pemimpin Barisan Nasional yang mengutuk pihak Pakatan Harapan dan juga pihak pembangkang yang lain, berita TV macam ini memang tidak akan menarik penonton kerana penonton sudah pun bosan berapa tahun berdekad-dekad dengar semua kenyataan seolah-olah ini semua saluran *official* bagi Barisan Nasional ini. Ia harus diberikan ruang kepada pihak kami ini untuk bagi bukan semua berita buruk, bukan semua yang kritikan sahaja tetapi haruslah bagi kami ada ruang untuk membalas tuduhan-tuduhan liar, *fake news* daripada *cybertrooper* Barisan Nasional dan sebagainya. Baru ini akan menarik keyakinan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh ini berucap atau minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri? [*Dewan riuh*]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya bagi pandangan supaya tontonan dari NTV7 dan RTM ini akan naik lagi kerana, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun tidak menonton televisyen Malaysia lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua mungkin tidak faham apa yang saya hendak utarakan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan, sila. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *So, this is my feedback to you* adalah untuk menyelamatkan Media Prima dan RTM dan sebagainya.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Saya rasa saya sudah menjelaskan semua. Saya tahulah Yang Berhormat Seputeh sekarang ini tidak ada *live*, Yang Berhormat Seputeh tidak payahlah. Dia hanya di dalam *online* sahaja.

Tetapi untuk makluman Yang Berhormat semua, sebenarnya penyiar swasta ini pada masa yang sama perlu juga memastikan kandungan program yang disiarkan mematuhi kod kandungan di bawah seliaan forum kandungan komunikasi dan multimedia Malaysia.

Saya hendak menjawab sahabat saya, Yang Berhormat Bukit Katil. Sebenarnya pihak RTM sedia mengadakan program seperti debat perdana jika terbit keperluan dan kesesuaian untuk siaran. Parti-parti politik juga akan diberi peluang untuk membentangkan manifesto masing-masing dengan mematuhi garis panduan siaran RTM. Sebelum ini pun kalau kita lihat misalannya bukan hanya RTM tetapi Astro juga pernah mengadakan temu bual bersama pihak pembangkang termasuk Yusmadi Yusoff, PKR, Syed Saddiq dan *even* baru-baru ini, dengan izin, Astro AEC telah menemu ramah Encik Liew Chin Tong, MP Kluang daripada DAP. Jadi, tidak timbul masalah yang mengatakan kita tidak pernah memberi ruang kepada pihak di sebelah sana. Sudah banyak sudah. *Even* saya ingat kalau ikut senarai ini, ramai sudah sahabat-sahabat di sebelah sana— Rafizi sudah ada, Datuk Jo pun sudah ada, semua ada. Jadi tidak timbul sebelah sana mengatakan kita tidak memberi ruang dan peluang.

Jadi persoalan yang terakhir yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bukit Katil. Sebenarnya, Yang Berhormat, setiap kali Yang Berhormat keluar menjawab itu, sebenarnya fokus yang kita bagi gambaran kepada Yang Berhormat Pembangkang adalah berkaitan dengan teknik penerbitan, bukan disengajakan. Walaupun saya kenal Yang Berhormat, kita akan bagi *posture* yang *handsome-handsome* sedikit untuk Yang Berhormat kerana gambar hari ini pun difahamkan memang kita bagi *full frame* untuk

Yang Berhormat. Jadi jangan risau, Yang Berhormat. Jadi untuk rakan-rakan yang lain kalau keluar TV itu, kita bagi *full frame*.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh mengenai peranan pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Pihak kementerian mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan bagi menambah baik perkhidmatan di bawah bidang kuasa kementerian. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

12.29 tgh.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Salam negaraku, alam sekitarku. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih di atas keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu alam sekitar sepanjang tempoh perbahasan pada kali ini. Seramai 10 Ahli Yang Berhormat telah membahaskan berbagai-bagai isu yang berkaitan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sabak Bernam membangkitkan isu menangani konflik haiwan liar terutamanya kera. Mengikut rekod sepanjang tahun 2017, sebanyak 58 aduan gangguan buruk dan kera diterima oleh Jabatan PERHILITAN di Parlimen Sabak Bernam. Saya pun tak tahu kenapa kawasan dia ini, yang melibatkan 30 buah lokasi dengan anggaran populasi sebanyak 2,610 ekor. Semua aduan telah pun diambil tindakan dan sebanyak 1,412 ekor telah pun ditangkap pindah.

Pihak Jabatan PERHILITAN juga akan menjalankan operasi bersepadu dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan daripada semasa ke semasa. Antara tindakan yang diambil bagi pengurusan hidupan liar konflik seperti kera adalah:-

- (i) pemasangan perangkap di lokasi konflik,
- (ii) menjalankan operasi basmi musuh tanaman bersama masyarakat setempat dan *shareholders* ataupun pemegang-pemegang taruh dan;
- (iii) meminta pemaju pembangunan supaya menjalankan kajian *wildlife impact assessment*. Ini penting kerana membolehkan

program mitigasi hidupan liar konflik seperti kera dan beruk dapat diambil tindakan sebelum sesuatu pembangunan dapat dilaksanakan.

Yang Berhormat Jerantut meminta supaya segera kanopi...

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri, okey.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Perkara seperti ini saya pernah bangkitkan sebelum ini dan Yang Berhormat Menteri juga menjawab. Tadi Yang Berhormat ada menyatakan bahawa salah satu daripada caranya adalah menyediakan sangkar dan segala-galanya. Akan tetapi apabila saya selaku Ahli Parlimen untuk peringkat daerah Batu Pahat, bila kita bawa perkara ini ke dalam mesyuarat tindakan daerah, dinyatakan bahawa mereka tidak mempunyai peruntukan untuk meletak sangkar. Saya selaku Ahli Parlimen pun saya dah letak sangkar merata.

Masalahnya sekarang Yang Berhormat, mungkin pihak kementerian boleh membuat satu cadangan macam mana ini kita nak mengekang supaya kera-kera ini tidak banyak sangat macam ini? Oleh sebab kera kalau kita tahu habitat dia, dia cepat beranak. Jadinya macam mana? Sudah tangkap Yang Berhormat dan bukan kera sahaja yang jadi masalah terutamanya kawasan seperti kawasan saya. Juga yang kaki pendek ini pun berlambak-lambak. Kadang-kadang sampai berjalan di jalan raya, kita terpaksa berhenti sebab hendak membiarkan mereka ini lalu. Jadinya, saya nak minta pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini. Mungkin Yang Berhormat boleh contohnya apa yang telah dibuat di tempat-tempat lain bagi mengekang kemaraan mereka ini daripada segi jumlahnya dan juga yang lainnya. Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Perkara ini telah kerap dan banyak kali dibincangkan. Para pakar telah pun memutuskan bahawa setakat ini tidak ada penyelesaian jangka masa pendek untuk menyekat kemaraan mereka. Cuma yang kita boleh buat masa ini adalah tangkap dan pindah, itu sahaja ayat yang saya boleh sebut di sini.

Walau bagaimanapun, untuk jangka masa panjang sudah tentulah kita terpaksa menyediakan kawasan yang sesuai untuk mereka. Seperti yang saya sebutkan tadi, kajian *wildlife impact assessment (WIA)* untuk membolehkan program mitigasi hidupan liar konflik seperti kera dan beruk ataupun yang berkaki pendek tadi dapat diambil tindakan. Maknanya jangka masa panjang. Kalau kita ada cadangan mandullah dan lain-lain, yang itu sebenarnya akan mewujudkan konflik yang lebih dahsyat. Kalau kita mandulkan satu kumpulan, kumpulan lain akan datang dan sebagainya.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat bila dah tangkap itu – Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya. Apabila dah tangkap itu, apa yang pihak jabatan buat? Itu yang pertama. Kenapa pula nak mandulkan mereka itu

mendatangkan satu masalah? Oleh sebab bila – ataupun mungkin ada ketua kampung, saya pernah cadang dekat kawasan saya, saya cakap *‘Tok, ini banyak sangat ini’*. Apabila kita tangkap, kita tidak tahu apa hendak buat. Dia lagi bergambar, beraksi semua sebab dia orang pun sudah bijak dah sekarang.

Dia cadangkan supaya bagi dia orang makan pil perancang tetapi memanglah kita dengar pun agak aneh. Akan tetapi itulah sebenarnya dia menjadi satu *trap* dekat kawasan-kawasan terutamanya kawasan luar bandar seperti kawasan saya. Oleh sebab ia dah menjadi satu masalah yang semua orang rasakan, *it is a trap*. Maksudnya kita kena buat sesuatu mengenai perkara ini. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya rasa sudah pakar sekarang ini, dalam bidang-bidang ini supaya membantu saya daripada segi ini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, sambung sikit. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih. Saya fahami keraguan yang ditimbulkan Yang Berhormat Parit Sulong. Pada waktu yang sama, kita juga kena tempatkan mereka di satu kawasan supaya mereka tak ganggu rumah-rumah seperti Yang Berhormat Parit Sulong. So, saya rasa bila kita mengganggu habitat mereka, mereka tak ada ruang lain dan terpaksa ganggu tempat kita. Jadi, saya rasa kementerian perlu halusi satu kawasan di mana mereka boleh ditempatkan di kawasan Parit Sulong itu ataupun di tempat-tempat Parlimen lain supaya kera dan monyet ini tidak ganggu ketenteraman orang biasa. So, kita kena datang dengan satu zon supaya kita boleh hantar mereka dan biar mereka meluaskan habitat mereka di kawasan tersebut. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Kapar, seperti yang saya sebut tadi yang kita tangkap ini kita bawa, kita pindahkan jauh ke kawasan pendalaman hutan.

Cuma Yang Berhormat Parit Sulong mencadangkan supaya kaedah-kaedah saintifik seperti yang disebutkan tadi ubat perancang dan sebagainya. Sudah cuba tetapi setakat ini tidak berkesan kerana mungkin kita boleh tangkap dan mandulkan 100 ekor tetapi akan datang lagi 1,000 ekor. Itu makna konflik semakin teruk sebab seperti yang sebut tadi, mereka ini cerdik. Mula-mula mungkin kita boleh bagi pil perancang tetapi lama-lama dia tahu ini pil perancang. Dia tahu dan mereka menolak bentuk pil seperti tersebut bagi tujuan tersebutlah. Itu yang berlaku tetapi untuk jangka masa panjang seperti yang saya sebutkan tadi, memang kita perlukan kawasan mereka yang sesuai. Maka sebab itulah sesuatu pembangunan yang dirancang mesti menjalankan kajian

wildlife impact assessment. Sama ada yang berkaitan dengan kera, beruk, monyet ataupun haiwan-haiwan lain.

Ini memang telah ada dalam perancangan kita. Sebenarnya sekarang ini pun kita telah mula meminta supaya semua jabatan ataupun agensi kerajaan yang merancang dan akan menjalankan projek-projek pembangunan termasuklah jalan kereta api laju. Jalan kereta api Pantai Timur mestilah merujuk kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di dalam menentukan masa depan sesuatu kawasan yang boleh menyebabkan konflik hidupan liar seperti yang saya sebutkan tadi. Termasuklah yang berkaitan dengan kera, beruk dan sebagainya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, sambung sikit Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Ada tak jabatan kita membuat bancian tentang jumlah monyet dan kera ini di seluruh Malaysia? Ada apa-apa statistik yang kita sedang buat? Itu yang pertama.

Kedua, sebab saya rasa ini terlibat bukan tahun 2018, mungkin 2028 atau 2038 apabila kita masuk balik dalam Dewan yang mulia ini dan kita berdebat kepupusan monyet dan kera dan sebagainya. So, pandangan ini pun perlu dipandang secara jauh. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya nak mencelah Timbalan Menteri.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran kepada saya untuk menjelaskan tentang isu monyet dan kera. Saya setuju dengan pendapat daripada Yang Berhormat Kapar yang menyatakan bahawa hutan simpan ini seharusnya dikekalkan. Ini berlaku di daerah Sabak Bernam iaitu di kawasan Sungai Tengah yang mana kerajaan negeri yang melalui PIPS, jabatan pertanian telah membuat dan di mana kawasan hutan simpan hampir 1,000 ekar telah ditebang untuk ditanam kelapa sawit. Dahulu di daerah Sabak Bernam ini, monyet dan babi kurang tetapi apabila berlaku penebangan hutan yang berlaku di kawasan utara Sabak Bernam di mana kawasan habitat monyet, kera dan juga babi ini telah keluar ke kawasan perkampungan. Ini mengakibatkan hasil-hasil pertanian seperti kelapa, buah-buahan dan sebagainya telah dimusnahkan oleh kera dan monyet.

Saya mengharapkanlah seperti juga mungkin di Parlimen-parlimen yang lain, kita telah cuba menangkap, membuat perangkap dan kemudian kita menembak. Akan tetapi hasilnya monyet ini bertambah banyak. Saya mengharapkan daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitarlah supaya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk monyet dan kera ini di seluruh Malaysia. Sekian, terima kasih.

■1240

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Sabak Bernam, ramai yang minat rupanya ini, ya. Jumlah kera di Semenanjung Malaysia sahaja yang telah pun dibanci lebih kurang setengah juta. Tidak timbul soal pupus dan sebagainya. Cuma soal keprihatinan dan saya setuju daripada pandangan Yang Berhormat Sabak Bernam tadi, makna semua pihaklah, semua pihak mestilah mengambil berat tentang perkara ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada perkara berikutnya iaitu Yang Berhormat Jerantut tentang pembaikan segera kanopi *walkway* di Taman Negara. Pihak Jabatan PERHILITAN di bawah kementerian ini sedang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan ke atas titian kanopi dengan kos RM10 ribu menggunakan peruntukan belanja mengurus.

Memang diakui keadaan kanopi di Taman Negara Kuala Tahan ini sudah banyak mengalami kerosakan iaitu 9 pokok utama dan 11 pokok sokongan seperti pokok keruing, meranti, sarang punai, tenggek burung yang telah rosak kerana titian kanopi ini telah pun berusia 24 tahun. Tidak ada dia. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat tidak ada di Dewan, boleh saya *skip*.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Kerana isu yang tidak berapa penting. Walau bagaimanapun, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Raja, saya hanya sebut satu tentang harta pusaka. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan terutama dalam mempromosikan kesegeraan waris untuk mengemukakan permohonan pembahagian harta pusaka, sebaik berlaku kematian pemilik harta kerana jika dibiarkan, tidak diselesaikan segera akan melibatkan kematian yang berlapis dan akan merugikan waris-waris itu sendiri. Di bawah Akta Harta Pusaka Kecil 1955, Pembahagian dan Kanun Tanah Negara 1965, terdapat peruntukan undang-undang bagi mengelakkan pecahan tanah menjadi lebih kecil dan tidak ekonomik untuk dimiliki oleh waris.

Kementerian ini dalam proses membuat pindaan akta 1998 yang antara lain telah mencadangkan dalam keadaan tiada kesepakatan waris-waris bagi satu-satu lot tanah yang dipertikaikan, pentadbir tanah boleh diberi kuasa untuk menentukan pembahagian mengikut konsep majoriti rol iaitu tanah tersebut dijual dan hasil dibahagikan kepada waris mengikut perundangan sedia ada. Ini bermakna seorang waris tidak akan memiliki bahagian tanah secara fizikal, sebaliknya digantikan hak tersebut dalam bentuk wang dan kementerian ini bercadang, berharap cadangan penambahbaikan dalam pindaan yang sedang dibuat dapat membantu pihak waris dan kerajaan dalam menyelesaikan isu-isu rakyat yang membangkitkan pada masa ini. Ini sedang dicadangkan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berminat dari segi yang Yang Berhormat sebut tadi mengenai pengurusan harta pusaka itu. Yang mana dicadangkan pentadbir tanah boleh mengambil tindakan untuk menjual tanah-tanah yang mempunyai hak milik yang banyak. Persoalan saya adakah apabila atau sekiranya perundangan ini atau statut ini dilaksanakan, adakah kerajaan bercadang menubuhkan satu perbadanan misalnya yang akan membeli tanah-tanah dalam keadaan demikian yang gagal untuk dijual kepada pembeli-pembeli yang biasa. Sebagai contohnya kalau kita di peringkat kerajaan negeri, kita ada MB Incorporated ataupun Perbadanan Menteri Besar yang membeli tanah-tanah yang ada masalah seumpama ini. Adakah kerajaan pusat juga mempunyai hasrat yang sedemikian. Mohon penjelasan.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Sebenarnya cadangan ini masih di peringkat awal, masih di peringkat *drafting* dan kita sedang berusaha untuk mendapatkan pandangan daripada semua pihak, *stakeholders* dan mungkin itu di antara pandangan yang boleh diambil kira. Yang Berhormat Kota Bharu seorang peguam. Yang penting hak setiap penama, pewaris tersebut mestilah dilindungi. Yang penting kedua, penyelesaian kepada sesuatu harta terpendam dapat segera dibuat. Itu yang paling penting sekali. Yang Berhormat Hulu Langat, saya fikir tidak jawab di sini kerana beliau tidak ada di dalam Dewan.

Kemudian Yang Berhormat Ipoh Barat, tadi dia ada, kemudian dia keluar semula. Saya fikir ini mungkin, akan dijawab sekali gus oleh Yang Berhormat Menteri. Sepatut siang tadi, pagi tadi, tapi tidak apa. Mungkin saya akan jawab secara bertulis. Seterusnya ialah Yang Berhormat Kota Tinggi. Beliau tidak ada. Mungkin saya jawab secara bertulis juga. Yang Berhormat Puan Rubiah binti Haji Wang, Kota Samarahan. Oleh kerana ini isu tempatan, saya akan jawab secara bertulis. Yang Berhormat Rasah berkaitan dengan isu, juga banjir kilat, isu tempatan, saya akan juga jawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua setakat ini sajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan Titah Diraja pada mesyuarat pertama ini. Saya berharap daripada penjelasan tersebut termasuklah yang akan dijawab secara bertulis, dapat menjawab semua soalan yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kementerian ini akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Saya memberi jaminan bahawa mana-mana tidak

dapat dijawab oleh saya pada kali ini akan diambil catatan untuk tindakan susulan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Kementerian Pendidikan.

12.47 tgh.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mahdzir Khalid]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada seramai 48 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja 2018 yang menyentuh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Terdapat 66 isu, pertanyaan, cadangan, pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Isu-isu, pertanyaan dan cadangan yang telah dikemukakan berkaitan dengan Dasar Pendidikan, berkaitan dengan pembangunan murid, prasekolah, TVET, DLP, kurikulum dan PDP serta pendidikan swasta, profesion perguruan, STAM, Teknologi dan Maklumat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fokus penggulungan saya ini akan menjurus kepada penjelasan isu dasar yang telah pun dibangkitkan. Namun isu-isu yang spesifik juga akan cuba diulas sebaik mungkin Tuan Yang di-Pertua. Dasar yang pertamanya mengenai dengan Dasar Pendidikan. Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor, Ahli Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Libaran dan Yang Berhormat Kulai yang menyentuh mengenai dengan Sekolah Kebangsaan. Dari Kuala Selangor yang menyatakan bahawa dianya Sekolah Kebangsaan adalah platform terbaik untuk memupuk perpaduan.

Kementerian sebenarnya, Kementerian Pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah mengambil kira beberapa perkara, analisa, temu bual melibatkan panel pakar dalam negeri untuk melibatkan pegawai-pegawai di semua peringkat bagi pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang melibatkan anak-anak kita di prasekolah, di sekolah kebangsaan dan di sekolah menengah serta di peringkat pelajar-pelajar di Tingkatan 6 termasuklah anak-anak kita yang belajar di sekolah menengah agama dan kemudiannya mengambil peperiksaan STAM.

■1250

Dalam 10,200 buah sekolah yang ada dalam negara kita, 1,200 SRJK(C) dan lebih kurang 520 SRJK(T), yang bakinya adalah sekolah kebangsaan. Jadi, pada pandangan Kementerian Pendidikan bahawa apa sahaja program yang sedia ada di peringkat sekolah rendah akan diselaraskan untuk membuat pengubahsuaian bagi menghadapi cabaran masa depan yang ada kaitan dengan Revolusi Perindustrian 4.0.

Yang Berhormat Rantau Panjang bercakap mengenai dengan memperkasakan bahasa kebangsaan. Dalam sektor pendidikan kita telah melancarkan pelan hala tuju bahasa Melayu. Di samping itu juga, kementerian sedang melaksanakan beberapa inisiatif dalam memartabatkan bahasa Melayu, menyediakan kerangka standard bahasa Melayu, kerangka holistik pembangunan profesionalisme guru dan menubuhkan sebuah lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Pengiktirafan Pendidikan Bahasa Melayu serta pemantapan kriteria pemilihan calon guru bahasa Melayu. Institut Pendidikan Guru Bahasa Melayu (IPG) telah menjadi pusat kecemerlangan bahasa Melayu yang berpangkalan di Kuala Lumpur. Itu mengenai dengan Yang Berhormat Rantau Panjanglah, yang berkait dengan bahasa Melayu.

Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Sibuti ada? IPG Miri dan IPG Bintangor. Kementerian Pendidikan telah mula melaksanakan pertukaran fungsi sembilan IPG keseluruhannya dan duanya adalah di negeri Sarawak iaitu IPG Kampus Sarawak, Miri dan IPG Kampus Rajang yang akan menjadi politeknik di bawah Kementerian Pendidikan. Pelaksanaan pertukaran fungsi ini secara berperingkat-peringkat Yang Berhormat, sehingga tahun 2020. Di mana pertukaran penuh sehinggalah tahun 2020. Apabila kedua-dua institusi ini akan bertukar menjadi politeknik untuk tujuan TVET.

Datuk Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Boleh Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ya.

Datuk Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya hendak yakini kepada Yang Berhormat Menteri keadaan bangunan-bangunan di IPG Miri dan juga bangunan dewan-dewan di mana kuliah-kuliah yang diadakan terlalu usang dan banyak dimakan anai-anai. Kalau boleh awal-awal ini disegerakan pembaikannya supaya apabila tahun 2020 nanti perkara itu tidak jadi masalah lagi. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Menteri, sambung boleh? Yang Berhormat Sungai Petani, Menteri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Okey, okey, sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sambung kepada soalan Yang Berhormat Sibuti tadi. Apakah Menteri bersetuju dengan saya kalau saya katakan kementerian- bolehkah kementerian mengambil keputusan untuk menjual semua kuarters-kuarters guru yang jumlahnya amat banyak di seluruh negara yang tidak langsung digunakan. Agar dengan pendapatan jualan tersebut boleh membantu sekolah-sekolah dan juga maktab-maktab seperti di Sibuti tadi yang daif. Ini kerana Menteri, kuarters-kuarters itu ada yang sudah siap berpuluh tahun tidak duduk pun dan

sekarang ini rimba sudah masuk dalam kuarters-kuarters tersebut. Jadi, saya harap Menteri boleh buat keputusan dengan JKR, juallah.

Pertama sekali, tempat itu jadi sarang dadah, tempat orang menagih dadah. Keduanya, sayang dia punya kompleks itu cantik, di antara yang paling cantik pernah saya tengok, yang pernah dibina oleh kementerian ialah kuarters-kuarters. Jadi, kalau kita tunggu dia punya susut nilai akan terjadi, *depreciation*. Saya mencadangkan Menteri kalau Menteri boleh buat komitmen hari ini, juallah kuarters itu pun kemudian bantulah sekolah-sekolah yang daif dan juga IPG-IPG yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani atas pandangan itu. Pada waktu ini kita ada menyewa bangunan-bangunan itu, bakinya itu saya tidak tahulah, ada. Kita tengoklah macam mana Yang Berhormat boleh kita buat benda itu. Balik kepada IPG Miri. Dua-dua IPG ini saya faham bahawa banyak yang kena diperbaiki. Jadi, sememangnya bila hendak bertukar fungsi ini ada peruntukan untuk tujuan pembaikan bangunan-bangunan yang kira daif itu Yang Berhormat. Jadi, yang itu termasuk dalam kategori bila kita bertukar fungsi daripada IPG kepada politeknik. Terima kasih.

Yang Berhormat Libaran? Tidak ada, kita jawab secara bertulis. Yang Berhormat Kulai? Yang Berhormat Putatan dan Yang Berhormat Simpang Renggam? Ini saya ingat berkaitan dengan isu pengiktirafan UEC. Saya ingat ini jawapan yang telah banyak kali diberi dalam Dewan ini. Saya ingat rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat faham bahawa pada waktu ini kita macam contohnya dalam IPG untuk ijazah bagi bahasa Mandarin. Kita menerima juga pelajar-pelajar daripada UEC tetapi pengiktirafan penuh terhadap UEC memang kita tidak buat lagi pada waktu ini. Akan tetapi kita lihat bahawa ada permintaan-permintaan tertentu yang sememangnya boleh buat. Untuk tujuan ini, sehingga hari ini boleh saya katakan belum ada keputusan penuh berkaitan dengan pengiktirafan kepada UEC.

Seterusnya, saya pergi kepada berkaitan dengan pembangunan. Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Penampang, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Batu Sapi, Yang Berhormat Jerantut dan Yang Berhormat Batu Kawan. Yang Berhormat Sabak Bernam membangkitkan mengenai dengan 16 projek yang pembangunan semula yang dilaksanakan di negeri Selangor dalam tahun 2018 dengan melibatkan kos lebih kurang melibatkan RM23.7 juta. Sebanyak lima pakej dan surat setuju terima telah ditandatangani pada 23 Februari 2018. Untuk Yang Berhormat Sabak Bernam, penyaluran peruntukan adalah berdasarkan keutamaan skop kerja yang sedang

dicadangkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor bagi tujuan penyelenggaraan sekolah-sekolah dalam Daerah Sabak Bernam

Pembinaan bangunan baru PPD Sabak Bernam kini dalam proses reka bentuk untuk Sabak Bernam.

Datuk Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Sama-sama. Bagi Yang Berhormat Bagan Serai, KPM telah menyalurkan peruntukan RM155,000 untuk pembaikan sekolah di dalam Parlimen Bagan Serai pada tahun 2018.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Sama-sama. Yang Berhormat Hulu Rajang? Yang Berhormat Penampang? Bagi SMK Datuk Peter Mojuntin yang terbakar baru-baru ini, kita telah membuat pembaikan ini secara darurat dan sekarang dalam proses pelantikan kontraktor di Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. Untuk disegerakanlah oleh sebab sekarang ini pelajar-pelajar ini diletakkan dalam satu bilik yang memang tidak berapa selesa. Saya sedar dan saya telah berada di Penampang pada tiga minggu yang lalu dan mereka memaklumkan bahawa memang tempat yang tinggal itu memang tidak sesuai pun. Jadi, kita minta disegerakanlah dan peruntukan kita salurkan untuk tujuan pembaikan kepada SMK Datuk Peter Mojuntin.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Tuan Yang di-Pertua boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam *interim measure* ini adakah saluran, *I mean* sumbangan daripada kerajaan untuk memberikan mereka *cupboards* dan *necessary* punya *materials* untuk mereka menyimpan barang-barang mereka? Ini sebab saya pun ada pergi ke sekolah itu dan nampak keadaan mereka di mana mereka terpaksa, *I mean* dalam keadaan ini terpaksa *share flooring, I mean mattress on the floor*, dengan izin, Yang Berhormat Menteri. Saya nampak juga bahawa mereka tiada tempat untuk perkakas barang mereka dan baju-baju mereka. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Kita memberi peruntukan juga untuk tujuan itu sebab yang ada sekarang ini hanya ada tilam dan tempat yang menggantung baju pun tidak ada. Betul, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Penampang, kita bagi bantuan itu sekali. Ini sebab hendak *repair* itu mungkin kata makan masa sampai tiga bulan lagi, jadi mereka terpaksa tinggal di situ dahulu sementara tiga bulan.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, kalau panjang lagi, sambung sebelah tengah hari. Kalau pendek sahaja, saya benarkan lagi lebih kurang dalam lima minit sebelum kita tangguhkan Dewan sehingga petang nanti.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ada lagi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna, kita sambung sebelah petang.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ya, sambung.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Mesyuarat pada sesi sebelah pagi ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menyambung jawapan.

2.32 ptg.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mahdzir Khalid]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung jawapan saya sebelah tengah hari tadi yang berkait dengan pembangunan. Akhir tadi berkaitan dengan- Ada dari Kanowit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kanowit ada.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat Kanowit ada. Ini berkaitan dengan sekolah daif yang dilaksanakan di dalam Parlimen Kanowit. SK Rantau Kemiding, SK Ngang Lipis, SK Nanga Dap. Dap bukan? Betulkah? SK Ulu Ranan. Untuk penggabungan sekolah kurang murid untuk jangka panjangnya, sememangnya ada usaha Kementerian Pendidikan untuk menggabungkan sekolah-sekolah kurang murid. Walau bagaimanapun, kita berdasarkan kepada jarak juga dan kemudahan tempat di mana sekolah hendak dijadikan sebagai *centre* kepada gabungan daripada beberapa buah sekolah.

Jadi sekiranya perancangannya melihat kepada pusat penggabungan itu mempunyai akses, kemudahan asas yang cukup termasuk asrama, barulah kita cadangkan kepada ibu bapa ataupun PIBG sekolah untuk membuat penggabungan itu dilaksanakan. Sekiranya tidak cukup itu, PIBG pun memang tidak mahu kerana tidak cukup itu. Maka pada waktu itu, kita belum membuat penggabungan itu. Kalau *centre* itu betul-betul memenuhi keperluan asas yang ada, boleh kita bergabung dengan gabungan itu.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Isu utama dalam hal penggabungan sekolah SKM ini, telah disebabkan kebanyakan sekolah-sekolah di luar bandar ini adalah mempunyai kekurangan infrastruktur asas. Contoh padang bola pun tidak ada, dewan-dewan pun tidak ada dan bilik asrama dan guru, rumah asrama adalah sangat daif. Jadi kita sudah pun membuat mesyuarat di peringkat daerah ataupun Parlimen untuk bersetuju dengan hasrat kerajaan mula-mula dahulu untuk kalau di Kanowit, untuk membuat lebih kurang empat buah sekolah yang besar dan moden dan digabungkan tiga atau empat buah sekolah yang daif ini.

Sekolah SKM ini untuk dijadikan satu sekolah yang moden dengan kelengkapan yang mencukupi dengan bilik darjahnya, dengan *internet connectivity*, padang bola dan sebagainya supaya menjadi sekolah yang moden dan sesuai untuk bersekolah. Jadi sekarang ini, macam mana dasarnya sebab kita difahamkan mungkin RM1 bilion akan digunakan untuk menaik taraf sekolah-sekolah di Sarawak ini. Kebelakangan ini saya dengar mungkin gabungan ini mungkin tidak jadi. Jadi kalau begitu, adakah kerajaan lebih pesat menaik taraf ataupun membina baru sekolah-sekolah yang sedia ada? Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Menjadi satu keutamaan kepada kementerian Yang Berhormat, untuk menggabungkan sekolah-sekolah kurang murid. Ini kerana kalau hendak mengambil kira keseluruhan macam di Sarawak ini, lebih daripada 400 buah sekolah sebenarnya sekolah SKM. Ada murid yang serendah 10 orang satu sekolah dan paling tinggi adalah 150 orang satu sekolah. Jadi, memang kita hendak tengok persediaan. Cumanya, kita hendak dapatkan— memang saya difahamkan di Sarawak terutamanya di peringkat Parlimen ada yang telah buat mesyuarat dengan PIBG dan juga sekolah.

Jadi maknanya PIBG telah diyakinkan bahawa kalau kamu pindah pun tidak ada masalah sebab kita buat yang terbaik. Cuma perkara itu kita tengah bincang di antara Kementerian Pendidikan dengan kerajaan negeri tempat di mana hendak dimulakan. Saya telah mendapat surat awal daripada Kerajaan Negeri Sarawak tentang cadangan awal untuk penggabungan, dikatakan sebagai permulaan kepada petunjuk penggabungan ini. Jadi kalau itulah, memang kita alu-alukan Yang Berhormat sebab dalam itu boleh pakai. Bukan sahaja untuk sekolah daif, tetapi peruntukan wang itu untuk tujuan penggabungan ini. Terima kasih.

Untuk Yang Berhormat Batu Sapi, tidak ada di sini. Seterusnya saya pergi kepada berkaitan dengan murid dan prasekolah.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Lembah Pantai dan Yang Berhormat Libaran. Ini bercakap mengenai dengan perkara yang berkaitan dengan pelajar.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Yang Berhormat Menteri, sebelum ke pelajar, boleh pembangunan?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Boleh.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Saya minta penjelasan sikit Tuan Yang di-Pertua. Saya ada mempersoalkan Sekolah Rendah Kebangsaan Pelangi, Semenyih. Bila hendak dimulakan pembangunannya sebab sudah lulus semua? Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Saya tunggu jawapan daripada pegawai Yang Berhormat. Dalam ini saya tidak ada. Sekolah Rendah Kebangsaan Pelangi, Semenyih itu tidak ada. Nanti kalau mereka bagi, saya akan jawab nanti.

Kemudian mengenai dengan pelajar sekolah ini, Yang Berhormat Kuala Selangor ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor tidak ada Yang Berhormat.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat Kuala Selangor tidak ada. Yang Berhormat Lembah Pantai?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai tidak ada.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak apalah. Jawablah. Jawablah, kami mahu dengar. Jawab, jawab.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Banyak. Tidak payah jawablah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat Rantau Panjang ada di sini. Yang Berhormat Rantau Panjang, saya hendak jelaskan mengenai dengan salah laku pelajar yang Yang Berhormat Rantau Panjang tanya. Keseluruhannya, ada beberapa salah laku:

JENIS SALAH LAKU PELAJAR	PERATUS (%)
Jenayah	0.14
Kelucahan	0.05
Laku musnah	0.04
Ponteng sekolah	1.4

Buli	0.06
Kurang sopan	0.29
Kenakalan	0.12
Tidak pentingkan masa	0.28

■1440

Ini yang peratus-peratus yang telah ditunjukkan ataupun jumlah yang ditunjukkan perkara-perkara yang ada kaitan dengan salah laku pelajar sepanjang tahun 2017 Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Angka-angka yang ditunjukkan ini merupakan satu fenomena yang membimbangkan kita terutama ibu bapa. Kalau kita melihat di sini di antara kes yang paling banyak adalah melibatkan ponteng sekolah 1.4 peratus di samping isu-isu buli, kurang sopan, kenakalan, jenayah, kelucahan dan sebagainya.

Jadi apakah mekanisme ataupun pelan tindakan yang akan dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan dari sudut jangka panjang supaya isu-isu ini dapat dibanteras sepenuhnya di peringkat sekolah. Apakah mungkin kajian balik terhadap sukatan pelajaran? Mungkin perlu diimbangi balik, mungkin sukatan-sukatan yang boleh membentuk disiplin diri pelajar itu lebih diutamakan.

Begitu juga tentang disiplin pengamalan agama itu sendiri terutama bagi pelajar Islam. Sejauh mana kementerian memantau dari segi kepatuhan syariat? Contoh mengerjakan solat, kepatuhan-kepatuhan yang boleh menjaga integriti pelajar itu sendiri. Minta penjelasan.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Soalan sama boleh tak? Dalam perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Indera Mahkota Yang Berhormat.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Ya dalam perkara yang sama, boleh?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ya.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lebih berasa *concern* dari segi apa

Yang Berhormat Menteri jawab tadi dari segi buli ini, walaupun angkanya dikatakan kecil 0.06 peratus. Kalau ada kita ada berapa juta pelajar, lebih kurang 5 juta tidak?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Kita ada lebih kurang 5 juta pelajar.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Kalau ada 5 juta pelajar bermakna satu angka yang cukup besar 300,000 kes ataupun...

Dato' Seri Mahdzir Khalid: 2,700 kes.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: 2,700 ya?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: 0.06 peratus.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Ya, kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua kita tengok melalui *Youtube*, tahap buli ini saya kira, saya tidak dapat hendak *imagine*, tidak dapat hendak bayangkan betapa macam tidak berperilaku kemanusiaannya tindakan anak-anak kita sesama mereka dan kadang-kadang termasuk juga pelajar-pelajar perempuan.

Jadi saya kira ini adalah satu perkara yang amat serius Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu apakah langkah kerajaan untuk benar-benar menghindarkan perkara ini daripada berlaku?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Baik. Terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang tadi tambahan berkaitan dengan masalah. Kita sebenarnya salah satu perkara yang kita sedar bahawa kita hendak kena buat juga apa yang dipanggil pentaksiran berasaskan sekolah ataupun *school-based assessment* yang bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi dalam perkara-perkara lain yang boleh ditaksirkan di sekolah. Ini kita mulakan di sekolah kebangsaan, kemudian di sekolah menengah rendah. Maknanya Tingkatan 1 sampai Tingkatan 3 dan kemudian kita akan memperluas ke sekolah menengah atas, Tingkatan 4 dan 5.

Jadi *school-based assessment* ini maknanya ada rekod yang akan diserahkan masa Darjah 6 iaitu sahsiah diri dan personaliti ada dalam itu, psikometrik, kecenderungan budak, ko-kurikulum dia dan sukan. Selain daripada akademik BM, Sejarah, semualah subjek.

Oleh sebab Yang Berhormat kita hendak tengok bagaimana penilaian dibuat terhadap tiap-tiap murid yang ada di sekolah. Oleh sebab setiap guru yang ada di sekolah, dia tahu bahawa anak murid ini berada pada tahap mana. Paling penting juga yang keduanya bagaimana sekolah, kita minta supaya sekolah ini, pengurusan sekolah berbaik ataupun mempunyai kolaboratif yang kuat dengan sarana ibu bapa.

Maknanya dengan PIBG. PIBG ada sesetengah sekolah sekarang ini sudah sampai *stage* ibu bapa datang ke sekolah dalam kelas itu buat perbincangan tentang kedudukan anak mereka. Makna *school-based assessment*. Keduanya sarana ibu bapa makna *parent* datang ke sekolah dan yang ketiga Yang Berhormat Rantau Panjang

sebut tadi bagaimana hendak tengok agama, dari segi keagamaanlah, sebab kecenderungan murid ini.

Makna kena ada juga kekuatan di sekolah itu dari segi guru yang mengajar khususnya yang dalam bidang agama ini. Dia hendak kena ambil juga sedikit sebanyak membantu penyelesaian keperibadian itu berteraskan juga kepada agama.

Jadi kalau unsur ini dimasukkan, unsur sarana ibu bapa dimasukkan, saya yakin bahawa ada kawalan sedikit sebanyak terhadap anak murid di sekolah. Selain daripada tumpuan yang berterusan oleh para guru di sekolah untuk membolehkan perkara-perkara yang ada salah laku termasuklah Yang Berhormat sebut tadi mengenai dengan buli.

Oleh sebab satu daripada elemen yang kita sangat dukacita adalah ada sesetengah tempat ini yang kita kenal pasti sebagai sekolah *hotspot*, sekolah-sekolah *hotspot* ini sekolah-sekolah yang mempunyai potensi untuk salah laku disiplin yang tinggi. Dalam negara kita ini adalah beberapa tempat yang kita panggil sebagai sekolah-sekolah yang ada potensilah untuk hendak berlaku. Ini pun ada kawalan.

Akhir sekali kita mempunyai kerjasama yang baik dengan pihak Polis Diraja Malaysia dalam konteks sebagai pemantau, sebagai moderator. Bukan maknanya polis ada itu pergi tangkap budak, tidak. Akan tetapi PIBG, polis dan pengurusan sekolah boleh duduk untuk berbincang apa benda yang patut diambil di sekolah itu. Itu sahaja.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Menteri, boleh sekali lagi saya ada benda yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat Menteri?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Boleh sedikit lagi?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Banyak lagi jawapan ini, banyak lagi.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Okey, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh sentuh sedikit berkaitan dengan gejala ponteng itu yang sangat membimbangkan kita terutama melibatkan, ada yang disalahgunakan oleh pihak pengedar dadah dan sebagainya.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Betul, yang gejala ponteng ini satu daripada kalau tengok di sini 1.4 peratus ini kalau dari segi jumlah pelajar maknanya lebih kurang dalam 60,000 jugalah di seluruh negara, ponteng. Ponteng ini ada faktor-faktor tarikan di luar sana yang menyebabkan budak tidak berapa berminat untuk datang ke sekolah. Ini pun menjadi salah satu daripada pemantauan yang sekarang ini ada kerjasama di antara pihak guru dan juga ibu bapa untuk menentukan bahawa anak-anak ini dapat terkeluar daripada proses yang berlaku, ponteng itu di sekolah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar bangun.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Boleh?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ada lagi?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Isu. Yang Berhormat, saya ingin bagi pandangan saya berkenaan dengan *hotspots school* tadi dan *School-Based Assessment* tadi. Saya rasa kita kena panjangkan juga kepada *area-based assessment*. Sebab kalau *hotspots school* ini semua mungkin ada dua tiga sekolah di satu kawasan. So, kalau *area based* atau *zoning-based assessment* kita akan menyelesaikan dua isu. Satu adalah *social issue* di kawasan itu dan satu lagi yang mendatangkan masalah-masalah ini adalah *poverty level*, kadar kemiskinan.

Kalau kita pergi ke *zoning assessment* ataupun *surrounding* atau *area assessment*, itu kita boleh secara holistik kita boleh kenal pasti *social illness*, kita boleh kenal pasti kadar kemiskinan dan itu boleh membantu kita menyelesaikan masalah ini Yang Berhormat. Itu pandangan saya. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Okey, saya ambil perhatian Yang Berhormat. Satu pandangan yang boleh diketengahkan di kementerian.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Menteri sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih...

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat Bukit Gantang ada lagi?

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Ya Bukit Gantang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan masalah buli ataupun kes disiplin pada hari ini. Jadi saya pun bersetuju juga apabila adanya kementerian untuk membuat tentang penilaian sekolah berdasarkan kepada sekolah ini.

Cumanya kementerian kena kaji balik terutama dari segi aspek bebanan guru hari ini sehinggakan dia tidak mampu untuk hendak *bercommunicate*. Dia *just* hendak habiskan *syllabus* sahaja. Jadi akhirnya kita tengok mungkin pelajar kita ini cemerlang dari segi akademik tetapi malangnya dia kadang-kadang bukan setakat dengan pelajar, dengan guru pun dia tidak hormat.

Saya rasa nilai ini nilai yang kita rasa cukup berharga sudah hilang. Kita pernah jadi pelajar, Yang Berhormat Menteri sendiri pernah jadi cikgu, guru. Kita tahu kita tengok suasana zaman kita dahulu kita lihat bagaimana akrabnya antara guru dengan murid ini kerana kebanyakan pelajar yang ada masalah ini ialah mereka ini kadang-kadang hilang kasih sayang, perlu dibelai, perlu dilihat.

Jadi oleh sebab itu soal beban tugas ini perlu difikirkan juga oleh kementerian supaya janganlah soal kita kata P&P sahaja kita mengambil berat malahan luar daripada situ juga perlu diambil kira supaya membolehkan guru-guru ini agak rapat dengan pelajar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1450

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih, pandangan Yang Berhormat Bukit Gantang juga kita ambil perhatian berkaitan dengan beban tugas guru. Sebenarnya, perkataan beban tugas guru ini Yang Berhormat Bukit Gantang, beban tugas guru ini dia satu perkataan yang kita boleh letakkan di situ, antara tugas hakiki guru dan juga tugas-tugas lain guru. Sebenarnya tugas hakiki guru dah ada dalam— bila dia hendak datang menjadi guru di sekolah itu dia dah ada dah sebenarnya tugas hakiki dia. Inilah tugas hakiki dia. Bila datang sekarang ini sebab zaman berubah dan bila *bandwidth* datang ke sekolah, *connectivity* internet, maka ada tanggungjawab lain yang berkaitan dengan itu yang diambil oleh guru. Itu yang hari ini di sebut sebagai beban tugas.

Apa pun kita ambil perhatian lah Yang Berhormat sebut berkaitan dengan perkara ini yang membolehkan akhirnya nanti untuk melihat secara holistik *school-based assessment* ataupun penilaian pelajar-pelajar di sekolah. Saya pergi kepada yang seterusnya iaitu yang berkaitan dengan pelajar miskin. Ini Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Kapar ada?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Kapar ada ya.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ini berkaitan dengan pelajar-pelajar miskin yang pergi ke sekolah. Saya hendak maklumkan di sini bahawa antara perkara yang melibatkan pelajar miskin ini ada dua. Yang pertama, adalah yang kita sebut sebagai Rancangan Makanan Tambahan (RMT) yang kita bagi untuk tahun 2018 ini. Misalnya, bantuan prasekolah, RMT yang kita bagi lebih kurang RM250 juta untuk RMT ini. Lebih daripada 400,000 orang pelajar yang terlibat dan itu bagi anak-anak di sekolah kebangsaan.

Selain daripada itu, kita juga mempunyai perluasan bagi prasekolah. Prasekolah di sekolah-sekolah kebangsaan termasuklah prasekolah di SRJK(T) yang pada tahun 2017 telah diluluskan 50 kelas prasekolah, 33 SRJK(T). Pada masa yang sama, keseluruhan prasekolah dalam RP3 kita luluskan lebih kurang 207 projek pembangunan prasekolah di seluruh negara. Kalau tengok di dalam negeri Selangor misalnya, projek pembangunan prasekolah telah diluluskan dalam RMKe-11 melibatkan peruntukan sebanyak RM7.44 juta. Ini yang melibatkan pelajar miskin.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Penjelasan Yang Berhormat adalah lebih kepada makanan dan bantuan lain. Khususnya masyarakat India yang saya

ingin bawa ke hadapan untuk perhatian Yang Berhormat di Kapar khususnya sebab saya terlibat. Contoh yang saya boleh ambil pun daripada Parlimen Kapar.

Kita ada dua isu yang perlu diselaraskan. Pertama adalah ketika buka waktu persekolahan. Kita dapati kanak-kanak menghadapi masalah membeli baju, kasut ataupun beg sekolah. Ini salah satu masalah khususnya kepada masyarakat India di Parlimen Kapar. Ini boleh diselaraskan dengan cikgu-cikgu di sekolah, guru besar di sekolah. Mereka boleh kenal pasti. Saya tidak suruh buat untuk semua tetapi untuk satu, dua orang pelajar ataupun bilangan pelajar yang betul-betul memerlukan bantuan khusus. Saya rasa kementerian boleh berinteraksi dengan sekolah-sekolah khususnya sekolah Tamil dan memberikan bantuan kepada mereka ini. Itu yang pertama.

Kedua adalah yuran sekolah. Walaupun ada bantuan diberikan tetapi saya mendapati beberapa kes yang dipanjangkan kepada saya, di mana pelajar diminta agar membayar juga yuran sekolah yang merupakan bayaran komputer dan sebagainya. So, yang itu pun untuk pelajar-pelajar yang betul-betul miskin. Pihak sekolah boleh kenal pasti. Mereka ini boleh diberi peruntukan atau boleh diberi pengecualian. Saya harap Yang Berhormat mengambil perhatian terhadap kategori ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat ini soalan yang baru tetapi saya jawab sedikit sahaja. Pertama, pasal kemiskinan ini, yang miskin ini kita ada Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin. Sebenarnya guru boleh senaraikan mana-mana pelajar di sekolah itu yang boleh mendapat Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin.

Keduanya, pasal apa-apa yuran di sekolah yang dikenakan oleh sekolah dengan kerjasama PIBG kita tidak namakan dia yuran, kita namakan dia sumbangan dan sumbangan ini boleh *negotiate* sebenarnya. Boleh *negotiate*. Maknanya, kalau dah miskin, dah memang tidak mampu, contoh yuran dikenakan RM50 tapi lain-lain barang yang dibeli di sekolah itu yang campur-campur sekali sampai RM200 lebih. So, yang itu sebenarnya boleh *negotiate*. Maknanya, tidak perlu. Jadi, itu maknanya boleh kita buat rundingan dengan sekolah perkara-perkara tersebut dan kita ambil perhatian Yang Berhormat tentang apa Yang Berhormat sebut.

Kita pergi seterusnya yang berkaitan dengan TVET. Yang Berhormat Sekijang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang tidak ada dalam Dewan.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat Shah Alam?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam tidak ada.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat Kuala Krai?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai tidak ada.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: So, kita pergi kepada seterusnya yang berkaitan dengan... Sebelum itu saya jawab Yang Berhormat Hulu Langat. Sekolah Kebangsaan Pelangi, Semenyih bernilai RM31.2 juta. Diluluskan dalam RMKe-11 tahun 2016 dan sekarang ini proses mendapatkan kelulusan kebenaran merancang dari majlis perbandaran, jadi PBT lah, *local authority*. So, Yang Berhormat boleh tolong di PBT untuk mendapatkan kelulusan bagi kita mulakan pembangunan. Kita hanya menunggu *local authority* sahaja untuk membolehkan SK Pelangi, Semenyih dilaksanakan.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: *Insya-Allah* saya bantu.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Yang seterusnya Yang Berhormat Kinabatangan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tiada dalam Dewan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat Ipoh Barat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tiada dalam Dewan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jawablah! Saya mahu dengar. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ini, Yang Berhormat Seputeh tidak tanya. Kalau Yang Berhormat Seputeh tanya, saya jawab. Sekolah swasta, Yang Berhormat Seremban?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seremban ada.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada, Yang Berhormat Seremban ada.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat Seremban bertanya mengenai dengan tadika swasta. Kita di Kementerian Pendidikan Yang Berhormat, untuk tadika kita ada tadika swasta, tadika di bawah Kementerian Pendidikan. Ketiga, tadika di bawah KEMAS, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Keempat, tadika di bawah Jabatan Perpaduan. Jadi, ada tiga agensi kerajaan yang ada tadika dan yang keempatnya adalah tadika swasta.

Jadi, untuk tadika swasta ini, syaratnya adalah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan atau mana-mana agensi yang berkaitan. Kadar yuran dan bayaran yang diluluskan oleh KPM tertakluk kepada beberapa aspek seperti lokasi, premis dan kemudahan yang disediakan. Kadar yuran yang dicadangkan oleh pengusaha adalah

tertakluk kepada pertimbangan oleh KPM sebelum ia diluluskan. Itu jawapan daripada KPM lah Yang Berhormat mengenai dengan tadika swasta. Jadi, di kawasan bandar, di pinggir bandar dan di luar bandar sudah tentu dia punya harganya berbeza. Seterusnya...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Lembah Pantai sini. Yang Berhormat Lembah Pantai sudah lama menunggu.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Kalau tidak sempat, kalau kurang-kurang boleh bagi saya secara bertulis pun tidak mengapa.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Apa tu?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Jawapan yang saya bangkitkan dalam perbahasan.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Saya bagi bertulislah, bertulis.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ada masa!

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Ya, kalau boleh. Baik, ada masa Yang Berhormat Seputeh sebut. Kalau boleh sedikit pun Yang Berhormat, saya hormai.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat Seputeh jangan kacau lah, ini orang punya urusan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai jangan terpengaruh dengan Yang Berhormat Seputeh.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ya, ya. Saya kadang-kadang saya terpengaruh juga dengan dia itu tetapi ini hari saya tidak terpengaruhlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri, ini sidang terakhir lah, Lembah Pantai di sebelah kawasan Seputeh. Tadi saya tahu Yang Berhormat Menteri ada jawapan. Tolong jawab lah. *Thank you.*

■1500

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ini STEM. STEM Hulu Langat. STEM dengan Pendidikan Islam. Bagi tahun 2018, antara inisiatif yang diambil oleh Kementerian Pendidikan ialah memperkukuhkan STEM termasuklah membangunkan bahan sumber STEM bagi mata pelajaran bukan STEM. Bahan sumber ini menyediakan contoh bagaimana elemen STEM boleh diintegrasikan dalam Pendidikan Islam.

Ini termasuklah apa yang kita sebut Yang Berhormat Hulu Langat sebagai contohnya di sekolah-sekolah menengah agama yang kita telah lengkapkan 14 buah sekolah yang pelajar-pelajar Sains tetapi dia juga adalah pelajar dalam bidang agama tahfiz. Jadi dia boleh menjadi seorang huffaz. Boleh menjadi seorang hafiz. Akan tetapi dalam masa yang sama dia boleh menjadi seorang profesional. Dia boleh jadi doktor,

lawyer, engineer dan sebagainya. Jadi pemikiran yang kita hendak adalah pemikiran yang boleh di*integrate* di antara proses pembelajaran agama Islam itu sendiri dengan ilmu yang ada di luar sana.

Saya tengok di kalangan orang Melayu khususnya masyarakat Islam memang ramai yang berminat untuk menghantar anak dalam bidang yang seumpama itu. Jadi dia ada dua-dua sekali di situ. Cuma saya tengok berat sedikit lah anak-anak kita ini. Oleh sebab dia kena belajar subjek Sains itu penuh dengan kimia, biologi, fizik, matematik tambahan, matematik dan pada masa yang sama dia juga proses dalam bidang pendidikan Islam yang ada kaitan dengan hafiz itu dia buat. Dan bila saya melawat itu kita tengok bahawa dia lebih *challenge* lah daripada orang lain. Akan tetapi apabila keputusan SPM keluar, *result* keluar kita tengok budak-budak ini memang antara yang cemerlang dalam keputusan peperiksaan.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Menteri, sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan saya berkaitan dengan subjek Sains. Hari ini ada rungutan. Bukan saja rungutan daripada ibu bapa. Malahan daripada guru-guru sekolah kerana subjek Sains Tingkatan 1, Tingkatan 2 itu kadangkala subjek yang dulunya diajar untuk Tingkatan 5. Hatta ada subjek itu yang diajar di peringkat matrikulasi. Seperti ada subjek elektrokimia yang didedahkan kepada pelajar-pelajar di peringkat menengah rendah lagi kerana sehinggakan guru-guru sendiri pun ada yang menjadi tekanan kepada mereka untuk memahamkan anak murid mereka dan juga kepada pelajar-pelajar sendiri. Terutama kita bimbang nanti akan berlaku *gap*. Ada yang boleh dapat mencapai tinggi, ada yang tidak mencapai dan ini akan mengurangkan peratus dari segi pelajar-pelajar untuk mengambil aliran sains. Saya minta komen kerana ini rungutan banyak sampai kepada saya. Terima kasih.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah di sini?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tajuk yang sama kah?

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya sama.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Kalau tajuk baru saya tidak mahu.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tidak. Tajuk yang sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang. Saya mendapati bahawa subjek Sains terutamanya sangat sarat dengan *content*. Saya bimbang bila kita terlampau *content-oriented* yang sepatutnya pembelajaran itu lebih kepada bagaimana

hendak mencari maklumat. Bagaimana hendak membuat keputusan dan sebagainya sebab fakta ini semua ada di dalam buku dan ada di dalam komputer.

Misalnya kalau misalnya penuntut itu banyak disuruh hafal, dia hafal buta. Dia mungkin tidak faham. Mungkin saya minta Yang Berhormat Menteri— saya sangat fasal dulu jadi pensyarah dan saya dapati ini semakin mendalam. Apa yang kita belajar kadang-kadang pramedik sudah diajar di dalam Tingkatan 2, Tingkatan 3. Jadi saya ingat terlampau sarat dengan kandungan. *We defeat the purpose of learning. Thank you.* Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gantang dan juga Yang Berhormat Kota Raja. Kedua-duanya bercakap mengenai dengan satu kebimbangan berkaitan dengan subjek Sains. Sebenarnya dalam proses untuk mengubah sedikit sebanyak pemikiran anak-anak di sekolah ini daripada *exam-oriented*, yang terasnya adalah *exam-oriented*. Kita ubah sedikit.

Kita bermula daripada sekolah rendah. Contoh lah, kalau dulu ada lima puluh soalan objektif kepada tiap-tiap mata pelajaran. Sekarang ini dalam format baru di *primary school* ini kita ubah kepada hanya tinggal 50 peratus dan 50 peratus lagi dalam bentuk subjektif. Maknanya budak kena menjawab. Tujuan itulah. Tujuan untuk menjawab itu dia kena ada kreativiti dan inovasi yang kita kena beri kepada budak sebab di dalam itu ada satu lagi elemen yang disebut sebagai *higher order thinking skill*. Ini kemahiran berfikir aras tinggi. Ini lah yang kemudiannya kalau Yang Berhormat tengok pada tahun 2016. UPSR kita jatuh sedikit *percentage* dia sebab bila *higher order thinking skill* masuk. Pemikiran berfikir aras tinggi dan anak-anak tidak boleh jawab berfikir. Akan tetapi tahun 2017 saya tengok ada peningkatan dan ada sudah elemen kemahiran berfikir aras tinggi di kalangan anak-anak kita. *Cross the board* untuk semua kaum.

Bila kita masuk tahun yang ketiga ini, nampak ramai anak-anak yang boleh sudah cepat berfikir dan boleh menjawab dengan cepat apa yang guru— sebab kaedah mengajar pun sudah tidak ada daripada teater sistem itu. Duduk depan kemudian anak tunggu guru bercakap. Sekarang sudah ada *group discussion*. Bincang kemudian ada *presentation* daripada murid kepada guru dan selepas itu membawa kepada elemen berfikir itu. Jadi ini daripada sekolah rendah ini kita hendak bawa mereka ke sekolah menengah.

Tentang *content* Yang Berhormat sebut mengenai subjek itu. Saya pun tidak lah mahir tentang *content* itu. Biarlah saya tengok dan saya tengok balik. Saya jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat tentang *content* itu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, tambah sedikit? Kapar.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ada lagi Yang Berhormat Kapar?

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya. *High order thinking skill*. Boleh? Terima kasih Yang Berhormat. Berbicara tentang *high order thinking skill* dengan mata pelajaran Sains untuk peringkat sekolah rendah. Saya ingin memberi cadangan bahawa ia perlu dilakukan dan diselaraskan dengan *practicality*. Pelajar kena duduk dan buat praktikal. Bukan sekadar belajar secara teori.

Kita mendapati ada beberapa sekolah tidak ada peralatan yang lengkap untuk mata pelajaran Sains untuk mereka membuat eksperimen dan sebagainya. Di luar bandar dan di kawasan bandar ada perbezaan yang ketara. Saya faham Yang Berhormat Menteri telah mengatakan tidak faham sangat tentang *content* subjek tersebut. Akan tetapi daripada sudut untuk mempelajari sains untuk seseorang pelajar untuk memahami dan menulis jawapan walaupun subjektif dan sebagainya, dia kena menghalusi atau dia kena faham secara *practicality*.

Jadi saya rasa bahagian ini pun kerajaan perlu kenal pasti. Sekolah-sekolah perlu ada kelengkapan-kelengkapan apparatus dan sebagainya untuk membuat kajian supaya pelajar boleh meneliti subjek bukan sahaja menghafal jawapan. *Because* apa beza objektif dan soalan subjektif. *At the end of the day* objektif pun dihafal. Subjektif pun dihafal. Akan tetapi dia tidak memahami. So, pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan perkara itu satu diskusi yang panjang sebenarnya kalau kita hendak bercakap mengenai dengan *high order thinking skill* ini dan juga proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah dan *especially* dalam bilik darjah yang melibatkan subjek. Akan tetapi biarlah saya katakan bahawa apa pun yang kita cuba buat pada waktu ini adalah kita mengambil pandangan dari semua pihak yang berkaitan. *Stakeholder*, profesional, *academician* yang boleh membantu dengan niat untuk melihat bahawa anak bangsa dalam negara kita ini mendapat pendidikan yang terbaik, Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kota Tinggi, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1510

Saya hendak menyentuh satu aspek yang amat penting iaitu tentang warga pendidik. Saya rasa warga pendidik ini golongan yang selalu ditegur tetapi jarang dipuji

tetapi mereka sanggup berkorban tak kira masa. Saya hendak tanya Menteri, di samping 400,000 lebih warga pendidik yang ada sekarang dan yang mereka yang telah bersara, apakah satu kerangka untuk kementerian membela kebajikan mereka? Saya tahu ada Yayasan Guru Malaysia Berhad tetapi saya tengok yayasan ini macam ada tidak ada saja, Yang Berhormat Menteri— minta maaf. Koperasi-koperasi yang ada pun macam tidak dapat berfungsi dengan baik.

Jadi adakah kementerian bercadang untuk mengadakan satu kerangka seumpama tabung atau lembaga yang mengambil kira kebajikan guru-guru sama ada yang sedang mengajar dan yang telah pun berkorban, berkhidmat tenaga selama berpuluh-puluh tahun? Saya mohon Menteri memberi perhatian kepada guru-guru yang begitu banyak berkorban. Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada guru-guru yang telah banyak membantu membina negara kita, Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Satu cadangan yang sangat baik dari Yang Berhormat untuk melihat bagaimana kementerian dan apa juga agensi ataupun badan yang boleh membantu guru. Saya tak dapat menjawab perkara itu dalam masa sesingkat ini tetapi boleh saya bersetuju untuk membawa balik cadangan itu kepada kementerian untuk kami bincang di peringkat kementerian iaitu apakah sewajarnya ada sebuah organisasi lain atau badan yang berkaitan bagi membantu guru ataupun pesara guru. Boleh, Yang Berhormat, saya bawa balik dulu ke kementerian? Yang sesuaiilah boleh dibawa itu.

Okey, seterusnya ini perkara-perkara yang ada kaitan dengan— ini perkara-perkara lainlah yang ada kaitan di sini iaitu teknologi maklumat dan komunikasi. Ini Yang Berhormat Hulu Rajang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Rajang tiada dalam Dewan.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: PIBG, Yang Berhormat Kuala Selangor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tiada dalam Dewan, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat Sekijang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang ada.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ini berkaitan dengan asrama penuh. Sukalah saya sebut di sini bahawa sekolah berasrama penuh ini adalah terbuka untuk murid-murid luar bandar dan murid-murid yang keluarga isi rumah di bawah B40. Sememangnya kita mengambil pelajar-pelajar yang miskin daripada luar bandar ini ataupun miskin di bandar ini untuk masuk ke asrama penuh. *Percentage* itu, peratus itu tidak ada pada saya sekarang ini tetapi boleh saya katakan bahawa itulah prioriti dan keutamaan kita bagi

pelajar-pelajar cemerlang yang keluarga isi rumah B40. Jadi kalau dalam artikel yang dikeluarkan hari ini oleh Tun Dr. Mahathir menyebut bahawa sekolah berasrama penuh ini menyimpang daripada hasratnya, saya sukalah menyebut bahawa masih lagi sekolah berasrama penuh berada pada tahap memilih pelajar-pelajar yang keluarga isi rumah B40 didahulukan dengan syarat kelulusan mereka boleh mereka berada di sekolah asrama penuh.

Yang Berhormat Kuala Pilah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Pilah tidak ada.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat Sibuti sudah. Yang Berhormat Sabak Bernam? Yang Berhormat Sabak Bernam mengenai dengan penurunan kuasa dan tanggungjawab PPD. Sukalah saya menyebut kepada Yang Berhormat Sabak Bernam bahawa sememangnya sudah ada penstrukturan semula Jabatan Pendidikan dan Pejabat Pendidikan Daerah. Cumanya, kita— JPA dah bagi pada kementerian macam mana hendak struktur semula Jabatan Pendidikan Negeri dan juga PPD. Cuma kita ada sedikit pengubahsuaian, kita minta balik kepada JPA untuk diubahsuaikan sedikit sebelum kita mengumumkan. Sebab, kita nak supaya apa yang kita selaraskan di peringkat kementerian itu ada berlaku di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri dan PPD. Jadi yang awal itu kita sedang bermesyuarat lagilah dengan JPA, jadi belum ada muktamad lagi, Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai bangun.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat, memandangkan begitu ramai Ahli Yang Berhormat tidak hadir, saya pohon Yang Berhormat jawab sajalah soalan saya hari ini. Saya pohonlah ya kalau boleh kerana saya menunggu, saya memang mahu mendengar dan isu pendidikan ini sangat dekat dengan kita semua. Terima kasih Yang Berhormat atas pertimbangan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas bangun, Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dapat penjelasan dengan kuasa PPD?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Saya dah sampai habis dah ini, dah habis.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tadi berkenaan dengan PPD.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ya, PPD.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Memang pihak kerajaan mengatakan kita jangan politikkan pendidikan tetapi saya dapati di kawasan Manjung, apabila pihak guru

membawa murid-murid menerima *dictionary*, kamus daripada saya sebagai wakil rakyat dalam satu anjuran sebuah NGO, mereka pun ditegur tidak boleh datang mengambil kamus untuk murid-murid. Begitu juga dengan sekolah-sekolah di mana Yang Berhormat Taiping, saya, kita murid tua sekolah, mereka menjemput kita balik ke sekolah pun tidak boleh. Jadi seakan-akan kita murid tua pun tidak boleh balik ke sekolah. Bolehkah dapat penjelasan kenapa PPD Manjung begitu ketat sekali dalam isu ini?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Saya ingat bukan PPD Manjung saja, Yang Berhormat, semua PPD macam itulah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jadi ini satu pengakuan bahawa pihak kerajaan mempolitikkan pendidikan. Itu tidak patut. Kita tidak bawa politik ke sekolah. Kita hanya murid tua nak balik sekolah bagi sumbangan, bagi galakan kepada murid-murid. Jadi adakah ini satu pengakuan Menteri bahawa memang di bawah Kerajaan Barisan Nasional, pihak kerajaan mempolitikkan pendidikan?

Seorang Ahli: DAP macam mana? DAP?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Sebelum Yang Berhormat bertanya, semua bilik Dewan ini harmoni saja. Bila Yang Berhormat bangun, sudah jadi tak harmoni. Jadi Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sampai situ sahajalah ucapan saya. Yang Berhormat Lembah Pantai, saya jawab secara bertulislah. Saya jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Menteri, DLP?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: DLP?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasihlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Giliran seterusnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Sila, Yang Berhormat Menteri.

3.17 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Selamat petang dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah

memberikan pandangan dan mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian ini semasa perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong 2018 yang lalu. Sepanjang perbahasan, terdapat seramai 25 orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan sebanyak tujuh perkara yang akan saya jelaskan pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama dibawa oleh Yang Berhormat Kudat. Ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kudat tiada dalam Dewan.

Dato' Henry Sum Agong: Tiada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh tidak jawab, Yang Berhormat. Boleh jawab secara bertulis.

Dato' Henry Sum Agong: Ya, okey, jawab secara bertulis. Isu kedua yang dibawa oleh Yang Berhormat Stampin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Stampin ada dalam Dewan.

Dato' Henry Sum Agong: Tiada juga?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada dalam Dewan.

Dato' Henry Sum Agong: Ada?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Stampin di sini. Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong: Ya, mengenai pemfailan paten oleh GST Smart Solution Sdn Bhd dan MyEG Services Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua ini mengenai pemfailan paten oleh GST Smart Solution Sdn Bhd dan MyEG Services Berhad yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Stampin. GST Smart Solution telah memfailkan tindakan mahkamah terhadap MyEG Services Berhad berkenaan hak paten bagi sistem *for the automated reporting of goods and sales tax* (GST).

■1520

Kes ini telah didengar di Mahkamah Tinggi Shah Alam bermula pada April 2016 sehingga November 2016. Mahkamah telah memutuskan bahawa permohonan plaintif ditolak dan membenarkan tuntutan balas oleh pihak defendan. Pada September 2017, MyIPO difahamkan bahawa pihak plaintif telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan Malaysia di Putrajaya berkenaan keputusan Mahkamah Tinggi.

Sehubungan dengan itu, tiada maklumat lanjut dapat dikemukakan kerana kes ini masih dibicarakan dan di mahkamah rayuan bagi mengelakkan *sub judice* dan mengganggu perjalanan kes ini.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Stampin bangun.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah perkara tersebut boleh dielakkan Tuan Yang di-Pertua. Kenapa ia boleh dielakkan? Hal ini kerana GST Smart Solution ini, mereka telah pun failkan paten pada Mei 2010. Selepas mereka failkan paten, enam bulan selepas mereka failkan paten pada Disember 2010, MyEG pula memfailkan paten yang sama di mana terdapat persamaan yang begitu ketara. Jadi, GST Smart Solution ini telah pun berusaha dengan memberitahu MyIPO. Soalan saya, kenapakah pada masa itu iaitu pada tahun 2010, MyIPO tidak ambil tindakan dan tidak ada maklum balas?

Hal ini kerana saya mengambil berat perkara ini kerana ia menjejaskan imej negara kita. Oleh sebab yang demikian, tiada respons daripada MyIPO. Maka syarikat tersebut Tuan Yang di-Pertua, memfailkan paten di *Singapore* pada tahun 2011. *To cut short all the stories, at the end Singapore*, negara *Singapore* yang *granted* paten terdahulu kepada syarikat ini sebelum MyIPO walaupun mereka memfailkan paten terdahulu di Malaysia. Apabila *Singapore granted pattern* kepada syarikat tersebut, MyIPO masih lagi tidak *grant them the pattern* dan syarikat tersebut terpaksa menggunakan *Pattern Prosecution Highway (PPH)* dan ASPEC untuk mendesak MyIPO untuk memberikan, *to grant them pattern*. Akhirnya barulah MyIPO *granted the pattern* kepada syarikat tersebut. Akan tetapi, MyIPO selepas beberapa bulan juga *granted pattern* yang sama kepada MyEG.

Jadi, saya bangkitkan isu ini kerana Tuan Yang di-Pertua, isu ini membabitkan imej kita. MyIPO sepatutnya adalah sebuah perbadanan, *it is a department that supposed to protect the interest of the inventor* dan kita tahu negara kita sekarang sedang menuju ke *Industry Revolution 4.0*. Kalau pengusaha ataupun syarikat tidak mendapat keyakinan daripada negara kita ke atas melindungi hak mereka, maka ia akan menjejaskan perkembangan ekonomi kita dan hala tuju kita *towards Industry Revolution 4.0* Tuan Yang di-Pertua.

One more, pada masa *court case* ini dijalankan, MyIPO juga membenarkan MyEG menukar isi kandungan paten apabila ia sedang dibicarakan. *This cannot happen in the history of every nation, this never been done before. How can you allow someone to change the isi kandungan apabila mereka sedang berbicara?* Itu soalan saya. Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Stampin. Pada peringkat awalnya, tidak ada yang dilakukan seperti mana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Stampin. Walau bagaimanapun, perkara ini

dibawa ke mahkamah. Jadi saya menyatakan di sini tidak ingin untuk menyentuh perkara ini kerana akan mengganggu perjalanan kes. Walau bagaimanapun sekiranya diperlu, jawapan bertulis akan boleh diberi kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Mana-mana yang dalam pertimbangan mahkamah tentu sekali tidak boleh dibahas di Dewan Yang Berhormat ya.

Dato' Henry Sum Agong: Okey. Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Dato' Henry Sum Agong: Ya.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya tanya satu, minta *one request?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Stampin, mana-mana kes yang— *to your knowledge that it is in* mahkamah...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *Just one small request.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: ...*Request here.*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Boleh Yang Berhormat? *Just one small request.* Saya hanya ingin hendak tahu, kenapakah...

Dato' Henry Sum Agong: Yang Berhormat Stampin.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: ...dalam perbincangan, kenapakah MyIPO benarkan MyEG menukarkan isi kandungan? Itu sahaja yang saya hendak tahu. Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong: Ya, perkara ini seperti yang saya katakan tadi sedang dibicarakan di mahkamah dan kita menunggu keputusan mahkamah sahajalah.

Seterusnya, isu yang ketiga yang dibawa oleh Yang Berhormat Kanowit, ada?

Seorang Ahli: Ada.

Dato' Henry Sum Agong: Ya, mengenai program penyeragaman harga di Kanowit. Tuan Yang di-Pertua, isu ini yang dibawa oleh Yang Berhormat Kanowit. Kementerian telah membuat naziran ke kawasan-kawasan pengedaran di Sungai Ngemah, Nanga Jagau, Kanowit pada 17 Mac 2018 melalui temu ramah dengan penduduk kampung. Majoriti penduduk kampung sedar mengenai kewujudan program ini di kampung mereka sejak tahun 2010. Dalam melaksanakan program ini, *transporter* yang dilantik memainkan peranan untuk memberitahu *point of sales* ke pusat jualan pos yang terlibat supaya menjual barang perlu pada harga kawalan yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, tidak sepatutnya barangan tersebut dijual pada harga yang berbeza.

Namun begitu, kadangkala permintaan penduduk lebih tinggi daripada biasa menyebabkan pengusaha *point of sales* terpaksa membeli sendiri bekalan di pekan Kanowit. Bekalan ini seterusnya dijual semula kepada penduduk pada harga berbeza dari harga kawalan. Selain daripada itu, terdapat juga penduduk yang membeli barangan secara berhutang dan *point of sales* terpaksa meletakkan harga berbeza.

Untuk makluman Yang Berhormat Kanowit, atas permintaan penduduk minyak petrol telah dicampurkan dengan minyak pelincir 2T terlebih dahulu dan dijual pada harga RM15 satu gelen ataupun 4.5 liter. Penduduk yang ditemu bual semasa lawatan tersebut, rata-rata berharap agar program ini diteruskan pada masa-masa akan datang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian juga sedang melaksanakan kajian secara komprehensif untuk melihat keberkesanan program ini bagi membolehkan penambahbaikan dibuat. Hasil dapatan kajian berkenaan dijangka dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada tahun ini.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kanowit bangun Yang Berhormat.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Ya, baik. Isu subsidi *transport* ini adalah menjadi satu isu yang amat memberi masalah kepada kita semua. Oleh sebab kalau kita melihat angka yang telah diberi oleh kementerian dalam jawapan yang lain, difahamkan bahawa lebih kurang dalam RM170 juta diperuntukkan pada tahun 2018 ini untuk kontraktor-kontraktor yang bawa barang ke kawasan-kawasan pedalaman.

Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagi mengelakkan kerja-kerja ini tidak dapat dipantau ataupun pemantauan tidak dapat dilakukan, saya pun telah mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri dalam perbualan persendirian bahawa subsidi ini adalah tidak tersasar, ia menyeluruh. Jadi sekarang ini kita melihat di kawasan pedalaman di Sarawak sudah banyak jalan raya disiapkan dan tidak berapa banyak lagi rumah panjang yang masih di kawasan pedalaman yang tidak ada *accessibility*.

■1530

Jadi saya fikir kita ubahkan subsidi ini menggunakan lebih tersasar, lebih kepada mereka yang tinggal di hulu sungai, belum ada jalan raya, masih menggunakan perahu untuk cara pengangkutan.

Saya telah mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk kita mengikutkan, menambahkan BR1M ataupun memberi subsidi terus kepada mereka yang ada masalah ini, mengikut kawasan seperti apa yang telah dijalankan oleh Jabatan Pendidikan, dibahagikan kawasan pedalaman P1, P2, P3. Jadi kalau P3 itu di kawasan pedalaman yang memang tidak ada *accessibility*, kita bagilah *direct subsidy* kepada mereka, mungkin dalam RM500, RM700 dalam setahun.

Saya ada membuat pengiraan. Saya melihat dalam sesebuah kawasan Parlimen di Sarawak, kita ada mungkin kurang lebih 25 kawasan Parlimen yang boleh dikatakan kawasan pedalaman. Dalam satu Parlimen ini, kita mungkin boleh berbelanja dalam RM1 juta untuk subsidi *direct* kepada mereka ini. Dengan itu, kita dapat mengurangkan banyak lagi duit yang kita belanjakan dalam RM170 juta setahun. Kita boleh kurangkan kepada mungkin RM70 juta untuk Sarawak. Macam mana Yang Berhormat Menteri cadangan saya ini, boleh diteruskan? Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong: Terima kasih Yang Berhormat Kanowit di atas cadangan tadi. Seperti mana yang saya katakan tadi program yang sedang berjalan sekarang adalah untuk golongan tertentu ataupun yang ditetapkan. Program ini seperti mana yang saya katakan tadi akan dibuat kajian secara komprehensif untuk melihat keberkesanan di masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan duduk lagi Yang Berhormat ya.

Dato' Henry Sum Agong: Seterusnya isu keempat mengenai Kedai Rakyat 1Malaysia 2.0. Tuan Yang di-Pertua, ini oleh Yang Berhormat Kota Samarahan, ada? Baik. Isu mengenai Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M 2.0) di Sarawak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Samarahan. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, KR1M 2.0 tidak memfokuskan kepada pembangunan kedai fizikal yang khusus seperti dahulu. KR1M 2.0 telah ditransformasikan kepada model perniagaan baharu yang melibatkan kerjasama antara pihak kerajaan dengan rakan kongsi strategik KR1M 2.0. Rakan kongsi strategik KR1M 2.0 ini terdiri daripada syarikat pengilang, pengeluar, pembekal dan peruncitan yang berwibawa serta berdaya maju.

Model perniagaan yang ditransformasikan juga melibatkan operasi perniagaan kendalian pemilik ataupun *owner operator* dan penjenamaan bersama *co-branding*. Strategi pelaksanaan untuk membuka *outlet* KR1M 2.0 sedang dilakukan secara berperingkat dengan melibatkan tiga fasa iaitu fasa pertama, konsep pasar raya iaitu melalui rangkaian pasar raya Tunas Manja Group (TMG). Fasa kedua konsep *convenient* atau kedai serbaneka khususnya di kawasan bandar seperti yang dilaksanakan bersama KK Supermart. Fasa ketiga *sundry shop*, kedai runcit biasa yang berdaya maju yang dilaksanakan kemudiannya apabila pelaksanaan di fasa pertama dan kedua telah lancar.

Pada fasa ketiga ini, ia tidak akan dilakukan secara tergesa-gesa kerana melibatkan banyak faktor penting yang perlu dimantapkan terlebih dahulu seperti logistik, operasi, pengangkutan dan pusat pengedaran. KPDNKK akan berusaha memastikan setiap fasa dalam pembangunan KR1M 2.0 ini mencapai kejayaan supaya

kesan daripada pelaksanaannya dapat dirasakan oleh rakyat di seluruh negara ini termasuk di Sarawak.

Isu yang kelima oleh Yang Berhormat Bukit Katil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Katil tiada dalam Dewan.

Dato' Henry Sum Agong: Tidak ada. Jawapan bertulis. Keenam, penguatkuasaan ke atas peniaga dan pemborong. Ini isu dia yang keenam. Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai penguatkuasaan ke atas peniaga dan pemborong yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor tiada dalam Dewan.

Dato' Henry Sum Agong: Tidak ada. Yang Berhormat Limbang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Limbang ada.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Saya telah mencelah Yang Berhormat Kuala Selangor hari itu dan saya rasa bahagian itu amat penting. Saya minta jasa baik Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong: Baik, Yang Berhormat Limbang ada dan Yang Berhormat Tanah Merah. KPDNKK secara berterusan melaksanakan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dengan agresif bagi menangani isu kenaikan harga barangan yang tidak munasabah oleh pihak peniaga khususnya di pihak pemborong atau orang tengah termasuk melalui OPS Catut 3.0 yang bermula pada 15 Januari 2018 di seluruh negara. Melalui OPS Catut 3.0 ini, KPDNKK turut menggerakkan operasi penguatkuasaan pencatutan secara NBOS bersama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang mensasarkan terhadap industri pemasaran ikan yang dinamakan sebagai operasi Jaring.

Sehingga 16 Mac 2018 sebanyak 251 pemeriksaan telah dijalankan kepada pemborong dan peruncit di mana sebanyak 182 notis, seksyen 21, AKHAP 2011 telah dikeluarkan. Sejak 15 Januari 2015 sehingga 16 Mac 2018, sebanyak 1,132 pemeriksaan telah dijalankan di mana sebanyak 492 tindakan kes telah direkodkan dan dibuka kertas siasatan di bawah AKHAP 2011. Daripada jumlah tersebut, 52 kes telah disabit kesalahan dengan nilai denda keseluruhan sebanyak RM934,000 manakala 95 kes telah dikompaun dengan nilai keseluruhan RM447,500.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Limbang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, terima kasih atas jawapan. Akan tetapi kalau boleh, walaupun tidak hari ini secara bertulis, *is there any data* untuk Limbang, penangkapan di Parlimen Limbang, kesalahan-kesalahan. Walaupun tidak ada hari ini, bertulis pun boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Henry Sum Agong: Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Seperti mana yang diminta tadi, kementerian akan memberi maklumat secara bertulis. Seterusnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar bangun Yang Berhormat.

Dato' Henry Sum Agong: Ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mendengar dengan teliti jawapan tadi. Saya memerlukan adalah tangkapan-tangkapan yang dilakukan perlu diperincikan dari sudut sektor penangkapan ataupun kegiatan dan sebagainya. Apabila kita beri satu pengumuman umum sebegini, kita duduk sebelah sini tidak dapat memahami para mana yang telah dilakukan pemeriksaan, operasi dilakukan, di mana dan sebagainya. So, perlu ada perincian. Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan jumlah kes dan sebagainya, 900 lebih dan sebagainya itu. Sektor-sektor apa yang kita telah pantau, sektor-sektor apa yang kita telah periksa, operasi dilakukan untuk sektor-sektor apa dan sebagainya. Terima kasih.

■1540

Dato' Henry Sum Agong: Terima kasih Yang Berhormat. Pemeriksaan penguatkuasaan merangkumi semua aspek. Jadi, secara menyeluruh apa yang saya sebutkan tadi dan jika diperlukan jawapan, mungkin ini ada maklumat:

- (i) dua kertas siasatan di bawah seksyen 10A kerana memasukkan elemen cukai yang boleh dituntut ke dalam harga;
- (ii) 302 kertas siasatan di bawah seksyen 14(1) kerana mencatut;
- (iii) 112 kertas siasatan di bawah seksyen 25(5) kerana enggan atau gagal memberi maklum balas kepada notis yang dikeluarkan;
- (iv) dua kertas siasatan di bawah seksyen 26 kerana memberi maklumat palsu atau mengelirukan; dan
- (v) 74 kertas siasatan di bawah seksyen 53A kerana tidak menyimpan rekod perniagaan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai kos sara hidup, isu yang ketujuh. Tuan Yang di-Pertua, isu ini mengenai kos sara hidup yang dibangkitkan oleh ramai Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat

Permatang Pauh, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Limbang...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Pokok Sena ada.

Dato' Henry Sum Agong: Baik. Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Batu Sapi, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Kulai dan Yang Berhormat Sik.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya amat prihatin akan keperluan rakyat terutamanya isu kos sara hidup kerana ia merupakan salah satu agenda utama yang ingin dicapai oleh kerajaan. Seperti sedia maklum, Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi pasaran terbuka di mana kuasa pasaran atau *market forces* memainkan peranan penting dalam menentukan harga barangan di samping pengaruh faktor-faktor dalaman dan luaran yang lain seperti kadar tukaran wang asing dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, bagi barangan keperluan asas seperti gula, minyak masak, tepung gandum, beras dan gas memasak LPG, kerajaan masih mengawal harganya supaya barang-barang tersebut dapat dijual di pasaran pada harga yang ditetapkan. Jumlah subsidi yang ditampung oleh kerajaan bagi tujuan ini sudah pun melebihi RM2 bilion setahun. Kementerian juga sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan peniaga tidak mengambil keuntungan secara berlebihan dan membekalkan barangan dengan harga yang berpatutan kepada pengguna.

Pada masa yang sama, KPDNKK melaksanakan pelbagai inisiatif dan mekanisme lain bagi memberi keselesaan kepada rakyat. Antaranya ialah:

- (i) melaksanakan skim kawalan harga musim perayaan pada musim-musim perayaan utama;
- (ii) meneruskan Program Penyeragaman Harga Barang Perlu bagi membolehkan masyarakat di kawasan pedalaman memperoleh barang-barang keperluan pengguna seperti beras, gula, minyak masak, tepung gandum, gas memasak LPG pada harga yang ditetapkan oleh kerajaan;
- (iii) menambah baik pelaksanaan Kedai Rakyat 1Malaysia melalui KR1M 2.0 yang lebih terbuka dan meluas di seluruh Malaysia;

- (iv) mengehendkan kadar faedah maksimum bagi transaksi jualan kredit kepada 15 peratus setahun berbanding sebelumnya yang mencecah sehingga 40 peratus setahun;
- (v) mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bagi meningkatkan bekalan makanan melalui program-program seperti program stok bekalan makanan, program jualan ikan segar beku ataupun Q'Fish dan sebagainya;
- (vi) mewujudkan *MyFarm Outlet* dengan kerjasama MOA serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi membolehkan rakyat memperoleh barangan-barangan keperluan makanan pada harga yang berpatutan; dan
- (vii) pelbagai lagi inisiatif-inisiatif bagi meningkatkan pendapatan dan kuasa beli rakyat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Henry Sum Agong: KPDNKK juga melalui Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sentiasa memastikan persaingan yang sihat di kalangan pemain industri melalui akta dan perundangan sedia ada bagi memastikan tidak berlaku kegiatan monopoli dan kartel yang memanipulasikan harga bagi menjaga kepentingan para pengguna.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena bangun. Hendak beri?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pokok Sena, Dato'. Sedikit, Pokok Sena sedikit ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya melihat bahawa beberapa usaha yang dilakukan oleh kementerian dan termasuklah yang begitu agak *famous* sekarang ini di musim-musim ini iaitu Jualan Sentuhan Rakyat kalau tidak silap saya, dibuat di setiap kawasan Parlimen. Saya diberitahu bahawa harga barang agak murah. Saya akui harga barang murah. Beras murah, ikan sardin murah dan sebagainya.

Cuma saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, macam mana Jualan Sentuhan Rakyat ini boleh jual harga barang yang murah tetapi bila beli di pasar raya, bila beli di kedai-kedai runcit yang lain, harga barang itu tidak murah macam mana di

Jualan Sentuhan Rakyat. Adakah Jualan Sentuhan Rakyat ini jualan untuk harga barang lima tahun sekali menjelang pilihan raya? Ini yang dilihat oleh masyarakat. Daging pun murah, ikan pun murah tetapi hari lain, mahal. Adakah boleh Jualan Sentuhan Rakyat ini tiap-tiap hari dibuat di setiap kampung? Minta penjelasan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, saya sambung sedikit Yang Berhormat. Kos sara hidup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, panjang lebar dan telah menurunkan mekanisme-mekanisme kerajaan, itu sebenarnya mengakui bahawa kos sara hidup memang tinggi pada tahap ini apabila kita bandingkan dengan gaji yang kita bawa balik dan sebagainya, dengan harga barang yang sedang meningkat. Komitmen daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Kerajaan Persekutuan adalah kita memberi subsidi RM2 bilion. Akan tetapi apabila kita juga bandingkan angka sebagai contoh kutipan GST kita untuk tahunan adalah RM42 bilion tetapi yang kita pulangkan untuk menjaga kos sara hidup, mengurangkan harga barang, kawal penderitaan rakyat daripada sudut kos sara hidup ini adalah hanya RM2 bilion.

So, di sini saya rasa kerajaan pada satu dasar memahami kos sara hidup tetapi sikap atau mekanisme yang diterampilkkan untuk membantu rakyat hanya dalam lingkungan bawahan, tidak mencukupi. Saya rasa perlu lebih holistik, lebih ke hadapan untuk membantu rakyat sebab kutipan kita sudah ada RM42 bilion tetapi subsidi RM2 bilion. Ini yang kita sarankan. Ada beberapa barang-barang keperluan yang boleh disubsidi lagi, yang boleh membantu rakyat yang lebih miskin khususnya di estet, di kampung dan sebagainya. Dengan bahagian sebegitu, kita boleh membantu mengawal harga barang. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong: Ya, terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat yang membangkitkan persoalan mengenai Jualan Sentuhan Rakyat ini. Pertamanya saya ingin memaklumkan bahawa program Jualan Sentuhan Rakyat ini bukan jualan pada setiap hari. Malah ia merupakan jualan bermusim ataupun karnival.

■1550

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Lima tahun sekali?

Dato' Henry Sum Agong: Tidak. Sekarang pun dalam satu bulan ada tempat yang mengadakannya sekurang-kurangnya dua kali, tiga kali begitu dan mungkin empat kali. Bukan jualan pada setiap hari. Itu satu.

Kedua, memang ada teguran, ada isu-isu yang dibawa. Akan tetapi bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjalankan jualan di tempat mereka, contohnya Yang

Berhormat Pasir Gudang, menyokong atau bersetuju dengan Jualan Sentuhan Rakyat ini dan juga Yang Berhormat Limbang, dalam perbahasan mereka. Jadi, ini bermakna Jualan Sentuhan Rakyat ini memberikan makna dan perlu diteruskan untuk dimanfaatkan oleh rakyat...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Menteri. Menteri.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, sebelum itu, Jualan Sentuhan Rakyat ini Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Jualan Sentuhan Rakyat ini *actually* saya rasa kerajaan *contradicting with your own stand*. Di satu ruang kita katakan kita boleh jual dengan murah, di satu lagi ruang kita katakan kita tidak boleh *control* harga barang. Kalau memang betul kita ikhlas menjual barang di Jualan Sentuhan Rakyat dengan harga sebegitu murah, mengapa di tempat-tempat lain kita tidak boleh melakukan sebegitu?

Padahal di tempat-tempat lain pun orang sedang susah, orang tidak ada gaji yang mencukupi, mereka berbelanja dengan lebih besar. Mengapa kita tidak boleh melakukannya seluruh Malaysia? Mengapa perlu fokus kepada tempat-tempat tertentu? Kalau itu betul, Jualan Sentuhan Rakyat ini betul, ikhlas, bermaksud itulah adalah dasar yang boleh diperkemas dan diselaraskan seluruh Malaysia. Di seluruh ruang, di seluruh kampung, estet dan di mana-mana tempat di mana terdapat rakyat yang susah. So, sesuatu tidak kena-mengena...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat. Ringkaskan, ya cukup.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya, saya minta komitmen Kerajaan Persekutuan untuk menyeluruhkan program sebegini, bukan memilih dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi bangun di belakang Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Menteri. Saya terpanggil untuk sentuh sedikit mengenai Jualan Sentuhan Rakyat ini. Saya pergi tengok Jualan Sentuhan Rakyat tidaklah seperti mana yang digambarkan. Dia bagus sebab ada *willing buyer, willing seller*. Selepas itu saya pergi kononnya, Econsave contohnya, ada produk-produk dia yang dia mahu promo yang banyak, dia jual murah. Tidak *intervene* pun harga sudah murah sebab dia kata *direct to buyer*. Jadi saya tengok kalau ini dia punya konsep di mana kita dapat juga— Ada juga barang-barang dia sama juga macam di tempat-tempat lain juga. Sama macam di *market*, tetapi ada item-item tertentu contoh, hari itu saya ada tengok ikan bilis. Murahnya sehingga *40 percent*. Kita tidak *intervene* pun sebab apa, sebab dia dapat *gets direct to the consumers. Consumer*

datang dan KPNK saya lihat menyediakan prasarana untuk menyediakan *direct seller* kepada *direct consumer* tanpa orang tengah.

Dengan cara macam itu, saya ingat konsep untuk Jualan Sentuhan Rakyat ni, kerajaan ambil peranan untuk memudah cara orang jual terus kepada pengguna, ini amat baik. Oleh sebab kita *can cut down the middle men* dan rakyat akan dapat harga yang baik. Jadi, saya ingat konsep ini pada permulaan, pada awalnya mungkin ada cacat celanya. Akan tetapi bagi saya, konsep Jualan Sentuhan Rakyat amat baik dan perlu diperluaskan lagi. Kalau boleh macam Yang Berhormat Kapar cakap ke seluruh negara, bagus juga bagi saya. Akan tetapi, mungkin *willing seller* dan *willing buyer* ini, *willing seller* yang akan selalu tengok harga yang sesuai untuk dia lah. Dia pun tidak mahu rugi.

Jadi, ini konsep yang kita baru mula dan bagi saya amat baik dan saya galakkan kerajaan supaya banyakkann lagi konsep Jualan Sentuhan Rakyat ini supaya rakyat terus dapat kepada *supplier*. Contohnya macam peniaga ikan, dia tidak ada perlu peraih. Dia pergi hantar, dia jual terus. Dengan cara seperti itu, dia pun untung, dia tidak rugi tetapi *consumer* banyak dan dalam pada masa yang singkat, satu ke dua jam habis. Jadi, dia pun jimat. Dia tidak ada *storage*, tidak ada logistik *problem*. Cuba kita tengok dari sudut *positivity of the initiative* yang diberikan oleh kerajaan. Mesti ada beberapa perkara yang kelemahan tertentu, saya pun boleh nampak tetapi *overall it's a very good effort*, dengan izin. Saya mencadangkan kementerian perbanyakkan lagi. Mungkin kesan *positivity*nya akan dapat secara menyeluruh dan dapat membantu menangani kos sara hidup.

Di samping itu Menteri, izinkan saya, saya mahu sebut sikit fasal GST ini. Saya banyak kali lawan cakap fasal GST ini. Saya tengok GST ini sebenarnya kita banyak benda yang kita mahu buat, kita tidak bergantung sangat kepada Petronas, dulu daripada *40 percent* lebih, sekarang kerajaan ambil *11 percent* ke *12 percent* sahaja. Kita kurangkan. Jadi Petronas, *cash flow* dia bagus. Tahun lepas saya dengar daripada RM52 bilion melonjak ke RM75 bilion sebab *cash flow* dia tambah *41 percent*.

Bagus sebab apa, kita tidak perlu bergantung kepada Petronas dan Petronas boleh bergerak. Ini *100 percent by government*, besok kalau dia bagus, baik untuk rakyat Malaysia. Di samping itu, GST yang ada itu kita ada 100 berapa? Berapa puluh ribu orang lagi yang kurang, tidak perlu bayar cukai lagi. Jadi saya ingat saya terambil masa Menteri, saya minta maaf. Akan tetapi bagi saya GST ini jangan kita itu bagi saya yang Jualan Sentuhan Rakyat itu- Baik Yang Berhormat Kapar. Saya ingat baik, jadi kita teruskan banyak. Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong: Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membangkitkan isu ataupun cadangan yang baik. Semua ini akan dapat dipertimbangkan oleh KPDNKK. Menyentuh tentang harga barangan yang murah tadi, adalah disebabkan penglibatan ataupun kerjasama strategik sepertimana yang saya

maklumkan tadi, di antara *Smart Partnership* bersama pelbagai agensi kementerian dan pemain industri. Seperti yang saya sebutkan tadi, pada permulaannya kita bekerjasama dengan pihak pengilang dan pemborong dan seterusnya di peringkat akhir nanti dia akan sampai ke peringkat kedai runcit di mana-mana tempat sekalipun seperti yang dicadangkan. Jadi...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Nak bangkit sedikit fasal naik harga, harga barang. Harga barang. Sikit sahaja. Sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena bangun lagi.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Berkaitan dengan harga barang Tuan Yang di-Pertua, yang dikatakan murah. Contoh saya berikan ialah beras. Murah RM1 daripada kedai biasa sedangkan beras ini barang kawalan, barang kawalan kerajaan. Kenapa kerajaan tidak boleh *standard*-kan di mana-mana pun memang murah sebab dia dikawal harganya oleh pihak kerajaan? Jadi kalau di dalam kedai Jualan Sentuhan Rakyat kita boleh berikan murah lebih RM1 daripada jualan di luar, kenapa kita tidak *standard*kan supaya beli di luar pun murah dengan harga yang sama seperti mana yang dalam Jualan Sentuhan Rakyat.

Tidak perlulah kita hendak pergi beraturlah nak ambil 5 kilo beras, 10 kilo beras, satu kampil. Beratur punyalah lenguh, sudahlah lima tahun sekali. Jadi kita bagi hari-hari orang beli. Jadi, jangan bagi lima tahun sekali. Macam baru-baru ini yang dibuat di kawasan Menteri Besar Kedah, dia jual daging murah, daging. Daging-daging lembu itu murah dalam RM2 ke RM3. Akan tetapi beratur panjang, hanya boleh beli 2 kilogram sahaja. Jadi, tidak padanlah.

Dato' Henry Sum Agong: Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena. Itu merupakan cadangan. Akan tetapi apa yang saya ingin maklumkan di sini, matlamat kerajaan dalam usaha untuk meringankan bebanan rakyat mengenai kos sara hidup ini ialah pada akhirnya akan dapat mengurangkan harga barang di merata tempat. Bukan seperti pada permulaan ini, di tempat-tempat tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyelesaikan...

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Dato' Henry Sum Agong: Boleh saya habiskan kerana...

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Tetapi ini berkaitan dengan yang tadi itu. Sambungan yang tadi.

Dato' Henry Sum Agong: Ya, mungkin kita.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Sekejap sahaja. Sekejap sahaja Yang Berhormat. Nak bagi cadangan sahaja.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bagi dekat makcik ini.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Amboi, mulut tu tiada insurans langsung! Ini saya mahu tanya sikit, sebab saya tengok bila buat Jualan Sentuhan Rakyat ini, memang kami sangat mengalu-alukanlah program ini dibuat secara berterusan. Cuma saya mahu memberikan cadangan ataupun nak bertanya kepada pihak kementerian dari segi bekalan. Oleh sebab saya tengok apabila permintaan itu ada, maknanya *the demand is there*, jadi mesti banyak yang beli.

Bila ramai yang beli, kita kluatir takut nanti kemudian *in long-term* dia akan jadi kekurangan dari segi barangan. Ayam mungkin dulu besar, jadi lebih kecil. Jadi, saya mahu cadangkan supaya pihak kementerian juga supaya tengok dan mungkin boleh mengajak lain-lain orang dan pastikan harga yang ditawarkan itu adalah betul-betul memberikan manfaat kepada rakyat. Kena pantau, kena pantau Yang Berhormat. Minta pegawai KPDNKK supaya pantau dan juga dari segi bekalan itu juga pun kena pastikan ia mencukupi. Terima kasih, itu cadangan. Jadi saya harap pihak– mendapat perhatian daripada pihak kementerian.

■1600

Dato' Henry Sum Agong: Baik, terima kasih Yang Berhormat. Satu cadangan yang baik dan akan kami ambil untuk pertimbangan selanjutnya. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan, saya teruskan jawapan.

Menyentuh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Batu Sapi, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat 'Langat' dan Yang Berhormat Sik.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Jemaah Menteri pada 7 Februari 2018 telah bersetuju untuk menaik taraf Jawatankuasa Kabinet Bagi Menangani Kos Sara Hidup kepada Majlis Tindakan Sara Hidup Negara. Majlis ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan telah bermesyuarat buat pertama kalinya pada 6 Mac 2018. Majlis Tindakan Sara Hidup Negara ini berperanan memperkukuhkan dan menyelaras pelaksanaan strategi dan pelan tindakan bagi menangani isu-isu serta cabaran, berhubung kenaikan kos sara hidup yang memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat. Ianya dilaksanakan melalui kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta termasuk golongan akademik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan wakil-wakil industri agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu.

Pelbagai strategi dan pelan tindakan yang proaktif akan dirangka bagi mendepani cabaran kenaikan kos sara hidup serta membantu mengurangkan bebanan

rakyat dengan lebih berkesan. Kerangka struktur Majlis Tindakan Sara Hidup Negara ini terbahagi kepada tiga peringkat iaitu:

- (i) Majlis Tertinggi;
- (ii) Jawatankuasa Peringkat Eksekutif; dan
- (iii) Jawatankuasa Kumpulan Kerja Kluster.

Sehingga kini terdapat enam Jawatankuasa Kerja Kluster utama yang sedang ditumpukan iaitu kluster makanan, perumahan, pendidikan, pengangkutan, kesihatan dan utiliti.

Jawatankuasa Kumpulan Kerja Kluster ini akan melibatkan gabungan sektor awam dan swasta termasuk NGO, akademik-akademik serta wakil-wakil industri mengikut kepakaran, kemahiran dan kompetensi dalam menangani isu dan cabaran secara spesifik.

Hasil serta *outcome* daripada perbincangan setiap enam Jawatankuasa Kumpulan Kerja Kluster akan dibentangkan ke Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara peringkat tertinggi dan akan dibentangkan ke Kabinet untuk pertimbangan.

Selaras dengan matlamat sebagai *caring ministry*, kementerian berharap usaha-usaha yang telah dinyatakan ini akan dapat membantu menangani isu sara hidup rakyat dengan lebih baik demi meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Henry Sum Agong: Ya.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pokok Sena minta fasal Majlis Tindakan Sara Hidup Negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara. Sebenarnya Majlis Tindakan Sara Hidup Negara ini adalah naik taraf daripada jawatankuasa yang ada dan sebelum itu pun ada berbagai-bagai-bagai peringkat. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengakui bahawa, Majlis Tindakan Sara Hidup Negara dinaikkan taraf ini yang menunjukkan bahawa kegagalan kepada jawatankuasa, di peringkat jawatankuasa sebelum ini gagal.

Ini menyebabkan hendak menunjukkan kesungguhan kerajaan, kerajaan kata kita naikkan taraf diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Sedangkan sebelum ini pun di peringkat jawatankuasa pun adalah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga yang melaksanakan. Jadi, kenapa punca-

punca gagal di peringkat jawatankuasa sebelum ini dalam menangani masalah kos sara hidup, satu.

Keduanya ialah, bila kata ada enam kluster tadi, dia orang hendak mesyuarat, lepas mesyuarat bentang kepada Majlis Tertinggi, kemudian baru hendak bentang kepada Kabinet, bilakah kita hendak selesai masalah beban rakyat yang berdepan masalah kos sara hidup ini? Hendak tunggu berapa lama pula kluster ini hendak mesyuarat? Selepas itu hendak bentang pula dalam Majlis Tertinggi, selepas itu hendak bentang kepada Kabinet, baru hendak ambil keputusan. Berapa lama hendak tunggu ini?

Sedangkan rakyat di kampung sudah teruk berhadapan dengan beban sara hidup. Jangan kata rakyat di kampung Tuan Yang di-Pertua, Baru-baru ini Arul Kanda, 1MDB dia kata, hendak bayar hutang, hendak bayar denda ini dikenakan oleh dengan Bank Negara pun 1MDB rasa perit. Itu 1MDB rasa perit, macam mana rakyat di kampung? Lagi perit dari 1MDB. 1MDB bolehlah, *sapu-sapu duit tang mana, pinjam tang mana, kambus tang nu, kambus sini*. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua saya ambil pendekatan yang berbeza sedikit. Saya ucap tahniah kepada kementerianlah. Sebenarnya koperasi dan kepenggunaan ini di mana-mana pun di dalam dunia adalah sangat penting. Saya ucap tahniahlah di atas usaha untuk mempertingkatkan lagi prestasi kementerian. Sesungguhnya koperasi dan kepenggunaan, jikalau hendak bagi contoh Tuan Yang di-Pertua, di suatu negara iaitu Nova Scotia satu kumpulan kapitalis yang menguasai ekonomi, rakyat setempat telah menubuhkan satu koperasi yang bernama Kooperativa Forbundet. Mereka berjaya menghidupkan koperasi ini hingga matinya kapitalis yang sebegitu kuat ekonominya. Jadi saya hendak mengatakan bahawasanya peranan kementerian ini bagi saya sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua sebagai contoh kejayaan koperasi dalam negeri Pahang saya boleh katakan ada beberapa contoh yang— contoh pegawai kerajaan tidak ada tanah, hendak buat rumah tidak ada, Kerajaan Negeri Pahang digalakkan mereka tubuhkan koperasi bagi pegawai kerajaan yang tinggi berjaya membina perumahan bagi pegawai-pegawai kerajaan tinggi. Pegawai rendah pun hendak juga, tubuh koperasi, berjaya di Kuantan saya boleh tunjuk. Ini koperasi pegawai-pegawai tinggi, sini koperasi pegawai-pegawai rendah buat rumah. Sehingga kerani boleh beli banglo di tengah bandar melalui koperasi.

Sebagai contoh lagi pula guru-guru pun begitu juga. Jadi saya kira koperasi ini boleh memainkan peranan yang penting dari segi pengawalan semuanya, memudahkan urusan rakyat khususnya kepada pengguna-pengguna yang di bawah-bawah ini. Jadi

saya mengharapkan beginilah, Tuan Yang di-Pertua agar kementerian ini betul-betul *beefed up*, menguatkan dan *activate your activities*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Henry Sum Agong: Baik, terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat. Mengenai Majlis Jawatankuasa Sara Hidup dan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara, memang tidak benarlah jikalau dikatakan Jawatankuasa Sara Hidup ini gagal dalam menjalankan tugas. Apa yang dilakukan sekarang, dengan adanya Majlis Tindakan Sara Hidup Negara ini, dia merupakan satu pembaikan kepada apa yang diadakan sebelum ini. Jadi, mengenai kerapnya bermesyuarat, pada awal bulan Mac ini tadi diadakan satu mesyuarat dan tidak benarlah mesyuarat ini diadakan dalam tempoh yang lama, kerana pihak kerajaan dan kementerian ingin menyelesaikan apa jua masalah yang ada kaitan dengan kos sara hidup rakyat ini. Jadi...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, saya tanya tadi berapa tempoh lama *report* daripada kluster ini, jawatankuasa ini kepada Majlis Tertinggi kemudian daripada Majlis Tertinggi sampai kepada Kabinet. Ini kerana kita tidak mahu jawatankuasa sahaja naik taraf jadi Majlis, sedangkan rakyat naik angin.

Dato' Henry Sum Agong: Ya, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Jawatankuasa di pihak kluster ini digesa supaya mengadakan mesyuarat secepat yang boleh dan selepas itu perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam kluster ini akan dibawa naik ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Mengenai persoalan koperasi tadi, ini luar daripada apa yang saya ada di sini dan kita akan memberi jawapan secara bertulis. Tuan Yang di-Pertua saya sebenarnya sampai ke penghujung jawapan.

■1610

Jadi, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini. Saya percaya pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu memperkukuhkan lagi polisi dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kementerian untuk dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

4.10 ptg.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 13 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian berkaitan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang melibatkan tujuh isu. Iaitu pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, kerajaan tempatan, pelan Malaysia, pemberi

pinjaman wang dan pemegang pajak gadai, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, perumahan dan kebombaian. Izinkan saya menjawab mengenai isu kebombaian iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izin saya merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Abu Zarin bin Hussin. Anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Temerloh yang telah kembali ke rahmatullah kerana dipatuk ular tedung ketika menjalankan tugas baru-baru ini. Allahyarham terkenal dalam kalangan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat serta rakyat Malaysia dengan gelaran wira penyelamat atas keberanian menangkap ular berbisa. Semoga rohnya dirahmati dan ditempatkan di kalangan mereka yang beriman. Inilah pengorbanan seorang anggota bomba sehingga mengorbankan nyawa untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada cadangan Ahli Yang Berhormat Seremban supaya Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merombak semula skim gaji dan kebajikan untuk anggota bomba khususnya yang berpangkat biasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan berbanyak terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat berkenaan kebajikan anggota bomba dan mencadangkan rombakan skim gaji yang lebih menarik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan rombakan skim gaji anggota bomba dan penyelamat kerana mulai 1 Julai 2016 melalui rasionalisasi skim perkhidmatan awam, gaji permulaan terendah pegawai bomba dan penyelamat Gred KB19 telah dinaikkan dari RM936 kepada RM1,360. Iaitu peningkatan sebanyak RM424 atau bersamaan 45.3 peratus. Baru kita naikkan. Kerajaan juga telah meluluskan lima jenis elaun kepada anggota bomba dan penyelamat dengan mengambil kira risiko serta cabaran yang di hadapi oleh mereka dalam melaksanakan tugas seharian.

Elaun-elaun yang dibayar secara bulanan adalah seperti berikut;

Bayaran insentif bomba sebanyak RM110 kepada semua anggota yang bertugas secara syif di balai.

Kedua, elaun yang melibatkan pasukan-pasukan khas iaitu elaun *Hazardous Materials Management* (HAZMAT), elaun pasukan penyelamat di air dan elaun *Emergency Medical Rescue Services* (EMRS) masing-masing pada kadar RM100.

Elaun yang ketiga iaitu pemandu kenderaan bomba sebanyak RM150 kepada pemandu jentera dan juga kenderaan khas.

Namun begitu, elaun-elaun yang dinyatakan tersebut hanya terhad kepada sebilangan anggota bomba dan penyelamat sahaja. Justeru itu, kementerian telah pun mengemukakan permohonan kepada pihak kerajaan untuk mempertimbangkan elaun

khas skim perkhidmatan kepada seluruh anggota bomba dan penyelamat sebagaimana yang telah diluluskan kepada agensi-agensi keselamatan negara seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Mereka ini semuanya dapat elaun khas skim perkhidmatan RM200 sebulan.

Sehubungan itu, saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini. Hasil daripada perbincangan dan juga keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka di Dewan yang mulia ini saya kira ini satu hadiah kepada seluruh anggota bomba sempena sambutan Hari Bomba pada 28 April ini, akan ada Hari Bomba iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun meluluskan permohonan elaun khas skim perkhidmatan kepada anggota bomba dan penyelamat di seluruh negara. Dengan itu, semua anggota bomba dan penyelamat akan menikmati penambahan satu lagi elaun khas kepada kadar RM200 sebulan berkuat kuasa 1 April 2018. [*Dewan tepuk*] Sama, sudah dapat.

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Elaun khas ini akan melibatkan seluruh anggota bomba dan penyelamat seramai 13,342 orang dengan implikasi kewangan sebanyak RM2,668,400 sebulan bersamaan RM32 juta setahun. Itu elaun khas.

Elaun khas ini ialah bagi menghargai anggota bomba dan penyelamat yang selalu saya sebutkan seperti hero yang tidak di dendang. Jasa dan pengorbanan mereka tidak ternilai kerana sentiasa terdedah dengan kecederaan serta risiko kehilangan nyawa setiap kali keluar ke tempat kecemasan dalam menyelamatkan nyawa dan harta benda orang awam. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang sentiasa bersedia membantu dalam apa jua keadaan. Semoga insentif terbaru ini yang ditunggu begitu lama, lama dia tunggu insentif ini, akan mendorong anggota bomba dan penyelamat untuk lebih cemerlang dalam menjalankan tugas.

Kedua, saya juga ingin mengumumkan satu berita yang gembira juga. Kalau tadi kepada anggota bomba. Kali ini ialah kepada pegawai anggota dan pegawai bomba sukarela ataupun kepada pegawai bomba bantuan. Kita sedia maklum selain daripada pegawai bomba biasa kita juga ada pegawai bomba bantuan di mana mereka ini juga berkhidmat di balai-balai bomba tertentu. Kita ada 2,500 orang pegawai bomba bantuan. Baru-baru ini kita dengar RELA pun telah dinaikkan bantuannya, Jabatan Pertahanan Awam juga dinaikkan elaunnya. Maka, saya juga ingin umumkan bahawa hari ini pagi, tengah hari tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun bersetuju untuk menaikkan kadar elaun kepada anggota bomba bantuan daripada RM6 sejam kepada

RM8 satu jam. [*Dewan tepuk*] Bagi anggota dan dari RM7.80 sejam kepada RM9.80 sejam bagi pegawai. [*Dewan tepuk*]

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu prihatin dalam memberikan pembelaan kepada anggota bomba yang bekerja tanpa mengira kepentingan diri untuk menyelamatkan nyawa orang lain. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seremban.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Fasal gaji bomba?

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Ya, bomba.

■1620

Selain daripada elaun-elaun sebab kita memang maklum bahawa anggota bomba menghadapi risiko yang sangat tinggi dalam kerja mereka. Adakah pihak dan juga anggota-anggota bomba ini diberikan skim perlindungan insurans oleh pihak kerajaan kalau mereka terlibat dalam kecederaan ataupun ada kemalangan nyawa dan sebagainya. Adakah anggota bomba itu diberikan perlindungan insurans dan keluarga mereka mendapat manfaatnya. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Setakat ini saya dimaklumkan bahawa ada di antara insurans yang mereka beli sendiri— yang mereka telah pun peroleh sendiri. Akan tetapi, yang cadangan Yang Berhormat ini kerajaan belikan insurans. Saya tidak boleh berikan apa-apa komitmen dan kita kena mohon kepada kerajaan kerana sudah tentulah ia juga akan melibatkan bukan sahaja anggota bomba tetapi juga anggota-anggota keselamatan beruniform yang lain. Walau bagaimanapun, terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat Julau telah menyentuh kekerapan kebakaran berlaku di rumah panjang dan di kampung-kampung pedalaman seperti di kampung Melayu, kampung Bidayuh dan kampung Orang Ulu serta turut mencadangkan agar satu sistem pemadam api komuniti untuk mengurangkan dan mengawal kebakaran.

Kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengkaji dan telah mendapati sistem yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut adalah agak baik dan boleh ditambah baik lagi sekiranya menggunakan pam berkuasa tinggi dengan tangki yang lebih besar. Walau bagaimanapun, kerajaan sedang mempertimbangkan cadangan ini dengan lebih mendalam dalam menghargai usaha

dan juga inovasi rakyat tempatan untuk membantu meningkatkan tahap keselamatan rakyat.

Seperti mana Yang Berhormat sudah maklum dengan saya memang sudah terima kepada pihak bomba dan bomba sedang mengkaji lebih mendalam cadangan Yang Berhormat berikan dan terima kasih juga kerana keprihatinan Yang Berhormat. Dalam masa yang sama Jabatan Bomba dan Penyelamat telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan program pengagihan alat pemadam api mudah alih di rumah-rumah panjang sebagai medium pemadaman di peringkat awal yang dilihat mampu membendung kebakaran daripada merebak. Sejak tahun 2012, sebanyak 3,018 unit alat pemadam api mudah alih telah dibekalkan di rumah-rumah panjang di negeri Sarawak melalui 897 program kempen kesedaran keselamatan kebakaran.

Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Lanang mengenai bantuan kepada mangsa kebakaran di kawasan Parlimen beliau. Saya ingin maklumkan bahawa KPKT mempunyai Program Bina Rumah ataupun *House Build* yang dibuat kerjasama dengan pihak bomba di mana nilai rumah yang dibuat lebih kurang RM40 ribu sebuah dan pada tahun ini memang kita dapat peruntukan RM1.7 juta dan permohonan ini— program *House Build* ini selalunya kita akan beri apabila kita mendapat permintaan atau permohonan daripada pihak bomba ataupun pihak pemimpin-pemimpin tempatan jika ada kebakaran di kawasan masing-masing. Untuk ini mungkin Yang Berhormat boleh memajukan permohonan ini kepada pihak kementerian untuk kita memberikan bantuan kepada rumah yang terbakar Yang Berhormat telah maksudkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi program baik pulih rumah, KPKT telah meluluskan sembilan nama untuk dilaksanakan di kawasan Parlimen Lanang. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lanang juga bertanya— Yang Berhormat Lanang ada?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ada.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Yang Berhormat Lanang juga bertanya berkenaan status pembinaan balai bomba baru di Sibu Jaya. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak telah selesai membuat proses penilaian tender pembinaan Balai Bomba Sibu Jaya. Walau bagaimanapun, nama kontraktor tidak dapat dinyatakan sehingga surat setuju terima dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya.

Maksudnya yang buat bomba ini ialah pihak JKR Sarawak. Jadi kalau ada projek itu terbengkalai ataupun lambat dan hendak lantik kontraktor baru yang ini diuruskan oleh pihak JKR Negeri Sarawak. Sukacita dimaklumkan bahawa kerja-kerja masuk

tapak dijangka bermula pada pertengahan April 2018 dan tempoh pembinaan adalah selama 18 bulan iaitu dijangka siap pada akhir tahun 2019.

Pada masa ini kawasan Sibu Jaya mendapat perlindungan kebombaian dari Balai Bomba dan Penyelamat Sibu serta Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Merah dengan jarak lebih kurang 25 kilometer ke Sibu Jaya. Kedua-dua balai bomba ini dilengkapi dengan dua buah jentera bomba dan keanggotaan seramai 40 orang hingga 60 orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah dimaklumkan oleh pegawai yang ditanya oleh Yang Berhormat Seremban tadi mengenai insurans. Sebenarnya insurans berkelompok telah pun diberi kepada anggota bomba disediakan oleh kerajaan. Kita beri secara kelompok telah pun ada insurans ini. RM25,000 untuk kematian dan RM40,000 untuk cacat kekal. Jadi bermakna telah pun diambil perhatian untuk pihak kerajaan.

Selain Ahli Yang Berhormat Lanang, Ahli Yang Berhormat Sibuti turut bertanyakan mengenai Balai Bomba Batu Niah dan pemasangan pili bomba baru di kawasan rumah panjang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Balai Bomba dan Penyelamat Batu Niah telah diluluskan di bawah RMKe-10, *Rolling Plan* Keempat tahun 2014. Pada masa ini status kemajuan pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Batu Niah adalah 64 peratus berbanding jadual asal seratus peratus. Kerja-kerja masuk tapak bagi penyambungan semula projek dijangka bermula pada bulan Jun 2018 dan dijangka siap sepenuhnya pada awal tahun 2019.

Berkenan pembekalan pili api bomba yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti. Kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menyediakan program pemasangan pili bomba baru di seluruh negara. Setiap permohonan akan dikaji berdasarkan faktor kependudukan dan perangkaan kebakaran serta menyelaraskan dengan pihak berkuasa air tempatan. Sehubungan itu, kementerian akan mempertimbangkan permohonan Ahli Yang Berhormat Sibuti bagi mengadakan pili bomba melalui penyelarasan dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak. Terima kasih, itu yang mengenai bomba.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang akan saya jawab ialah isu perumahan kerana kita sedia maklum bahawa isu perumahan ini begitu rapat dengan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pelbagai perkara berkenaan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tenom bersekali dengan Ahli Yang Berhormat Sandakan berkaitan isu peningkatan harga rumah dan skim Sewa Untuk Dimiliki atau *Rent-to-Own*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara sentiasa memfokuskan kesejahteraan rakyat bagi membantu meningkatkan penyediaan rumah mampu milik di seluruh negara.

Dalam usaha untuk kita mengekang kenaikan harga rumah di pasaran. Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah seperti mewajibkan semua pemaju untuk melaporkan pembelian pukal yang melebihi empat unit hartanah dalam satu pemajuan dan mana-mana individu syarikat bagi menggalakkan pemilikan rumah melalui sewaan juga buat pertama kali. Dalam tempoh 60 tahun, kerajaan telah mengumumkan pengecualian cukai ke atas pendapatan sewaan rumah kediaman sebanyak 50 peratus.

Oleh itu, kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah dengan memperkenalkan program rumah mampu milik iaitu menetapkan harga siling bagi jualan rumah mampu milik kepada RM300,000 seunit sebagai panduan kepada pembeli dan semua pihak yang terlibat dalam sektor perumahan negara.

Meningkatkan bekalan rumah dalam pasaran melalui penyediaan perumahan awam dalam program satu juta rumah mampu milik menjelang tahun 2018. Langkah ini akan dapat menyediakan lebih banyak pilihan kepada pembeli untuk mencari rumah yang bersesuaian dengan tahap kemampuan masing-masing selain daripada rumah yang disediakan oleh pihak swasta.

Kerajaan juga memperkenalkan berbagai-bagai skim pembiayaan bagi memudahkan pemilikan rumah khususnya rumah mampu milik seperti Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama ataupun MyDeposit, Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome), Skim Rumah Pertamaku, Skim Perumahan Belia dan lain-lain lagi.

■1630

Memperkenalkan juga Skim *Stepped Up End-Financing* di bawah PR1MA yang dipanjangkan kepada pemaju perumahan swasta berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Kementerian menyambut baik cadangan Yang Berhormat supaya ditubuhkan satu konsortium perumahan. Kementerian bersetuju bahawa sudah tiba masanya kerajaan mewujudkan satu badan atau suruhanjaya khas berkaitan perumahan bagi menangani isu-isu berkaitan perumahan termasuklah penyediaan rumah mampu milik.

Kerajaan juga mendapati terdapat pelbagai agensi yang diletakkan di bawah pentadbiran berbeza-beza yang melaksanakan pembangunan perumahan seperti PR1MA dan PPA1M yang diselaraskan oleh Jabatan Perdana Menteri, SPNB di bawah Kementerian Kewangan dan juga banyak lagi agensi lain yang terlibat.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan mempunyai beberapa platform yang khusus bagi membincangkan isu-isu perumahan ini secara kolaborasi antara agensi-agensi kerajaan serta pemain-pemain industri termasuklah sektor swasta seperti mewujudkan Majlis Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Jawatankuasa Peringkat Tertinggi, *High Level Committee*

mengenai isu-isu perumahan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga mesyuarat-mesyuarat berkala yang diadakan.

Untuk makluman Yang Berhormat Tenom dan Yang Berhormat Sandakan, skim sewa untuk dimiliki atau *rent to own* Program Perumahan Rakyat merupakan skim pembiayaan mudah yang ditawarkan kepada pemohon atau bakal pembeli yang gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan. Untuk makluman Yang Berhormat juga, buat masa ini pihak kementerian sedang merancang untuk mengenakan skim *rent to own* ini di seluruh negara kerana kita sedia maklum dalam mewujudkan rumah PPR ini, dia ada dua kategori iaitu ada rumah yang disediakan oleh pihak KPKT, tanah pun tanah KPKT— yang ini telah kita buat keputusan bahawa rumah ini kita akan buat *rent to own*. Tetapi ada juga rumah yang PPR yang rumahnya KPKT buat tetapi tanahnya dimiliki oleh kerajaan negeri. Yang kategori ini kita sedang berbincang dengan pihak kerajaan negeri untuk kita memperkenalkan skim *rent to own* kerana skim *rent to own* ini memberikan faedah kepada rakyat yang sukar untuk mendapatkan pinjaman bank dan juga kadar sewa mereka bayar bulan-bulan itu akan diambil kira sebagai *installment* pembayaran rumah yang akan mereka miliki.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tebrau berkaitan pelaksanaan penyediaan rumah mampu milik yang selesa dan mempunyai kemudahan di lokasi yang strategik. Untuk makluman Yang Berhormat, faktor penghijrahan penduduk daripada kawasan luar bandar ke bandar amat ketara dan hari ini lebih 72 peratus rakyat Malaysia tinggal di dalam kawasan bandar. Jadi, kerana itulah kementerian bukan sahaja hendak memastikan lokasi-lokasi yang strategik tetapi juga akan memastikan bahawa ciri-ciri asas pembinaan rumah-rumah mampu milik ini dalam keadaan yang selesa dengan diberikan berbagai-bagai kemudahan.

Seterusnya saya ingin membangkitkan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Hulu Langat. Ada? Berkaitan isu pembangunan rumah mampu milik di negeri-negeri agak lambat dan terjejas kerana masalah tanah dan isu premium yang tinggi dan menyatakan bahawa projek Rumah Selangorku diberikan premium yang rendah oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri memainkan peranan dalam menentukan dasar perumahan negeri yang mana turut mempengaruhi harga pasaran perumahan, proses kebenaran merancang dan juga pelbagai proses-proses yang lain. Kerajaan negeri juga mempunyai kuasa menentukan dasar-dasar dan juga syarat-syarat tambahan berkaitan pembinaan rumah termasuklah kos-kos yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan.

Jadi, sama ada rumah-rumah Selangorku ini berjaya ataupun tidak, ianya terpulang kepada pihak kerajaan negeri bagaimana kerajaan negeri untuk membantu pihak Rumah Selangorku ini. Dan bezanya Rumah Selangorku dengan rumah PPR ini, Yang Berhormat, rumah PPR kerajaan keluarkan wang bagi subsidi kepada pihak pembeli dengan subsidi yang cukup tinggi saya kira lebih RM150,000 sebuah. Dan rumah PPR, untuk makluman Yang Berhormat, apabila WUF9 diadakan baru-baru ini, ramai menteri-menteri perumahan daripada beberapa buah negara termasuk daripada Amerika Syarikat, mereka datang melihat bagaimana cara kita membantu rakyat B40 untuk mendapatkan rumah.

Jadi Rumah Selangorku, kita lihat kerajaan negeri dia tidak keluar duit pun. Dia cakap Selangorku sahaja tetapi dia tidak keluarkan duit. Malah, kita lihat pemaju-pemaju yang buat Rumah Selangorku pun sudah tidak tahanlah dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak kerajaan negeri, sebab itu ada sembilan syarikat yang tidak mampu untuk meneruskan Rumah Selangorku. Jadi ini kalau hendak dibandingkan Rumah Selangorku ini, saya ingat Kerajaan Negeri Selangor kena lihat betul-betul bagaimana hendak membantu rakyat.

Semalam saya dengar daripada Yang Berhormat Gombak, dia mempertikai Bank Negara, salahkan Bank Negara pula kerana pembeli-pembeli susah hendak dapatkan pinjaman. Saya tidak nafikan, betul ramai juga pemohon yang hendak beli rumah susah hendak dapat kerana kalau mengikut perangkaan Bank Negara, sudah 62 peratus pemiutang dalam negara kita ini ialah daripada peminjam perumahan, jadi sebab itu sukar untuk mendapatkan pinjaman.

Namun demikian, kalau kerajaan negeri cekap, dia boleh mengatasi masalah ini. Seperti saya kata rumah PPR, mengapakah kita kenalkan *rent to own*? Sebab kita tahu orang yang dapat *rent to own* ini orang yang B40, gaji RM3,000 ke bawah, memang akan sukar untuk mendapatkan pinjaman bank, sebab itu banyak kita tidak boleh isi. Bila kita kenalkan *rent to own*, kita dapat membantu mereka yang sukar untuk mendapatkan pinjaman bank ini untuk dapat rumah. Itu pertama.

Yang kedua, kalau betul Kerajaan Negeri Selangor hendak tolong rakyat, mengapa tidak beli Rumah Selangorku? Belilah Rumah Selangorku. Kerajaan Negeri Selangor banyak berbilion duit sampai tidak tahu apa hendak belanja. Macam kami di KPKT, kita beli rumah yang sudah siap. Sebagaimana kita beli rumah di Sungai Petani, ada dua blok 200 lebih kita beli rumah yang sudah siap, kita beli dan kita jual balik kepada rakyat dan kita bagi konsep *rent to own*. Itu beza di antara Kerajaan Barisan Nasional hendak tolong rakyat dengan Kerajaan Pakatan Harapan negeri Selangor heboh dengan Rumah Selangorku tetapi hanya menjadi momokan sahaja. Ini Selangorkah?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh? Ya Selangorku

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Selangorku?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya boleh?

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Yang Berhormat Batu bukan Selangor

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya lah, ini sana menteri pun bukan sebelah Kerajaan Selangor. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin dapat pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Konsep Selangorku dia bukan isu kerajaan subsidi kepada rumah. Apa yang dirancang ialah kita hadkan keuntungan pemaju supaya pemaju dibenarkan dapatkan keuntungan yang tinggi daripada pasaran tetapi pada masa yang sama dia harus kembalikan sebahagian daripada keuntungan ini untuk buat *social housing*. Itu saya tidak mahu pertikaikan kerajaan pusat yang mampu merancang dan juga melaksanakan PR1MA tetapi kedua-dua ini agak berbeza daripada segi falsafahnya.

Alangkah baik kalau kerajaan mengiktiraf adalah satu pendekatan yang juga boleh jadi berkesan bagi mengawal pasaran rumah ini supaya tidak melambung tinggi, kedua-dua kita boleh *complement* satu sama lain daripada kita tuduh satu sama lain bahawa ini tidak berkesan dan ini tidak membawa faedah kepada rakyat.

Boleh tidak kita ambil satu perspektif yang berbeza di mana Selangorku sebagai satu konsep ia dapat mengawal supaya pemaju tidak untung banyak dan juga tidak membenarkan menaikkan harga? Bagi saya kalau pemaju tidak mampu buat, maksudnya dia tidak kompeten dalam syarat-syarat itu. Kalau kementerian boleh bagi *support*, lagi baik. Terima kasih.

■1640

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Walaupun tinggal di Wilayah tetapi ambil berat mengenai Selangorku. Saya nak beritahu, banyak cara boleh buat. Ini semua kerajaan negeri. Sebagai contoh, premium tanah. Premium tanah ini, saya ambil contoh bagaimana Kerajaan Negeri Selangor mengenakan premium tanah yang tinggi. Kalau dulu waktu zaman BN memerintah, harga premium tanah ditetapkan 15 peratus mengikut harga status terkini. Sekarang pun dia pakai juga 15 peratus tetapi 15 peratus yang dia bagi mengikut harga yang ke hadapan. Jadi kalau kita buat pengiraan— saya ambil contohlah kalau kita ambil pengiraan satu ekar tanah. Kalau dahulu waktu BN memerintah, dia kena bayar RM1.35 sekaki persegi. Jadinya kalau satu ekar, dia orang kata hanya 15 peratus, RM1.35 sekaki persegi, jadi dia punya harga lebih kurang RM58,000 sekaki.

Akan tetapi apabila Kerajaan Pakatan Harapan dia mengenakan premium mengikut *future land* kegunaan tanah, harganya dikira mengikut harga ke hadapan, jadi dia akan kira RM4.50 satu kaki persegi. Kalau RM4.50 satu kaki persegi kali dengan

43,650 kaki, satu ekar itu, dia akan menjadi kosnya sampai begitu banyak— RM196,000 premium sahaja. Jadi ini salah satu contoh— premium.

Jadi kalau kerajaan negeri nak tolong, ini Rumah Selangorku janganlah kenakan premium yang tinggi. Caj pembangunan kena lagi. Sudahlah caj pembangunan, ada lagi satu caj lagi dipanggilkan caj ISF (*improvement service fund*) yang bertujuan untuk menaik taraf jalan, lampu isyarat, jambatan, *flyover*. Semua nak suruh *developer* buat. Mana boleh benda-benda macam itu.

Jadi ini patutnya kerajaan negeri, dia nak kena mengambil kira bahawa caj-caj tersebut mesti boleh dikurangkan. Kalau caj ini kurang, barulah Rumah Selangorku ini boleh jadi jual dengan harga yang murah. Ini, bila dia paksa pemaju buat dan jual rumah dengan harga yang dia tetapkan, apa yang berlaku? Berlakulah *cross subsidi*. Rumah biasa yang patut jual boleh jadi RM300,000 tapi kerana pemaju dah kena buat Rumah Selangorku, maka rumah RM300,000 dia mungkin terpaksa jual RM400,000. Jadi kalau betul nak tolong rakyat, mestilah kerajaan negeri janganlah kenakan premium yang tinggi, janganlah kenakan berbagai-bagai caj. Saya ambil kata contoh— itu Rumah Selangorku.

Kalau rumah PR1MA sebagai contoh— kita kalau dah buat kajian. Yang Berhormat, kita dah buat kajian bahawa orang yang ramai nak perlukan rumah ini ialah di negeri Selangor iaitu 22 peratus ataupun 327,000 orang Selangor yang perlukan rumah. Sebab itu PR1MA nak buat rumah di Selangor. Berapa banyak PR1MA nak buat dekat Selangor? PR1MA dah setuju dah, kita nak buat dekat Selangor ada 33 projek. Lebih kurang 51,192 unit. Tetapi kerana *red tapes* yang terlalu banyak Kerajaan Negeri Selangor, akhirnya kita hanya buat sedikit sahaja. Projek yang kita mampu buat hanya 11 projek sahaja yang kita boleh buat, sebagai contoh. Itu rumah PR1MA. Tak apalah.

Dia sepatutnya rumah-rumah yang di bawah kerajaan nak tolong rakyat, janganlah anggap syarikat-syarikat ini sama macam syarikat swasta yang lain. Syarikat swasta, dia boleh mencari untung tetapi kalau macam rumah PR1MA, macam rumah PPR, kami tak dapat untung malah rakyat yang dapat untung. Jadi janganlah meletakkan syarat-syarat sama seperti syarat-syarat swasta. *This is the problem*, Yang Berhormat, di Selangor. Itu yang sembilan syarikat lari malam itu, tak boleh nak buat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tanah Merah berkaitan dengan tindakan yang diambil oleh kementerian ke atas kontraktor yang gagal menyiapkan rumah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 adalah satu akta yang digubal bagi mengawal selia pemaju-pemaju perumahan yang dilesenkan di Semenanjung Malaysia di samping melindungi kepentingan pembeli-pembeli dan hal-hal berkaitan dengannya. Bagi mengatasi isu

tersebut, satu peruntukan telah pun diwujudkan dalam akta tersebut di mana tindakan pendakwaan boleh diambil terhadap pemaju perumahan berlesen yang meninggalkan pemajuan perumahannya. Peruntukan penalti yang boleh dikenakan ialah denda tidak kurang daripada RM250,000 tetapi tidak melebihi RM500,000.

Peruntukan ini merupakan langkah pencegahan yang membolehkan tindakan diambil terhadap pemaju-pemaju perumahan berlesen atas kesalahan yang mengabaikan sesuatu pemajuan perumahan yang terbengkalai ini. Begitu juga kerajaan boleh mengambil tindakan menyenaraihitamkan pemaju-pemaju termasuk ahli lembaga pengarah yang gagal menyiapkan projek-projek dalam tempoh perjanjian jual beli.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berubah kepada isu yang lain. Yang Berhormat Kuala Selangor tak ada ya? Saya ubah ke isu pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Yang Berhormat Kuala Selangor dan juga Yang Berhormat Gerik ada? Yang Berhormat Gerik membangkitkan mengenai isu ini. Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor mencadangkan supaya kerajaan mengkaji untuk menukarkan sektor 3D iaitu *difficulty, dirty and dangerous* kepada ECS iaitu *easy, clean and safe* dalam pengurusan sampah untuk pekerja-pekerja khususnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa berusaha memastikan penggunaan teknologi terkini bagi memudahkan kerja-kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta mengambil kira aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerja di bawah sektor ini. Dalam hal ini, pekerja yang melaksanakan operasi tersebut diberikan latihan dan kemahiran yang secukupnya agar kerja-kerja yang dijalankan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Pada masa ini, kementerian melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara telah mengambil inisiatif bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk memperkasakan sektor pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dengan pemberian sijil kemahiran kepada pekerja-pekerja di bawah sektor ini. Negeri-negeri yang menggunakan Akta 672 telah menerima perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang mempunyai indeks petunjuk prestasi ataupun KPI yang perlu dipatuhi serta pemakaian *standard operating procedure* (SOP) yang lebih mementingkan kebersihan diri dan memenuhi kehendak keselamatan pekerja.

Ahli Yang Berhormat Gerik mencadangkan supaya KPKT duduk bersama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah untuk penyediaan tong-tong sampah ataupun mengadakan satu kaedah pengurusan sampah di kampung-kampung tradisi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya, di negeri-negeri yang mengguna pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672], Kerajaan Persekutuan melalui syarikat-syarikat konsesi yang dilantik akan

memberikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada penduduk di dalam kawasan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan. Bagi kawasan di luar perkhidmatan PBT, dicadangkan kerajaan negeri, PBT dan pihak Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) mengadakan rundingan secara bersama untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk-penduduk dalam kawasan tersebut.

Seterusnya saya merujuk kepada isu tapak pelupusan sampah di Pekan Nanas yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tanjong Piai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, operasi di Tapak Pelupusan Sampah Pekan Nanas telah berjalan seperti biasa dan pihak operator telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengatasi isu kebakaran daripada berulang. Pihak operator akan menutup sehingga 80 peratus kawasan tapak terbuka dengan tanah dan hanya 20 peratus sahaja kawasan tapak terbuka bagi tujuan operasi harian. Kerja-kerja ini dijangka akan selesai pada penghujung bulan Mei 2018.

Pihak kerajaan menjangkakan tapak pelupusan ini akan dihentikan operasinya pada tahun 2021. Ini adalah kerana projek Sistem Pemindahan Sisa Pepejal di Pekan Nanas, Pontian akan siap dibina pada penghujung tahun 2020. Stesen pemindahan ini membolehkan sisa pepejal yang dijana di Daerah Pontian dikumpul dan diangkut ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Silong, Johor untuk dilupuskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pindah kepada isu kerajaan tempatan. Ada seorang sahaja yang bangkit iaitu Ahli Yang Berhormat Seremban berkenaan projek pembinaan semula Pasar Besar Seremban yang telah musnah akibat kebakaran.

■1650

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Sembilan telah pun bersetuju untuk membiayai kos sebanyak RM6 juta bagi membaik pulih segera Pasar Besar Seremban yang terbakar pada tahun 2017. Dalam masa yang sama, kementerian juga akan membuat permohonan untuk membina semula Pasar Besar Seremban dalam Bajet 2019. Kita akan mohon.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya hendak tanya adakah pihak Majlis Perbandaran Seremban memohon daripada pihak KPKT untuk peruntukan? Ini sebab walaupun kerajaan negeri dikatakan telah meluluskan peruntukan itu tetapi adakah itu mencukupi dan adakah pihak MPS memohon bantuan daripada pihak KPKT?

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ya, selalunya apabila ada kebakaran, pihak majlis selalu memohon. Akan tetapi kita sedia maklum bahawa kalau hendak buat pasar ini bajetnya kalau bawah RM1 juta tidak ada masalah, kita boleh anggap ini sebagai projek-projek kecil di bawah peruntukan PP1. Akan tetapi kalau kita hendak buat pasar yang

besar, yang baru, yang ini kita kena masukkan di dalam permohonan bajet tahunan kita kerana ini dia mesti *special budget*.

Jadi Yang Berhormat jangan bimbang. Kita akan buat dan mohonkan bajet ini dalam bajet 2019 sekarang inilah. Tadi saya punya pegawai-pegawai telah bermesyuarat untuk kita hendak memohon bajet-bajet tahun hadapan. Jadi sebab itu kita, saya maklumkan tadi, memang ada MPS ada mohon. Akan tetapi pada bulan Mac lah, kita bajet kita sudah dan sebab kita bawa pada tahun hadapan, Yang Berhormat.

Isu yang seterusnya ialah berkaitan dengan Plan Malaysia. Isu ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kota Raja yang mencadangkan supaya satu peraturan yang jelas diwujudkan bagi membolehkan komuniti berpagar dilaksanakan selaras dengan undang-undang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Plan Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah mengeluarkan garis panduan khusus berkaitan pembangunan skim komuniti berpagar ataupun *gated community* dan skim kejiranan berpengawal, *guarded neighbourhood*.

Garis panduan perancangan *gated community* dan juga *guarded neighbourhood* ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2010 dan Majlis Negara Kerajaan Tempatan pada 2010. Garis panduan ini disediakan bagi membantu pihak berkuasa tempatan, agensi teknikal dan juga persatuan-persatuan penduduk dalam merancang, mengawal dan menubuhkan skim-skim perumahan berkonsepkan *gated community* dan juga *guarded neighbourhood*.

Skim *guarded neighbourhood* diwujudkan berasaskan kepada punca kuasa peruntukan subseksyen 101(5) Akta Kerajaan Tempatan 1971 yang memberikan kuasa kepada PBT untuk melakukan segala perkara yang bermanfaat kepada keselamatan, kesihatan dan juga keselesaan awam. Perkara ini membenarkan PBT untuk meluluskan skim *guarded neighbourhood* yang dimohon oleh persatuan penduduk berdasarkan tempoh masa yang ditetapkan oleh PBT masing-masing. Ertinya ini ialah di bawah kuasa PBT yang telah pun diberikan di bawah Akta Kerajaan Tempatan.

Isu yang seterusnya iaitu isu Tribunal Perumahan dan juga Pengurusan Strata. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Kota Raja juga telah membangkitkan mengenai satu kawasan perumahan mewah di Parlimen beliau yang dibina di atas tanah gambut. Adakah Yang Berhormat Kota Raja? Ada. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Bandar Puteri Klang ini dimajukan oleh Malayapine Estates Sdn. Bhd. Projek ini telah pun memperolehi CCC pada 19 Mac 2014. Aduan telah dibuat kepada Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Perumahan Negara berkaitan dengan tanah mendap dan menyebabkan kerosakan kepada unit rumah yang dibeli pengadu. Satu lawatan tapak pada 10 November 2016 telah diadakan oleh Ahli Yang Berhormat sendiri.

Yang Berhormat sudah turun pada tahun 2016 bersama wakil Jabatan Perumahan Negara serta pemaju dan pengadu.

Pengadu telah dinasihatkan oleh pegawai Jabatan Perumahan Negara untuk memfailkan tuntutan di Tribunal Perumahan dan juga Pengurusan Strata. Setelah membuat semakan didapati bahawa 23 kes yang berkaitan isu mendapan tanah telah difailkan terhadap pemaju iaitu Malayapine Estates Sdn. Bhd. 12 kes telah dibatalkan oleh tribunal atas sebab ketidakhadiran pihak yang menuntut. Bila dia tuntutan dan kalau dia tidak datang maka dibatalkanlah dan atas permintaan pihak yang menuntut sendiri kerana pihak yang menuntut ingin memfailkan tuntutan di Mahkamah Sivil.

Selain itu dua lagi kes telah ditolak oleh tribunal kerana pihak yang menuntut telah membuat pengubahsuaian sepenuhnya ke atas kediaman mereka. Ertinya sudah selesailah, Yang Berhormat. Dia hendak bawa kes ini ke Mahkamah Sivil.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya, boleh saya, ada lagikah tentang kesnya? Bolehkah saya masuk sekarang?

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Bagi sedikit lagi saya habiskan. Selain itu sembilan kes telah pun diberikan *award* supaya pihak pemaju membayar pampasan ataupun ganti rugi. Daripada sembilan kes tersebut didapati tujuh kes telah selesai selepas rundingan bersama pihak-pihak terbabit dan diberi *award* antara RM9,800 hingga RM12,000. Manakala dua lagi kes telah diberi *award* oleh tribunal selepas mendengar hujah kedua-dua pihak di mana masing-masing berjumlah RM10,700 dan RM16,000.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Mengenai kes ini sebenarnya Yang Berhormat Menteri, pokoknya ialah walaupun mereka sudah pergi ke tribunal tetapi ganti rugi yang dapat itu tidak dapat menampung kerosakan. Itu sebabnya sebahagian besar telah menarik diri untuk pergi ke, bawa saman ke Mahkamah Sivil.

Namun isu sebenarnya di sini ialah tentang bagi saya adalah pengabaian daripada pihak sama ada PBT ataupun pihak konsultan itu sendiri, sebab masa untuk *claim* itu hanya tidak sampai dua tahun. Apabila habis sahaja waktu yang kita panggil, saya terlupa *term* nya itu, baru berlaku pemendapan tanah. Memang kalau kos yang mereka hendak buat sendiri itu adalah tidak tertanggung, mahal. *It is not RM12,000 or RM10,000 it is more than that.*

Cuma masalahnya begini, seperti saya katakan itu, biasa saya katakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri tentang bagaimana kelulusan diberi kepada pembangunan di atas tanah gambut itu sendiri. Bagaimana pemantauan yang mungkin Yang Berhormat Menteri akan mengatakan ini adalah tanggungjawab PBT itu sendiri. Namun saya melihat bahawa PBT sendiri tidak mengambil satu sikap yang tegas kepada pemaju. Tidak mengambil sikap yang tegas kepada pemaju kerana tanah yang

dibangunkan itu tidak diambil, *engineering precaution* itu tidak ada. Banyak rumah-rumah dalam kawasan Klang terutamanya, semuanya menghadapi pemendapan sama ada dalam jangka masa pendek atau panjang.

Pokoknya ialah *piling* tidak dilakukan kepada semua kawasan rumah itu seperti di pagar ataupun di *porch*. Jadi dari segi *building foundation is good*. Akan tetapi dari segi kerosakan yang berlaku, kalau pegawai-pegawai daripada KPKT telah ziarah dan melihatnya sendiri bahawa ini adalah di antara perkara yang perlu kita ketatkan di dalam syarat-syarat pemajuan dan pihak PBT sendiri, MPK di sini mengatakan bahawa ini bukan lagi tanggungjawab mereka kerana mereka tidak lagi menjadi pihak bertanggungjawab untuk mengemukakan CCC. Ini kerana sekarang ini konsultan pemaju yang akan mengesahkan bahawa rumah ini layak diduduki atau tidak.

Bukan sahaja tentang rumah, ada lagi kawasan di situ, kolam tadahannya dan sebagainya pun mengalami masalah. Ceritanya tidak habis di situ. Jadi sebenarnya penduduknya sudah muak dengan pihak kerajaan, tidak kiralah Kerajaan Pusat, kerajaan negeri, KPKT, PBT kerana undang-undang itu terlampau lompong. Tidak melindungi mereka dalam jangka masa panjang. Saya minta Yang Berhormat Menteri kaji semula kes-kes seperti ini supaya ke depan pihak pemaju lebih bertanggungjawab dan tindakan yang lebih, syarat yang lebih ketat diambil. Ini kerana kita tahu itu tanah gambut dan kita lihat dalam *development* di tepi mereka itu akan didirikan dengan kawasan komersial, tidak didirikan terus. Malah mereka memendapkan dahulu tanah itu supaya rapat betul baru hendak naik bangunan itu.

■1700

Akan tetapi bila buat di kawasan perumahan, ini tidak berlaku. Apabila kita tanya, mereka mengatakan bahawa, "*Oh! Kami sudah buat soil test dan sudah di approved*". Bila kita pergi kepada Jabatan Geo-Mineral, mereka mengatakan, "*Kami memberi syarat yang terbuka*", makna, ia konsultan lah yang bertanggungjawab di mana nak buat *soil test* itu. Mereka melakukan *soil test* itu jauh daripada tapak perumahan itu sendiri.

Jadi, ini adalah beberapa tahun sebelum pembangunan itu. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat melihat perkara ini. Saya sudah tidak boleh nak buat apa-apa, sudah bawa kepada KPKT, sudah bawa kepada Exco, bawa kepada PBT. Akan tetapi sekarang ini mereka ini terpaksa pula menyaman Malayapine kerana mereka tidak puas hati. *Actually they've been given up on the government, both*. Baik KPKT, baik PBT kerana tidak melindungi rakyat. Oleh kerana mereka mengharapkan agensi kerajaan memastikan syarat-syarat ini dipenuhi sebelum membenarkan perumahan itu. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat yang prihatin. Akan tetapi seperti Yang Berhormat kata, sama ada negeri kah, KPKT kah, dari mula tadi

dalam bab perumahan tadi saya sudah nyatakan. Bahawa soal untuk memulakan projek ini, semua ini ialah kuasa pihak negeri dan juga PBT. Hendak berikan kebenaran merancang, itu kerja PBT. Kemudian *building design defect*, itu ialah ia punya konsultan yang dilantik. Kami KPT ini Yang Berhormat, kita memberikan kelulusan APDL.

Kita tengok semua sudah okey dan kita bagilah kelulusan untuk mereka dapat APDL, barulah rumah itu mereka boleh jual. Jadi, sebab itu saya pun simpati dengan mereka. *Since case* ini ada sudah dibawa ke mahkamah. Biarlah mahkamah yang akan menentukan. Bab tribunal, seperti saya nyatakan tadi kita telah pun membuat keputusan mengikut bidang kuasa yang ada pada kita. Kalau nak *claim defect liabilities*, mungkin dalam masa, *then* ia boleh *claim*. Undang-undang memang membenarkan.

Jadi, yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya nak menyentuh mengenai pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai. Isu ini telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Sandakan, ada Yang Berhormat Sandakan? Ada? Kalau tidak ada, saya bagi bertulislah. Yang Berhormat Sandakan, ada? Oh! Yang Berhormat Sandakan, diam saja. Isu pertambahan premis memberi pinjam wang, pajak gadai dan juga *loan shark* di kawasan Parlimen beliau yang akhirnya menimbulkan pelbagai masalah dalam kalangan masyarakat tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan negeri Sabah telah diberi kuasa dalam urusan pengawal seliaan dan juga penguatkuasaan terhadap pemegang lesen, termasuklah urusan pengeluaran lesen pemberian pinjam wang di negeri Sabah.

Semakan kementerian mendapati terdapat sebanyak 111 PPW, ertinya pemberi pinjaman wang yang berlesen di Sandakan. Oh! Di Sandakan saja, banyak ya. Ada 111 di Sandakan. Untuk makluman Yang Berhormat, *loan shark* biasanya dikaitkan dengan pemberi pinjam wang yang tidak berlesen di tempat along lah. Kita panggil along. Sekiranya dapati bersalah, boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada RM250,000 tetapi tidak melebihi daripada RM1 juta atau dipenjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Jadi, along ini kalau betul didapati ditangkap, didapati bersalah, hukumannya memang agak berat. Jadi, bagi pemegang lesen pajak gadai pula, urusan pengeluaran lesen adalah di bawah tanggungjawab KPKT melalui Akta Pemegang Pajak Gadai 1971 ataupun Akta 1981. Semakan kementerian mendapati hanya terdapat dua saja premis yang telah dilesenkan untuk pajak gadai di Sandakan. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat. Kapar.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Soalan saya.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Isu?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Isu beg plastik. Tidak jawab?

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Saya- mungkin- tapi saya boleh jawablah, apa isu fasal *statement* saya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya. *Statement...*

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ok, terima kasih. Terima kasih lah tanya. Saya ada buat kenyataan bahawa cara Kerajaan Negeri Selangor menjual beg plastik 20 sen kepada pengguna yang tidak bawa beg, 20 sen. Saya nak beritahu, mengikut kenyataan yang dibuat oleh Exco Elizabeth Wong dalam Dewan Undangan Negeri, dalam tempoh empat bulan kutipan yang dibuat untuk beg ini RM1.8 juta, bayangkan 20 sen satu. Jadi, kalau kita kira, bermakna dalam tempoh empat bulan, beg plastik ini berjaya dijual hampir lebih dekat 9 juta. Kalau ini berlaku, bagaimana nak berkesannya “Kempen Anti Plastik ”? Oleh sebab itu, kita juga lihat duit RM1.8 juta ini ke mana ia pergi? Kalau ikut jawapan yang diberi kata bagi kepada aktiviti-aktiviti kebajikan. *So?* Di mana? Ia tidak kena tepat. Dari situ kita sudah tahulah, bayar 20 sen pun orang tetap bayar, sampai RM1.8 juta dapat kutipan, empat bulan, Yang Berhormat.

Jadi bermakna, apa yang Kerajaan Negeri Selangor kenakan hanya hukuman. Dia tidak bawa beg, bayar 20 sen. Jadi, apa yang saya cadang, kalau Barisan Nasional menang esok Yang Berhormat, kita kena adil. Bukan sahaja kita nak menghukum. Betul, kalau tidak bawa beg, *you* bayar 20 sen. Akan tetapi kalau siapa yang bawa beg, kita bagilah juga dia 20 sen. Benda ini barulah ada *reward*. Jangan nak *punish* rakyat saja. Jadi, kalau esok siapa yang datang, kita bagi. Okey, yang bawa beg kita bagi 20 sen, ada tabungnya di situ. Percayalah cakap saya, lama-lama nanti orang akan setelah bila dapat *reward*, dia tengok nanti lebih banyak orang bawa beg sendiri, dengan cara tidak langsung nanti, orang boleh mengurangkan penggunaan beg plastik.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat kerana menjawab dalam Dewan yang mulia ini. Pertama sekali, itu menunjukkan komitmen Yang Berhormat mengatakan bahawa beg plastik digalakkanlah. Itu yang pertama sebab memang dalam ucapan Yang Berhormat dalam bentuk jawapan tadi nampak macam ada galakan. *So*, saya nak dapatkan komitmen Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat ini menggalakkan beg plastik masih digunakan atau bersama-sama dengan seluruh dunia ini yang sedang mengecam penggunaan beg plastik dan *polisterin*? Itu yang saya perlukan komitmen Yang Berhormat, yang pertama.

Kedua adalah perkara di mana kutipan 20 sen dan sebagainya ini dilakukan, bukan perkara biasa. Saya sebelum ini pun telah maklumkan bahawa ia berlaku di Britain. British pun buat sebegitu tetapi wang itu disalurkan dalam bentuk kebajikan seperti yang dibuat oleh Yang Berhormat Exco, yang Yang Berhormat sendiri namakan tadi di Kerajaan Negeri Selangor. Benda itu memang adalah satu praktis yang telah

diamalkan, bukan saja di Malaysia, di Selangor kini tetapi di luar-luar negara, itu yang kedua.

Ketiga Yang Berhormat, beg plastik diharamkan ini dimulakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Selepas itu, kerajaan-kerajaan di bawah Barisan Nasional seperti Wilayah Persekutuan, Melaka, Johor turut mengamalkan dasar yang sama dan Selangor pun mengamalkan dasar yang sama. Jika Yang Berhormat benar-benar nak memastikan benda ini seperti yang komitmen Yang Berhormat tadi, sepatutnya benda ini dilakukan di negeri-negeri Barisan Nasional sendiri. Tukar polisi di negeri Johor, tukar polisi di negeri Melaka. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Yang Berhormat, yang pertama sekali Yang Berhormat pun tidak faham apa saya cakap. Macam mana Yang Berhormat kata saya nak galakkan? Saya tidak galakkan. Saya nak galakkan supaya rakyat jangan guna beg plastik. Bila Kerajaan Negeri Selangor kenakan hukuman 20 sen, dia orang beli. Sekarang ini apa yang kata, kita juga mesti bagi *reward* kepada mana-mana orang yang datang bawa beg dia sendiri, bagilah juga, satu beg kalau dia bawa, dia bukan bawa beg plastik, beg dialah. Nanti adalah dia punya cara agihan dia, bagilah juga dia 20 sen. Jadi, tabung yang dibuat itu supaya akhirnya kalau nanti semua rakyat boleh bawa beg mereka sendiri tanpa menggunakan beg plastik, maka tercapailah matlamat.

■1710

Kalau kita terus kenakan 20 sen, saya sudah kata empat bulan RM1.8 juta. Janganlah ikut cara dengan negara lain. Negara lain, negara lainlah. Kita ada cara kita untuk kita hendak mengatasi. Yang Berhormat kata, kalau macam itu ada negeri dia tidak bagi beg plastik, dia bagi beg kertas. Kira satu alternatif lagi. Kemudian kalau hendak bagi beg plastik pun, biarlah yang *biodegradable*, bukannya plastik biasa. Jadi itu sebab Yang Berhormat, ini di bawah kementerian saya, saya tahu. Memang kita pun kempen untuk kurangkan penggunaan plastik. Kita tahu bahawa plastik ini yang boleh menyebabkan dia hendak lupus, dia hendak hancur, memang mengambil masa. Betul kita galakkan, hanya kita hendak mencadangkan supaya ia lebih baik. Bukan saja kita hendak suruh orang beli plastik, tetapi yang bawa plastik hendak galakkan. Kita kenalah bagi *reward* juga, barulah kita boleh capai matlamat kita. Itulah maksud saya.

Janganlah Yang Berhormat kata saya pula hendak galakkan guna beg plastik. Ini kementerian saya pun berkempen supaya jangan gunakan beg ini. Cara kita hendak mengatasi. Kalau susah sangat, bagi beg kertas sajalah kalau susah sangat daripada hendak dapat duit. Kemudian kalau duit itu dapat pula untuk aktiviti-aktiviti kebajikan. Dia sepatutnya mestilah diteruskan dengan kempen-kempen supaya jangan gunakan beg plastik Yang Berhormat. Ya.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Kulai. Terima kasih. Saya faham bahawa sekarang pendirian Yang Berhormat Menteri adalah kita perlu galak orang ramai untuk mengguna *recycle beg*, betul tidak? Saya rasa 20 sen untuk setiap satu *recycle beg* itu cadangan bagus. Saya wakil rakyat dari Johor, jadi saya hendak tanya di sini, bila Yang Berhormat Menteri boleh memastikan bahawa polisi ini dilaksanakan di negeri Johor supaya setiap kali saya bawa *recycle beg* saya pergi untuk membeli belah, saya boleh dapat 20 sen setiap beg *recycle*. Saya rasa tidak perlulah tunggu bahawa Selangor tukar kerajaan. Kalau memang ini adalah - kalau memang Yang Berhormat Menteri rasa ini adalah satu cadangan yang bagus, satu polisi yang bagus, bermulalah daripada negeri Johor. Bukankah Barisan Nasional kerajaan di negeri Johor, di Pahang dan juga di Melaka. Bila boleh kita laksanakan polisi ini? Janganlah, fokuslah perhentian di negeri Selangor sahaja. Bila boleh negeri Johor *start*? Terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Menteri, Sekijang.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Mana, siapa?

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Sekijang.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ya, Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kita di Johor ini Yang Berhormat Menteri, kita tidak pernah caj pun 20 sen untuk plastik ini. Negeri yang caj ini negeri Selangor saja. Jadi saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat, adakah kita perlu layan permintaan 20 sen ini seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kulai tadi?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya rasa saya perlu memperbetulkan Yang Berhormat Sekijang. Mungkin dia tidak pergi ke Tesco, pergi ke mana-mana untuk membuat beli-belah. Ini kerana saya bukan saja wakil rakyat, saya...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Isteri dia buat Yang Berhormat, dia tidak buat.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya juga seorang isteri yang perlu pergi buat membeli belah. Hari Sabtu *you* pergi Tesco, tengok perlu bayar atau tidak.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]: Itu kawasan Parlimen Kulai.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Tidak apalah Yang Berhormat. Yang Berhormat kena faham, kuasa untuk menentukan caj beg plastik ini lain negeri lain cara. Sebab apa? Sebab ini kuasa kerajaan negeri, kena ingat. Ini kuasa kerajaan negeri. Sewaktu saya buat kenyataan itu, saya buat kenyataan bukan sebagai Yang Berhormat Menteri KPKT, sebagai Pengerusi Barisan Nasional Negeri Selangor. Itu janji BN Negeri Selangor. Kalau kita menang negeri Selangor, itu kita buat yang itulah. Itu Yang Berhormat kena faham. Janjikan saya untuk Selangor, bukan saya cakap sebagai Yang

Berhormat Menteri. Saya kata kalau Selangor menang sebab kalau katalah saya buat Menteri, saya tidak ada kuasa hendak paksa negeri Johor kena macam ini. Tidak ada. Itu hak PBT masing-masing.

Jadi Yang Berhormat Kapar hendak pastikan laksana, pastikan BN Selangor akan menang. Saya akan laksanakan apa yang saya cakap. Terima kasih banyak.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, terima kasih atas jawapan sebab rakyat sedang mendengar. *Thank you, thank you so much.* Biar rakyat menilai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, selesai Yang Berhormat? Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 22 Mac 2018. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 17.14 ptg]